


Jilid III  
Bil. 48



Hari Rabu  
15hb November, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 8693]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1990**

*Jawatankuasa—*

*Jadual:*

**Maksud B.1 hingga B.12 [Ruangan 8744]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1990**

*Jawatankuasa—*

**Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 8744]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (KubangPasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASTAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.I., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RALEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,  
TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

” DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

” DR CHEN MAN HIN (Seremban).

” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

” DR V. DAVID (Puchung).

” TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

” DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

” TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOMANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 15hb November, 1989
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.

*(Soalan No. 1 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Taiman bin Lumaing.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Taiman bin Lumaing tidak hadir).*

## IKLAN DI RTM DAN TV3

3. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan apakah dasar pengiklanan dan jumlah slot pada satu-satu masa yang ditetapkan bagi RTM dan TV3. Adakah beliau sedar RTM dan TV3 menayangkan slot-slot iklan yang berlebihan dan kadangkala hampir 10 slot dalam satu masa. Ini sedikit sebanyak menimbulkan kurang minat di kalangan penonton-penonton.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, iklan merupakan sumber hasil utama bagi RTM. Hasil daripada iklan tersebut dapat menampung sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan khususnya bersabit dengan perkhidmatan penyiaran dan dapat mencapai matlamatnya menjadi "Self-Sufficiency" dari segi kewangan.

Dalam menyiarkan iklan-iklan, RTM menggunakan garis panduan seperti berikut bagi mengelakkan selingan iklan yang berlebihan.

- (i) bagi rancangan-ancangan yang mengambil masa lebih dari satu jam, selingan iklan tidak melebihi 3 kali (iaitu di awal, pertengahan dan akhir rancangan) dengan jumlah masa tidak melebihi 10 minit.
- (ii) bagi rancangan-ancangan yang memakan masa 30 minit, selingan iklan tidak melebihi 2 kali (awal dan akhir rancangan) dengan memakan jumlah masa tidak melebihi 5 minit.

Garis panduan tersebut tidak menetapkan jumlah iklan dalam sesuatu selingan, tetapi mengawasinya dari segi jumlah masa yang digunakan bagi menyiarkan iklan-iklan melebihi rancangan.

Dengan adanya Akta Penyiaran yang memberi kuasa kepada Menteri Penerangan untuk mengawal iklan-iklan di televisyen dan radio, maka masalah iklan-iklan di televisyen seperti TV3 yang menyiarkan iklan yang berlebihan akan dikawal. Peraturan-peraturan mengenai kawalan iklan sudahpun dibuat melalui Akta dan semua stesyen-stesyen hendaklah mematuhi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan berapakah jumlah kutipan daripada iklan-iklan di RTM1, RTM2 dan TV3 bagi tiap-tiap tahun dari tahun 1987 hingga tahun 1989?

Kedua, adakah perbezaan dalam harga-harga bagi satu saat untuk iklan-iklan antara RTM1, RTM2 dan TV3? Jika ya, apakah perbezaannya?

Ketiga, saya hendak tahu sama ada TV3 akan menimbangkan supaya disiarkan berita-berita dalam bahasa Tionghua di dalam TV3? Kalau permohonan atau permintaan itu telah diterima oleh TV3, maka apakah TV3 akan menimbang untuk menyiarkan berita-berita dalam bahasa Tionghua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Soalan yang ketiga itu di luar daripada tajuk, Yang Berhormat dan tidak boleh jawab.

**Tuan Lau Dak Kee:** TV3 ada termasuk di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, pendapatan kutipan iklan daripada TV, angka yang ada di tangan saya ini ialah hanya bagi tahun 1988 dan sehingga Ogos, 1989 sahaja. Pendapatan bagi tahun 1988 daripada iklan di Televisyen ialah \$80 juta dan Radio \$7 juta dan bagi tahun 1989 kutipan daripada iklan di Televisyen sehingga Ogos ini ialah kurang lebih \$60 juta dan Radio sebanyak \$5 juta.

Tentang perbezaan harga memang kita mempunyai perbezaan harga dari segi masa yang dikatakan "prime time" dan "non-prime time", iaitu "prime time" di antara pukul 8.00 malam sehingga pukul 10.30 malam. Bayaran bagi "prime time" ini ialah di antara \$9,100 sehingga \$15,000 bagi satu minit dan bagi masa tidak "prime time" iaitu di antara \$1,200 sehingga \$7,000.

Berhubung dengan TV3 sukacita saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak TV3 adalah merupakan penyiaran swasta dan rasanya tidak wajar untuk saya menjawab bagi pihak TV3.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapatan dari iklan sebanyak \$80 juta pada tahun 1988 dan mungkin pada tahun ini akan bertambah banyak lagi, iaitu ianya akan menjadi revenue yang berlebihan daripada kos pengurusan RTM. Adakah Kementerian bercadang apabila tahap ini dicapai RTM akan dijadikan satu corporation yang akan berjalan di atas kuasanya sendiri?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bilakah dasar menunjuk muka Malaysia di dalam iklan RTM akan diimplimentasikan.

**Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walaupun pendapatan iklan itu bertambah dari masa ke semasa, tetapi pertambahan ini sebenarnya masih belum dapat menutup pertambahan perbelanjaan yang juga bertambah dari setahun ke setahun. Tetapi walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan itu sampai kepada satu peringkat yang melebihi daripada perbelanjaan, maka pada waktu itu, insya Allah, kita akan fikir apa yang sepatutnya dibuat.

Yang kedua, berhubung dengan iklan muka Malaysia, sebenarnya dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun mengumumkan bahawa pihak Kementerian akan mengurangkan dan telah pun mengurangkan iklan-iklan yang lebih menyiarkan pelakon-pelakon yang mempunyai rupa Pan-Asian – sudah mula mengurangkan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada jumlah yang dikutip \$60 juta untuk tahun 1989 tadi dan \$7 juta untuk radio, \$60 juta untuk TV menunjukkan bahawa jumlah itu berbanding dengan revenue ataupun pendapatan negara keseluruhannya tidaklah begitu banyak. Jadi, saya rasa dalam masa Kerajaan menghadapi resesi atau kemelesetan ekonomi, ini mungkin perlu

kita gunakan mendapat pendapatan untuk negara tetapi oleh kerana ekonomi nampaknya pulih, tidakkah kerajaan bercadang untuk menumpukan perhatian RTM ini untuk mempamerkan sesuatu ke arah melaksanakan tugas RTM asal iaitu melaksanakan tugas untuk rakyat, bukan untuk mengiklankan begitu banyak dan mengutipkan pendapatan seperti yang saya telah sebutkan, dan tidakkah Kerajaan bercadang mengutamakan agensi-agensi lain Kerajaan untuk mendapat pendapatan bagi Kerajaan?

Yang keduanya, saya tergilang sedikit dengan jawapan Yang Berhormat tadi mengenai tanggungjawab ke atas TV3 sedangkan saya rasa walaupun ianya satu badan swasta tetapi tidakkah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu Akta supaya dapat mengawal aktiviti TV3 ini. Jadi, saya bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu Akta supaya dapat dikawal gerak-geri TV3 dan juga supaya iklan yang tidak begitu manis dipandang mata yang selalu dilakukan oleh TV3 dan juga RTM ini dapat dikawal? Apakah langkah-langkah supaya yang tidak sedap ini dipandang mata, yang kotor. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Macam mana, Yang Berhormat? Yang tidak manis ini, macam mana?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Manis dipandang mata. Ada orang suka tengok tetapi tidak manis dipandang mata. Itu sahaja. Terima kasih. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RTM tugas yang paling utama yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat, menyampaikan penerangan juga untuk mendidik di samping untuk memberi sedikit sebanyak hiburan. Kalau kita lihat segala program-program yang disiarkan melalui RTM, kita dapati bahawa walaupun ada pihak-pihak yang tertentu yang tidak puas hati di atas penyiaran itu tetapi ia sudah menuju kepada matlamat yang saya telah sebutkan tadi, dan wujudnya

iklan-iklan yang disiarkan melalui program-program yang disiarkan tidaklah menutup segala program-program yang disiarkan itu, atau dengan kata lain, iklan-iklan itu bukanlah menjejaskan segala program-program yang disiarkan.

Yang kedua, berhubung dengan tanggungjawab terhadap TV3 ini, sebenarnya memang kita ada Akta Penyiaran yang telah pun diluluskan pada tahun lepas oleh Dewan yang mulia ini dan mengikut Akta ini dari beberapa segi, kita mempunyai hak dalam bidang-bidang tertentu mengawal program-program yang disiarkan oleh TV3 itu tetapi satu perkara yang kita harus sedar juga bahawa TV3 itu adalah merupakan satu badan swasta, sudah tentu ia mempunyai kawasan-kawasan yang tertentu dari segi pengawalannya.

#### SEKOLAH AGAMA RAKYAT— SKIM BANTUAN

**4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan membuat apa-apa perubahan dan penyesuaian mengenai skim bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara. Oleh kerana sebahagian besar daripada sekolah-sekolah agama yang dahulunya dipanggil nama Sekolah Agama Rakyat telah diambil alih oleh Pihak Berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun sama ada Kementerian Pendidikan ada memberikan bantuan sokongan di dalam berbagai-bagai bentuk yang lain. Jika ada, sila butirkan mengikut negeri-negeri.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah agama di Malaysia dikelaskan kepada tiga jenis seperti berikut:

- (i) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang diletak terus di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (ii) Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri.
- (iii) Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan memberikan bantuan tenaga pengajar atau guru dan juga bantuan buku teks kepada Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Bantuan guru yang telah diberikan hingga kini ialah seramai 607 orang.

Bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat pula adalah bercorak bantuan kewangan berdasarkan bilangan murid dan jenis sekolah. Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa sentiasa mengkaji mengenai kadar peruntukan bantuan ini dengan membuat perubahan berdasarkan keperluan semasa. Kadar bantuan yang diberikan pada masa ini adalah seperti berikut:

- (a) peringkat Sekolah Rendah diberikan peruntukan sebanyak \$30.00 setahun bagi tiap-tiap seorang murid;
- (b) peringkat Sekolah Menengah Rendah diberikan peruntukan sebanyak \$45.00 setahun bagi tiap-tiap seorang murid; dan
- (c) peringkat Sekolah Menengah Atas diberikan peruntukan sebanyak \$60.00 setahun bagi tiap-tiap seorang murid.

Peruntukan yang telah dikeluarkan pada tahun 1989 berjumlah hampir \$7.1 juta iaitu pertambahan sebanyak \$400,000 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1988.

Butir-butir mengikut negeri-negeri boleh diberikan tetapi akan memakan masa panjang. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perlu, saya boleh beri butir-butir itu secara bertulis. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada \$7.1 juta yang saya sebutkan tadi, Kelantan diperuntukkan \$752,000.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan beritahu adakah dengan segala bantuan yang diberikan oleh Kementerian bermakna bahawa Kementerian berhak menyelia dan mengawas pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Rakyat itu, dan kedua, apakah hasil-hasil penyiataan mengenai kebakaran

Sekolah Agama Rakyat di Padang Lumat baru-baru ini di Kedah?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya kita belum dapat satu laporan siasatan berkaitan dengan kebakaran Sekolah Agama Rakyat di Kedah itu dan kita sedang menunggu siasatan yang lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peruntukan yang diberi ini bukan maksud bahawa kita hendak memperolehi pentadbiran sekolah itu. Kita berikan sebab Kerajaan bertanggungjawab untuk semua rakyat di negara kita ini. Sekira mereka tidak berpeluang untuk mengikuti kursus-kursus di sekolah-sekolah Kerajaan ataupun ibu-bapanya berhasrat untuk mengambil anak-anak ke Sekolah Agama Rakyat itu, Kerajaan akan tidak mengenyepikan mereka dan akan sedaya-upaya memberikan peruntukan untuk membangunkan dan menjaga faedah pendidikan mereka juga.

**Tuan Haji Mohamed bin Yakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini telah mengadakan peruntukan bangunan gotong-royong kepada Sekolah Agama Rakyat di seluruh negara. Kalau ada berapa buahkah yang sudah diberi dan berapakah jumlah peruntukan itu di tahun-tahun yang sudah dan adakah rancangan peruntukan itu akan disambungkan di tahun akan datang?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya, Kementerian Pendidikan belum ada dasar atau peruntukan untuk memberi sumbangan wang kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang diperolehi oleh swasta dan sekolah itu mendapat wang peruntukan melalui gotong-royong, sebab dari segi pembangunan, jenis sekolah-sekolah dibezakan dengan sekolah Kerajaan dan sekolah swasta. Sekolah Kerajaan juga dijeniskan kepada 2 jenis sekolah dari segi pembangunan iaitu sekolah bantuan penuh yang 100% tanggungjawab Kerajaan dan sekolah bantuan modal di mana Kementerian Pendidikan akan memberikan subsidi untuk pembangunan. Sekolah Agama Rakyat yang tidak diperolehi oleh

Kerajaan tetapi diperolehi oleh swasta itu tidak boleh dapat sumbangan kewangan pada masa sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir).*

#### BANK PERTANIAN-PERANAN UTAMA

7. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri pertanian menyatakan:

- (a) peranan Bank Pertanian Malaysia di Sarawak dalam usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat; dan
- (b) jumlah pinjaman yang diberi setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Peranan utama Bank Pertanian Malaysia ialah menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman serta khidmat nasihat dalam pengurusan projek dan kewangan kepada golongan petani, nelayan, penternak dan usahawan pertanian bagi meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan-golongan tersebut. Untuk membantu Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, Bank Pertanian telah menyediakan 3 jenis pinjaman kepada kumpulan khas yang merupakan golongan

sasaran Kerajaan. Pinjaman-pinjaman tersebut ialah:

- (i) pinjaman biasa;
- (ii) Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP); dan
- (iii) Development of Sarawak Smallholders Agriculture (Skim DESSA).

Kadar pinjaman yang dikenakan bagi pinjaman-pinjaman di atas ialah 4% setahun.

- (b) Setakat ini jumlah terkumpul pinjaman yang diberi untuk negeri Sarawak dari tahun 1975 hingga Ogos 1989 ialah bernilai \$40.9 juta. Ini meliputi 4,515 pinjaman. Dari jumlah itu, sebanyak 3,151 pinjaman iaitu bernilai \$21.6 juta diberikan di bawah program membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang bermula pada tahun 1981.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa dalam usaha kita untuk menyusun semula masyarakat maka pinjaman kepada petani dan juga pihak yang kita anggap berpendapatan rendah adalah amat penting dan dengan itu mereka dapat meninggikan taraf hidup dan menyesuaikan diri dalam masyarakat yang lain.

Soalan saya, semalam DAP iaitu Ketua Pembangkang telah menuduh Bank Pertanian memberikan pinjaman besar-besaran dan ada pinjaman \$100 juta diberikan kepada orang perseorangan. Jadi, kita tidak mahu di dalam Dewan yang mulia ini DAP telah membuat tuduhan yang membuta-tuli.

**Beberapa Ahli: Boo!**

**Tuan Shahidan bin Kassim: Apa?**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila habiskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin Yang Berhormat tolong buktikan dalam Dewan ini bahawa mereka bercakap bohong dan kurang ajar.

**Tuan Lau Dak Kee:** 36 (6). Sudah keterlaluan, minta dia tarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya bukan kata ini. Saya kata kenyataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Arau, tarik balik perkataan kurang ajar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya bukan kata kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya minta tarik balik perkataan kurang ajar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya minta Yang Berhormat tolong . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta tarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Insya Allah atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, bukan mereka itu, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Okay! Sila jawab.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menguruskan perniagaan Bank Pertanian ini kita memberi keutamaan untuk pinjaman kepada petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan iaitu golongan yang pendapatannya rendah dan khususnya kepada golongan yang miskin sekali.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah \$40.9 juta yang telah diberi semenjak pada 1975 hingga 1989, adakah pembayaran balik yang dilakukan oleh peminjam ini telah mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak Bank, ataupun kalau tidak, berapakah hutang yang ada di tangan peminjam ini yang belum lagi

dijelaskan oleh para peminjam di negeri Sarawak? Yang kedua, di negara Malaysia keseluruhannya?

Yang ketiga, soal membasmi kemiskinan di negeri Sarawak, adakah pihak Bank Pertanian di negeri Sarawak mempunyai agensi yang berkesan dan efektif untuk memberi penjelasan kepada rakyat luar bandar supaya dapat menggunakan Bank Pertanian ini dengan cara berkesan kerana salah satu masalah yang timbul daripada rakyat yang hendak menggunakan Bank ini ialah mereka tidak tahu macam mana hendak guna. Jadi, sepatutnya Bank itu ada agensi yang berkesan untuk memberi penjelasan kepada rakyat luar bandar dan apakah Bank mempunyai ini dan bertindak ke arah mencapai matlamat yang saya sebutkan?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pembayaran balik kepada Bank Pertanian ini di Sarawak didapati memuaskan walaupun seperti mana-mana bank dan juga kes-kes yang tidak mendapat bayar balik pinjaman itu tetapi kalau Yang Berhormat hendak jumlah, saya tidak ada jumlah peminjam yang tidak dapat bayar balik pada masa ini. Jikalau Yang Berhormat hendak juga angka itu, saya boleh menulis kepada Yang Berhormat.

Berkenaan soalan yang kedua itu terkeluar daripada soalan pokok kerana soalan pokok ini menyentuh di Sarawak sahaja. Keseluruhan Malaysia itu saya tidak ada angka pada masa ini. Sekiranya Yang Berhormat mahu saya boleh juga menulis terus kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan soalan ketiga, Bank Pertanian tidak ada agensi yang spesifik bagi mengeluarkan iklan ataupun menyebarkan khabar-khabar atau risalah-risalah kepada orang-orang atau golongan petani dan penternak tetapi kita ada Credit Officer yang sentiasa keluar menjalankan tugasnya sampai ke kampung-kampung untuk memberi maklumat-maklumat dan juga menyampaikan segala butiran-butiran yang dikehendaki oleh orang-orang kampung. Credit Officer itu memang ada di tiap-tiap cawangan, bukan seorang sahaja tetapi ada segolongan orang.

## BEKALAN ELEKTRIK KE SELURUH NEGARA

8. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriaannya untuk memberi bekalan elektrik bermutu kepada kilang-kilang elektronik yang "high-technology" agar mencegah pemusnahan dan pembaziran produk-produk "hi-tech" dan sila nyatakan amaun kerugian yang dialami oleh kilang-kilang tersebut disebabkan bekalan elektrik bermutu buruk.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bertanggungjawab untuk membekalkan tenaga elektrik kepada seluruh rakyat jelata. Walau bagaimanapun, mutu bekalan juga perlu diberi perhatian yang berat seperti yang diharapkan oleh pengguna terutama sekali pihak pengusaha termasuk industri elektronik. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedia maklum terdapat kejadian-kejadian di mana mutu bekalan tidak memuaskan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kilang elektronik terletak di merata tempat seperti di Bayan Lepas, Lembah Kelang, Seremban, Melaka dan Johor. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini seperti berikut:

- (i) Pembinaan Pencawangan-pencawang Masuk Utama untuk menampung pertambahan beban tenaga elektrik yang begitu pesat. Contohnya, di Bayan Lepas satu Pencawang Masuk Utama di NS Electronic dimulatugaskan pada Julai 1988;
- (ii) Memperkukuhkan rangkaian sistem pembahagian supaya pembekalan alternatif dapat dikendalikan sekiranya berlaku kerosakan kabel. Contohnya di Bayan Lepas, Pulau Pinang kabel 33 KV di antara Pencawang Masuk Utama Bayan Baru ke NS Electronic, Kampung Jawa dan Bayan Lepas.
- (iii) Mengasingkan kabel pembekal di antara perindustrian berat dengan perindustrian ringan seperti kilang elektronik. Contohnya di Seremban, Melaka dan Lembah Kelang, kilang elektronik yang lebih sensitif bekalannya adalah diasingkan saluran pembekalannya daripada kilang-kilang lain yang boleh mengganggu operasi kilang elektronik dari segi gangguan voltan ataupun harmonik.

Hasil tindakan seperti di atas, maka jumlah gangguan di kilang-kilang ini telah berkurangan. Contohnya, di kawasan Bayan Lepas-gangguan pada tahun 1987 ialah 18; pada tahun 1988 turun kepada 11 dan pada tahun 1989 sebanyak 2 gangguan. Di Melaka—gangguan pada tahun 1987 ialah 25 kali, turun kepada 20 pada tahun 1988 dan hingga kini belum ada lagi gangguan di Melaka.

Sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan sedang merancang supaya kilang-kilang elektronik dizonkan di kawasan khas untuk mengawal mutu bekalan asas termasuk elektrik yang lebih stabil dan memuaskan.

Kerajaan telah pun menghantar seorang jurutera kanan LLN untuk mengkaji sistem pembekalan di Silicon Valley, Amerika Syarikat baru-baru ini dan satu laporan cadangan untuk membaiki mutu bekalan kepada kilang elektronik sedang dilaksanakan oleh LLN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai amaun kerugian yang dialami oleh kilang-kilang elektronik semasa gangguan bekalan elektrik, Kerajaan tidak dapat membuat anggaran oleh kerana sebarang kerugian yang dialami hanya diketahui oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Walaupun begitu, pihak Kementerian berusaha untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak FMM untuk maklumat ini pada masa yang akan datang.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih setelah mendengar penjelasan daripada Yang

Berhormat Timbalan Menteri untuk memperbaiki peruntukan bekalan elektrik untuk industri-industri. Cuma saya tidak dengar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang masalah dan usaha untuk memperbaiki bekalan elektrik kawasan perindustrian Bakar Arang di Sungai Petani kerana kawasan perindustrian Bakar Arang, Sungai Petani ada banyak kilang-kilang terutamanya kilang membuat sarung tangan yang sangat sensitif kepada bekalan elektrik, kadang-kadang kilang-kilang ini mendapat kerugian yang tinggi kerana apabila bekalan elektrik itu terputus, maka sarung-sarung tangan yang telah dimasukkan ke dalam mesin-mesin itu akan rosak semuanya. Kilang akan menanggung kerugian yang tinggi. Bekalan elektrik lebih terjejas lagi kerana bandar Sungai Petani sekarang ini mempunyai taman-taman perumahan semakin banyak. Soalan saya, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengambil perhatian khusus tentang masalah bekalan elektrik di kawasan perindustrian Bakar Arang di Sungai Petani?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan mengambil berat tentang keperluan bekalan elektrik sama ada dari segi kualitinya ataupun dari segi reliabilitinya, kerana kita sedia maklum bahawa kerugian mungkin terpaksa ditanggung oleh pihak-pihak berkenaan jika sekiranya bekalan tidak mencukupi dari segi kualiti dan juga reliability. Kerajaan tidak membezakan antara kawasan-kawasan perindustrian. Soalan yang dirujuk pada hari ini ialah mengenai industri elektronik tetapi ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Infrastruktur yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri supaya memastikan bahawa bekalan elektrik dan seterusnya telefon dan kemudahan-kemudahan yang lain dipertingkatkan di kesemua kawasan-kawasan perindustrian dan saya percaya termasuklah kawasan perindustrian Bakar Arang di Sungai Petani. Ini untuk

memastikan bahawa pelaburan di kawasan-kawasan tersebut sentiasa terpelihara dari segi kemudahan keperluan mereka dalam bentuk kemudahan-kemudahan yang ada kaitannya dengan kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kawasan Bakar Arang tidak akan tertinggal dalam usaha memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik.

### LEBUHRAYA GURUN-SUNGAI PETANI—PEMBINAAN

**9. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah rangkaian Lebuhraya dari Gurun ke Butterworth dapat disiapkan dan adakah rancangan untuk membuat satu "interchange" ke Guar Cempedak dari Lebuhraya Alor Setar ke Gurun; dan
- (b) adakah Jabatan Kerjaraya akan memperbaiki semula jalan basikal di sebelah jalanraya Persekutuan sepanjang jalan dari Padang Lumat ke Alor Setar.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PLUS sedang mengendalikan kerja-kerja pembinaan bagi Lebuhraya Gurun ke Sungai Petani dan dijangka siap pada awal tahun 1991. Mengikut perjanjian konsesi, pembinaan bagi Lebuhraya Sungai Petani ke Butterworth hanya dijadualkan bermula pada akhir tahun 1990 dan siap akhir tahun 1993. Walau bagaimanapun, pihak PLUS bercadang untuk memulakan kerja tersebut pada awal tahun 1990 dan bercadang menyiapkannya pada pertengahan tahun 1992. Ini bermakna Lebuhraya Sungai Petani ke Butterworth akan disiapkan untuk kegunaan 18 bulan lebih awal daripada jadual asal.

Mengenai cadangan untuk membina sebuah "interchange" ke Guar Cempedak dari Lebuhraya Alor Setar ke Gurun, tidak ada cadangan untuk membinanya pada masa sekarang kerana satu "interchange" telah pun ada di Gurun berdekatan dengan Guar Cempedak.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan ialah dari Kilometer 4.6 hingga Kilometer 28 Jalan Alor Setar ke Butterworth yang tamat di Padang Lumat. Sebenarnya sepanjang 4.2 kilometer jalan basikal berkenaan adalah dalam keadaan baik dan sepanjang 1.7 kilometer sedang dibaiki. Kementerian bercadang untuk memperbaiki semula bahagian-bahagian lain jalan tersebut di masa hadapan, kalau ada peruntukan.

**Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah kos yang diperuntukkan bagi membina lebuhraya dari Gurun-Butterworth.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Anggaran kos pembinaan ini ialah sebanyak \$356.6 juta.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengalaman kita dalam pembinaan lebuhraya ini, khususnya di Kedah, kita dapati lebuhraya ini rosak teruk apabila siap dan diserahkan kepada pihak Kerajaan. Saya beri contoh iaitu sebahagian daripada lebuhraya Utara-Selatan ini iaitu daripada Alor Setar-Gurun, sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, belum diperbaiki dengan sempurna untuk kegunaan orang ramai. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jaminan-jaminan dan tindakan-tindakan yang diambil untuk memastikan bahawa lebuhraya daripada Gurun-Butterworth ini tidak mengalami nasib yang sama yang dialami oleh lebuhraya daripada Alor Setar-Gurun. Oleh itu, apakah tindakan-tindakan untuk menyelia pembinaan lebuhraya ini

dan adakah pihak Kementerian menggunakan consultants bebas dalam pembinaan lebuhraya ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, semua package yang dijalankan oleh PLUS adalah mengikuti perjanjian yang ditandatangani di antara pihak Kerajaan dengan pihak PLUS dan semua package ini adalah consultants yang telah dipersetujui dan reka bentuk semua ini telah dipersetujui dan dilaksanakan oleh Kementerian. Oleh sebab itu, dalam syarat-syarat perjanjian, kerja-kerja ini mesti mengikuti syarat-syarat yang ditentukan dan kalau ada apa-apa pelanggaran syarat ini, Kementerian boleh mengambil tindakan. Oleh sebab itu, pihak Kerajaan mengawal kerja PLUS ini dengan syarat-syarat yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

*(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani.

*(Soalan No. 12 Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani tidak hadir).*

#### **DOKTOR PERGIGIAN/DOKTOR MATA DI KLINIK LUAR BANDAR**

13. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar dan bercadang hendak menempatkan doktor-doktor pergigian dan doktor-doktor mata, untuk ditugaskan di daerah-daerah dan luar bandar di negara kita, kalau ia bila, kalau tidak kenapa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada menyediakan perkhidmatan pergigian di daerah-daerah dan kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara melalui klinik-klinik Pergigian Besar dan Pusat-pusat Kesihatan di mana doktor-doktor pergigian ditempatkan untuk bertugas di tempat-tempat tersebut.

Di samping itu terdapat juga kawasan-kawasan di mana perkhidmatan diberi oleh doktor pergigian dan pasukannya secara lawatan mengikut jadual yang telah pun ditetapkan. Tetapi mengenai doktor mata, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menempatkan mereka di daerah-daerah dan luar bandar memandangkan kekurangan doktor-doktor mata dalam negara ini. Pakar-pakar mata ditempatkan di Hospital-hospital Besar dan juga di beberapa hospital-hospital daerah. Di Hospital-hospital lain, kes-kes mata dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Perubatan. Bagi kes-kes yang memerlukan rawatan Pakar Mata ianya dirujuk kepada Hospital-hospital berdekatan yang mempunyai perkhidmatan Pakar Mata.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan masalah kekurangan ophthalmologist yang sedang berkhidmat di Hospital Kerajaan adalah amat kurang dan masalah ini bukanlah masalah yang baru, masalah ini telah pun lama terwujud. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Saya tidak ingin dengar bahawa ini adalah satu masalah yang akan diatasi. Saya minta Timbalan Menteri memberi satu jaminan dan langkah-langkah yang konkrit, sebab masalah ini adalah masalah yang teruk.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Yang Berhormat yang bertanya pun mungkin faham bahawa negara kita menghadapi masalah kekurangan, bukan sahaja pakar mata ataupun ophthalmologist dan juga pakar-pakar lain. Kementerian Kesihatan sekarang ini telah menyusun beberapa program yang tertentu untuk menentukan

bahawa pakar-pakar, bukan sahaja dalam bidang yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi bidang-bidang lain juga dilatih mengikut kehendak-kehendak tertentu. Oleh kerana itu seperti yang difahami, untuk melatih seseorang pakar itu mengambil masa yang panjang. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat perlukan sesuatu jawapan yang lebih detail berkenaan dengan program Kementerian Kesihatan untuk melatih pakar-pakar yang tersebut itu, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan secara bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab sejak negara kita merdeka selama 32 tahun masih kekurangan dengan pakar-pakar tersebut? Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menarik pakar-pakar untuk mengisi kekosongan ini dan sama ada pihak Kerajaan ingin mengiktiraf mereka yang mendapat latihan daripada negara-negara lain seperti Taiwan dan India yang diiktiraf oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain untuk menyelesaikan masalah ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa soalan ini adalah soalan yang terlalu umum. Soalan pokok ialah berkisar melalui pakar mata. Oleh kerana jawapannya saya telah beri awal tadi, iaitu langkah-langkah yang mungkin diambil . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat minta kebenaran dahulu daripada . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta penjelasan, bahawa saya merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, biar dia jawab dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Jawapannya sebenarnya saya telah beri

bahawa kita telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa pakar-pakar ini boleh mengisi kekosongan yang ada, tetapi seperti yang saya katakan tadi bahawa soalan Yang Berhormat tadi adalah agak terlalu umum. Walau bagaimanapun, seperti yang telah pun saya katakan tadi, sepertimana juga Yang Berhormat merasakan bahawa sesuatu patut dibuat untuk mengisi kekurangan ini, Kementerian Kesihatan juga tentu sekali akan mengambil berat dan sedang mengambil satu langkah yang boleh mengisi kekurangan pakar-pakar ini. Seperti yang saya maklumkan tadi ia mengambil masa yang panjang dan seperti mana Yang Berhormat sendiri maklum "it doesn't take a day to built Rome".

#### BANTUAN KEWANGAN NEGARA ASING

**14. Tuan Madang Morejal** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bantuan kewangan dari negara asing yang diterima oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan nyatakan dasar-dasar pengagihan bantuan tersebut kepada negeri-negeri di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan kewangan dari negara-negara asing adalah dalam dua bentuk, iaitu melalui pinjaman dan geran. Jumlah pinjaman concessionary yang belum dijelaskan pada akhir tahun 1988 adalah sebanyak \$5,134 juta dan jumlah geran yang diterima sehingga akhir tahun 1988 adalah sebanyak \$1,028 juta.

Pengagihan bantuan tersebut tidak berasaskan kepada negeri tetapi berasaskan kepada projek-projek yang dilaksanakan seperti yang ditentukan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek pembangunan adalah diluluskan dengan mengambil kira kepentingan negara secara keseluruhan termasuk kepentingan tiap-tiap negeri.

**Tuan Madatang Morejal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah

difahami bahawa sebuah pertubuhan antarabangsa yang dipertanggungjawabkan untuk melindungi alam sekitar telah memberi sumbangan kewangan kepada Kerajaan Malaysia untuk tujuan penanaman kayu kayan di negara ini sebagai langkah-langkah untuk melindungi alam sekitar. Adakah Negeri Sabah diberi bahagian peruntukan tersebut, jika ia, berapa dan jika tidak, apa sebabnya. Terima kasih.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, hingga setakat ini saya tidak dapat maklum tentang perkara ini. Walau bagaimanapun saya boleh menyemak perkara ini dan memaklumkan kepada Yang Berhormat tentang soalan ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa agak anih apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pinjaman yang diperolehi sama ada pinjaman ataupun grant yang diperolehi diberi tidak mengikut negeri tetapi mengikut projek. Manakala disebut juga di atas keperluan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah bagaimana negeri-negeri yang terbiar termasuk negeri Kelantan ataupun negeri Kedah, negeri-negeri yang kita tahu kemiskinannya, manakala projek tidak ada tetapi kalau Kerajaan menetapkan projek tentu pergilah projek ke sana dan dapatlah grant ataupun pinjaman tersebut. Jadi, saya tidak berapa jelas cara yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, saya minta penjelasan.

**Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkait dengan bantuan kewangan daripada negara asing. Jadi, bantuan ini menentukan projek-projek yang kita hendak jalankan. Berkenaan dengan pengagihan peruntukan, ini perkara yang lain pula di mana kumpulan wang pembangunan dan lain-lain peruntukan diagihkan ke negeri-negeri mengikut keperluan pembangunan. Tidak ada negeri-negeri yang dianaktirikan. Negeri Kelantan dan Kedah khususnya Kelantan, negeri berasalnya Yang Berhormat, menerima banyak

pembangunan-pembangunan dalam bentuk jalanraya, pembangunan tanah, kesihatan, pendidikan dan lain-lain kemudahan asas. Tetapi soalan ini adalah berbeza daripada peruntukan-peruntukan pembangunan yang diberikan. Biasanya peruntukan ini adalah peruntukan yang khusus dalam projek-projek yang tertentu.

### PENGURNIAAN TANAH PERU- MAHAN TANPA TENDER

**15. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah sedar akan pengurniaan bidang-bidang tanah yang begitu besar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Perak dan Negeri Sembilan untuk tujuan perumahan kepada mereka yang berada dan golongan atasan tanpa memanggil tender daripada orang ramai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah sememangnya menyedari akan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Walau bagaimanapun, hasil siasatan BPR setakat ini mendapati bahawa setiap dakwaan tersebut adalah tidak benar dan tidak berasas kerana semua pengurusan tanah oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan yang dinyatakan itu adalah mengikut undang-undang serta peraturan yang sedang berkuatkuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah jadi satu amalan di mana ada berlaku salahguna kuasa dan termasuk rasuah dalam tempoh antara pembubaran Dewan-dewan Undangan Negeri dan pemilihan Kerajaan yang baharu dalam tempoh 2 minggu atau 3 minggu di mana Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri ada menggunakan kuasa untuk meluluskan permohonan-permohonan untuk tanah seluas beribu-ribu ekar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang untuk menyekat penyalahgunaan kuasa semacam ini yang menentukan bahawa dalam masa, khususnya dalam masa tempoh antara pembubaran Dewan Undangan Negeri dan

pilihanraya baru kelulusan tidak boleh dibuat oleh Menteri Besar atau jawatankuasa tersebut untuk meluluskan permohonan-permohonan tanah atau apa-apa bentuk yang lain untuk mencegah rasuah yang bermaharajalela.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak menjadi amalan Kerajaan bahawa di dalam transisi yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang di dalam pentadbiran Kerajaan memberi tanah ataupun kelulusan tanah yang disebutkan. Saya sukalah hendak menyatakan di sini bahawa memang terdapat satu kecenderungan di mana tuduhan dan dakwaan berkaitan dengan rasuah ini dibuat tetapi BPR menghadapi satu constraint di mana orang membuat tuduhan dan dakwaan tetapi tidak berani mara kehadiran untuk membuat laporan dan menjadi saksi di mahkamah. Kalau mana-mana pihak yang suka membuat fitnah, membuat dakwaan dan tohmahan bersedia untuk membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah dan bersedia pula untuk pergi ke mahkamah sebagai saksi, maka tentulah Badan Pencegah Rasuah ini akan mengambil tindakan sewajarnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semalam sudah sebut, sebut lagi.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada mengikut Badan Pencegah Rasuah, dengan izin, conflict of interest atau konflik kepentingan merupakan asas untuk korupsi. Misalannya orang yang mengambil bahagian dalam keputusan untuk meluluskan tanah mengadakan kepentingan dalam permohonan yang diluluskan.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah undang-undang. Sebarang pertikaian kepentingan diri atau conflict of interest, dengan izin, tidak diambil kira di dalam perkara ini. Saya suka hendak menjelaskan bahawa jika terdapat hal yang demikian, Badan Pencegah Rasuah akan mengambil tindakan dan menyeret dengan tidak

memilih bulu sesiapa pun juga ke mahkamah untuk muka pengadilan.

### MAS KE GUANGZHOU, CHINA

**16. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak penerbangan sulung MAS ke Guangzhou, China dimulakan pada awal Jun 1989 ini berapakah jumlah rakyat Malaysia yang menggunakan pesawat tersebut dan begitu juga rakyat Republik China yang menggunakan untuk datang ke Malaysia dan balik sehingga ke hari ini dan apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk rakyat negara ini untuk pergi ke Negeri China dan juga syarat-syarat yang lain.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah melancarkan perkhidmatan ke Guangzhou pada 6hb. Jun, 1989 sebanyak sekali seminggu dengan menggunakan pesawat B737. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini telah dibatalkan buat sementara waktu selepas dua penerbangan diadakan memandangkan kepada pergolakan yang berlaku di Republik Rakyat China pada masa itu. MAS telah menyambung semula perkhidmatannya pada 5hb September tahun ini. Semenjak perkhidmatan ini disambungkan, seramai 1,343 penumpang telah menggunakan penerbangan MAS di antara Malaysia dengan Guangzhou sehingga 7hb November tahun ini. Walau bagaimanapun MAS tidak mengumpul maklumat dari segi pecahan kerakyatan yang menggunakan penerbangannya.

Mengenai syarat-syarat berhubung dengan perjalanan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China, ingin saya maklumkan bahawa perkara ini adalah terletak di bawah bidangkuasa Kementerian yang lain, tetapi syarat-syarat itu telah diumumkan dan saya tidak ada apa-apa lagi untuk menambah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai masalah

tentang "load factor", dengan izin, pesawat 737 berkenaan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Guangzhou. Adakah ini benar bahawa masa kini MAS juga ada menggunakan pesawat Airbus untuk terbang dari Kuala Lumpur ke Guangzhou. Sekiranya ini ada benar, saya ingin mendapat tahu mengapa Airbus digunakan sedangkan load factor untuk pesawat 737 adalah tidak memuaskan.

Yang kedua ialah saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri mengenai masalah tentang rundingan hak pendaratan antara Malaysia dan Negeri China mengenai penerbangan dari Kuala Lumpur ke Guangzhou. Di samping itu, suka saya juga mendapat tahu sama ada MAS ataupun Kerajaan bercadang memulakan perkhidmatan dari Kuala Lumpur ke Beijing.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu pesawat Airbus adalah digunakan, ini adalah kerana load factor adalah baik antara 80% sampai 100%. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, pesawat Boeing 737 hanya boleh menampung 106 penumpang dan pesawat Airbus ini boleh menampung 246 penumpang.

Mengenai hak pendaratan, adalah benar Penerbangan Malaysia atau MAS telah diberikan hak pendaratan di satu tempat lain, iaitu di Beijing dan saya percaya ini adalah dalam rancangan MAS untuk mendarat di Beijing di masa hadapan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah potensi daya maju penerbangan MAS ke Guangzhou memandangkan majoriti penumpang-penumpang yang diharapkan ke destinasi tersebut hanya terdiri dari rakyat Malaysia. Adakah penumpang-penumpang dari negara-negara anggota ASEAN juga menggunakan perkhidmatan MAS untuk melawat ke Republik Rakyat China?

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar iaitu kebanyakan penumpang-penumpang ke Guangzhou berasal dari Malaysia sahaja, tetapi banyak juga penumpang-penumpang

ke Guangzhou melalui MAS datang daripada Singapura oleh kerana walaupun SIA (Singapore Airlines) ada pergi ke Negeri China tetapi perjalanan SIA adalah antara Singapura-Shanghai-Beijing dan mereka tidak dapatlah mendarat di Guangzhou atau di Xiamen di mana kebanyakan rakyat Singapura keturunan Cina berasal. Oleh kerana itu, pesawat MAS adalah membawa penumpang-penumpang bukan sahaja daripada Malaysia, tetapi juga dari Singapura.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri Pengangkutan memberitahu apakah sebabnya pesawat-pesawat China Air hanya mendapat penumpang-penumpang seperti antara 20 orang hingga 40 penumpang setiap kali flight sahaja, apakah sebabnya? Adakah ini kerana perkhidmatannya tidak dapat berbanding dengan perkhidmatan MAS kita.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah biasa untuk tiap-tiap syarikat penerbangan apabila bermula sesuatu perjalanan baru, penumpang-penumpangnya tidak begitu memuaskan dan banyak tugas-tugas kena diadakan untuk membangunkan perjalanan atau route itu dan ini adalah biasa, bukan satu yang khasnya untuk CAAC sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 5, 6, 10, 11, 12 dan 17 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).*

## KES TERTANGGUH DI PEJABAT KADHI WILAYAH

**1. Puan Sharifah Dorah binti Dato Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes-kes tertangguh yang dihadapi oleh pejabat-pejabat Kadhi khasnya di Wilayah Persekutuan. Mengapakah masalah ini begitu sukar untuk diatasi.

Adakah ianya berpunca daripada kekurangan kakitangan atau lainnya; dan

- (b) kiranya kekurangan kakitangan adakah Kerajaan akan menambahnya serta diberi latihan intensif kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang ada supaya kerja-kerja dapat dibereskan dengan teratur dan mengurangkan sungutan dan kemarahan orang ramai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Sehingga 30 September 1989, hanya 397 kes yang berhubung dengan hukum syarak masih tertangguh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Faktor-faktor yang menyebabkan kes ini tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang sepatutnya ialah kerana peningkatan jumlah kes-kes yang didaftarkan dan kekurangan kakitangan bagi mengendalikan kes-kes tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha mengatasi masalah kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah. Di antara langkah yang telah diambil ialah memisahkan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, menambah dan meningkatkan taraf perjawatan di Mahkamah Syariah serta menghantar Hakim-hakim yang bertugas di Mahkamah Syariah berkursus dalam bidang Undang-undang Pentadbiran dan Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa.

## KADAR KENAL HURUF DI SABAH

**2. Tuan Taimin Lumaing** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa kadar literasi di Sabah masih terlalu tinggi dan masih ada banyak kawasan yang tidak mempunyai sekolah-sekolah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang memerlukan. Kalau sedar, apakah langkah-langkah konkrit yang telah, sedang dan akan di ambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di Sabah.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari terdapatnya perbezaan kadar literasi (kenal huruf) terutama di Sabah. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan penduduknya tinggal di kawasan terpencil dan sukar mendapat kemudahan pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah mengambil berbagai langkah untuk mempertingkatkan lagi kemudahan pendidikan kepada semua rakyat termasuk di Sabah.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Menambahkan pembinaan sekolah dan bilik darjah. Sehingga 31 Jun 1989, sebanyak \$402.9 juta telah dibelanjakan untuk membina 6,751 buah bilik darjah bagi sekolah rendah di seluruh negara termasuk Sabah.
- (ii) Membina lebih banyak asrama untuk menempatkan pelajar-pelajar dari luar bandar supaya mereka mendapat kemudahan pendidikan untuk meningkatkan kadar literasi mereka.
- (iii) Bilangan guru-guru terlatih juga ditambah setiap tahun untuk mengajar di Sabah terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk tahun 1988 sahaja, seramai 289 orang guru terlatih dari maktab perguruan dan universiti telah dihantar ke Sabah.
- (iv) Beberapa perkhidmatan sokongan pendidikan seperti pinjaman buku teks, pakaian seragam, biasiswa, program susu sekolah dan makanan tambahan telah diberikan kepada murid-murid untuk meningkatkan pencapaian mereka. Bagi seluruh negeri Sabah sebanyak \$1.2 juta telah diperuntukkan untuk rancangan makanan tambahan kepada 34,000 orang murid termiskin. Di samping itu, program susu sekolah di bawah kelolaan Yayasan Sabah juga diberikan kepada semua murid sekolah

rendah di Sabah sebanyak 4 kotak seminggu.

### BANDUAN TERLEPAS DARI PENJARA

**5. Tuan Haji Mohd Sam Sailan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah banduan yang terlepas lari dari tahanan bagi tahun-tahun 1986 hingga sekarang. Dari jumlah tersebut nyatakan jumlah yang menjalani hukuman mati. Apakah persediaan dan perubahan yang telah dibuat supaya kecuaiian dan kelemahan yang berlaku di jabatan penjara dapat diatasi.

17-11-89

**23. Tuan Nasrudin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa dan mengapa kejadian banduan-banduan dan tahanan-tahanan lari dari penjara dan pusat-pusat tahanan seringkali berlaku sejak akhir-akhir ini, dan apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian bagi menjamin keutuhan, kewibawaan dan keselamatan penjara-penjara dan pusat-pusat tahanan negara ini.

28-11-89

**15. Puan Sharifah Dorah binti Dato Syed Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan banduan lari dari penjara sudah banyak kali berlaku; adakah ini disebabkan oleh kecuaiian pihak wader atau struktur penjara itu sendiri tidak dilengkapi dengan loceng-loceng amaran. Bentuk binaannya tidak begitu kukuh atau kurang disiplin dan kawalan yang tidak rapi.

15-12-89

**19. Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sejak kebelakangan ini kejadian banduan lepas lari dari penjara ataupun dari tahanan sering berlaku. Jika ya:

- (a) berapa ramai banduan yang telah lepas lari dari tahanan atau penjara sejak tahun 1985 hingga sekarang;
- (b) apakah punca-punca berlakunya kejadian berkenaan; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah berkenaan.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin yang dijadualkan pada 17-11-1989, Ahli Yang Berhormat Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamed yang dijadualkan pada 28-11-1989, Ahli Yang Berhormat Tuan Basri bin Bajuri yang dijadualkan pada 15-12-1989, kerana kesemuanya berkisar kepada perkara yang sama iaitu bilangan dan sebab-sebab kelarian banduan dari penjara.

Antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) Kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas.
- (ii) Peluang yang wujud semasa menyertai "Projek Khidmat Bakti" di luar penjara.
- (iii) Keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan dan
- (iv) Keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

Jumlah banduan yang melarikan diri dari tahanan 1985 hingga Oktober tahun ini ialah:

Tahun	Jumlah banduan melarikan diri	Jumlah banduan ditangkap semula
1985	36 orang	19 orang
1986	30 orang	27 orang
1987	45 orang	27 orang
1988	21 orang	12 orang
1989 (Januari-Oktober)	27 orang	9 orang
<b>JUMLAH</b>	<b>159 orang</b>	<b>94 orang</b>

Setakat ini tiada banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati, dapat melepaskan diri daripada penjara.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) Mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
- (ii) Mempergiatkan rondaan disekeliling penjara-penjara.
- (iii) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.
- (v) Menambahkan pemasangan "sport light" (dengan izin) disekeliling tembok penjara.
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan disekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.
- (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.
- (viii) Menghantar pegawai/kakitangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa kesemasa dan
- (ix) Mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

## TEMPAT MENJAGA KANAK-KANAK DI LADANG-LADANG

**6. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar keadaan mutu kesihatan dalam "Creche" yang berada di ladang-ladang di negara kita amat mengecewakan. Jika sedar apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan

untuk menaiki taraf kesihatan dan perkhidmatan dalam "Creche-creche" tersebut; dan

- (b) sebab apakah Creche-creche ini tidak boleh diambil alih oleh pihak KEMAS untuk menjalankan tugasnya sepertimana yang berlaku di kampung-kampung tradisional.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):**

- (a) Di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966, majikan-majikan ladang adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tempat menjaga kanak-kanak (creche) jika pekerja-pekerja yang tinggal di sesebuah ladang itu mempunyai tidak kurang dari 10 orang kanak-kanak yang berumur di bawah 3 tahun. Satu tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh baru-baru ini menunjukkan bahawa 635 buah tempat menjaga kanak-kanak ada disediakan di dalam 492 buah ladang di Semenanjung Malaysia.

Kementerian Buruh sedar bahawa terdapat tempat menjaga kanak-kanak di ladang-ladang yang kurang memuaskan. Kementerian Buruh sedang mengkaji semula Akta 1966 itu dengan tujuan untuk menggubal satu undang-undang baru untuk meningkatkan kemudahan dan taraf kesihatan bagi kanak-kanak yang ditempatkan di sini.

- (b) Memandangkan pengendalian tempat-tempat menjaga kanak-kanak di ladang-ladang adalah satu kewajipan majikan-majikan ladang di bawah Akta 1966 itu, maka urusan pengendalian perkara ini tidak boleh diambil alih oleh KEMAS. KEMAS tidak menjalankan "creche" sebagai sebahagian daripada urusannya. KEMAS hanya mengendalikan TADIKa iaitu untuk kanak-kanak yang lebih tua dan prasekolah.

## SENJATAPI—KELULUSAN PERMOHONAN

**10. Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kelulusan ke atas permohonan senjatapi (Senapang Patah) sejak Januari 1989 hingga 30-9-1989 serta adakah kelulusan itu melebihi dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1988; dan
- (b) memandangkan masih terdapat banyak permohonan daripada pekebun-pekebun di luar bandar untuk mendapatkan lesen senjatapi bagi tujuan mencegah musuh tanaman-tanaman mereka, adakah Kementerian melalui Pesuruhjaya Polis Negeri melonggarkan syarat-syarat pemberian kelulusan lesen tersebut.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Jumlah kelulusan senjatapi (senapang patah) sejak Januari 1989 hingga 30-9-1989 ialah sebanyak 1,937 pucuk. Jumlah tersebut adalah bertambah berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1988, di mana jumlah yang telah diluluskan dalam tempoh itu ialah sebanyak 1,857 pucuk.

Setakat ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat pemberian kelulusan lesen senjatapi. Amalan pemberian kelulusan yang dijalankan sekarang adalah memuaskan

## KERETAPI TANAH MELAYU—PENSWASTAAN

**11. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah Keretapi Tanah Melayu telah ada pihak yang berminat di dalam usaha Kerajaan untuk menswastakannya dan kalau ada bolehkah Kerajaan namakan syarikat-syarikat yang berminat dan bagaimanakah butiran-butiran perjanjian yang dicadangkan.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:** Selepas Kerajaan mengisytiharkan rancangan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu

(KTM), beberapa syarikat telah mengemukakan cadangan-cadangan untuk menswastakan fungsi KTM yang tertentu, seperti bengkel dan pengangkutan barang.

Dalam pada itu, satu kajian mengenai penswastakan KTM telah pun dijalankan oleh sebuah Bank Saudagar untuk menentukan cara-cara bagi melaksanakannya. Kerajaan berpendapat bahawa KTM harus diswastakan secara berperingkat-peringkat. Sehubungan dengan ini, pada 12 Julai, 1989, Kerajaan telah bersetuju supaya KTM diperbadankan (Corporatise) di bawah Akta Syarikat 1965. Melalui cara perbadanan (Corporatisation), pada awalnya saham Syarikat ini akan dimiliki sepenuhnya (100%) oleh Kerajaan Malaysia. Apabila syarikat ini maju dan memperolehi keuntungan yang mencukupi, ianya akan diswastakan.

Sehingga ini, bagi tujuan persyarikatan KTM, Akta Penubuhan syarikat pengganti dan Memorandum Of Association Dan Articles Of Association, serta pindaan kepada Ordinan Keretapi 1948 sedang disediakan.

Memandangkan bahawa Kerajaan telah memilih cara Perbadanan (Corporatisation) sebagai langkah pertama dalam menswastakan KTM, maka nama-nama syarikat yang berminat tidak lagi timbul kerana syarikat baru itu nanti pada awalnya akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

#### DOKTOR TERLATIH KERAJAAN— KAWALAN

12. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengawal doktor-doktor terlatih Kerajaan daripada berhenti berkhidmat dan memasuki bidang swasta. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah insentif, gaji dan lain-lain kemudahan untuk menarik minat mereka berkhidmat dengan Kerajaan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

(a) Kementerian Kesihatan sentiasa peka dengan masalah-masalah perkhidmatan yang dihadapi oleh

Doktor-doktor Kerajaan. Langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki lagi syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan yang ada sekarang dengan tujuan untuk menarik mereka berkhidmat lebih lama lagi dalam Perkhidmatan Kerajaan. Di antara langkah-langkah tersebut ialah—

- (i) mewujudkan lebih banyak lagi peluang kenaikan pangkat;
- (ii) menambah peluang menghadiri persidangan, seminar, latihan dan kursus lanjutan;
- (iii) mengkaji lain-lain kemudahan dan peralatan; dan
- (iv) mengkaji elaun yang ditetapkan.

(b) Langkah-langkah ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat bergantung kepada keadaan.

#### PENDATANG HARAM YANG DITANGKAP

17. **Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Dalam Negeri jumlah bilangan pendatang haram yang ditangkap dari tahun 1987 sehingga 30 Jun 1989.

- (a) adakah tindakan yang diambil ke atas pendatang-pendatang haram ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengetatkan lagi kemasukan pendatang haram ke negara kita.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Bilangan pendatang haram yang ditangkap seluruh negara dari tahun 1987 sehingga Julai 1989 adalah seramai 138,481 orang. Tindakan yang diambil ialah mengusir keluar.
- (b) Untuk mengatasi masalah penghijrahan golongan ini, Kerajaan telah

mengambil beberapa langkah iaitu—

- (i) mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan sempadan dan perairan negara yang disyaki sering digunakan oleh mereka untuk masuk ke negara ini.
- (ii) membuat pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang disyaki.
- (iii) meminda Undang-undang Imigresen 1959/63 (Pindaan 1988) dengan tujuan menge-nakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang bersalah.
- (iv) mendakwa mereka yang ber-subahat dengan memberi perlindungan kepada pendatang haram.

#### PELABUR TAIWAN

**18. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian me-nyatakan:

- (a) bilangan pelabur-pelabur Taiwan yang telah memohon untuk melabur di Malaysia sejak tahun 1986; dan
- (b) dari jumlah permohonan-per-mohonan ini, berapakah yang sudah mula beroperasi dengan memberi pecahan di setiap negeri masing-masing.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

- (a) Bagi tempoh tahun 1986 hingga September, 1989, daripada permohonan yang diterima untuk menubuhkan projek perkilangan di Malaysia, sejumlah 301 projek telah diluluskan dengan penyertaan negara Taiwan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jumlah modal pelaburan dari negara Taiwan adalah sebanyak \$2,737.1 juta.

- (b) Berdasarkan pada kajian yang di-jalankan oleh pihak MIDA ke atas Kemajuan Peringkat Pelaksanaan Projek-projek perkilangan yang di-luluskan seperti pada 30hb Jun, 1989, daripada sejumlah 301 projek per-kilangan yang diluluskan dengan penyertaan negara Taiwan, 86 pro-jek telah dilaksanakan. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Projek yang diluluskan</i>	<i>Bilangan Projek yang dilaksanakan</i>
W. P. Kuala Lumpur	10	5
W. P. Labuan	1	—
Seiangor	69	18
Pulau Pinang	67	21
Perak	29	6
Johor	48	15
Negeri Sembilan	5	1
Melaka	15	4
Kedah	19	6
Pahang	6	3
Kelantan	2	1
Terengganu	4	—
Sabah	23	6
Sarawak	3	—
	<hr/> 301	<hr/> 86

#### TRAGEDI TERMINAL FERRY BUTTERWORTH—SIASATAN

**19. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapakah Suruhanjaya Di Raja menyasat tragedi terminal Ferry Butterworth telah menyalahkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Pengurus dan Penolong Pengurusnya sebagai yang harus dipersalahkan menyebabkan tragedi itu;
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang disebutkan tadi (dalam (a));
- (c) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan agar semua

jeti, jambatan dan jalan di seluruh negara selamat; dan

- (d) apakah mangsa-mangsa tragedi tersebut dalam (a) akan dibayar insuran.

**Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Suruhanjaya Siasatan Diraja telah mendapati bahawa punca atau sebab utama keruntuhan pelantar Pengkalan Sultan Abdul Halim adalah berbangkit daripada berlebihan bilangan penumpang di atas pelantar atas (upper deck) yang mengakibatkan berat muatan yang lebih dari kadar dan had muatan yang telah ditetapkan. Mengikut laporan Suruhanjaya tersebut Jabatan Operasi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang khususnya Pengurus Feri dan Penolong Pengurus Besar (Operasi) yang mempunyai kawalan dan authority ke atas pangkalan adalah mempunyai tugas untuk mengambil maklum ke atas had maksima muatan pelantar di bawah jagaannya tetapi mereka telah gagal berbuat demikian.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab awam (public responsibility) bagi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang menerima perakuan-perakuan dan syor-syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja. Selaras dengan ini Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sedang mengambil tindakan meneliti laporan tersebut sebelum mengambil tindakan tertentu mengikut prosidur-prosidur yang telah ditetapkan termasuk prosidur-prosidur berkaitan dengan tatatertib.
- (c) Dalam usaha menentukan tahap keselamatan pengguna-pengguna jeti di negara ini, satu pemeriksaan telah dijalankan oleh pihak JKR dalam tahun 1985/86. Pemeriksaan ini melibatkan 211 jeti milik Jabatan-jabatan Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Hasil daripada pemeriksaan ini adalah didapati sebanyak 29 buah jeti perlu dirobohkan dan dibina semula sementara 164 buah lagi memerlukan pembaikan. Kementerian Pengangkutan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek seperti menutup serta merta jeti-jeti yang didapati merbahaya untuk digunakan. Tindakan untuk meroboh dan membina semula sedang dijalankan. Disamping itu jeti-jeti yang mengalami kerosakan melarat dan perlu pembaikan serta merta sedang diperbaiki pada masa ini.

Satu peruntukan sebanyak \$11 juta juga telah diluluskan bagi projek ini. Ekoran dari itu, Kerajaan telah melantik dua juruperunding bagi menjalankan kajian pembaikan dan pembinaan semula jeti-jeti.

Dengan langkah-langkah pembaikan dan mengganti jeti-jeti yang tidak boleh dipakai lagi serta pengawasan yang berterusan ke atas jeti-jeti ini, adalah diharapkan tahap keselamatan jeti-jeti di negara ini dapat ditingkatkan lagi.

Kementerian Kerja Raya mempunyai beberapa projek memperbaiki jalan dan jambatan di seluruh negara. Yang pertama ialah mengganti jambatan rosak di jalan-jalan persekutuan di mana \$25 juta telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Yang kedua ialah mengganti jambatan kayu sedia ada dengan jambatan konkrit atau pembetong di jalan persekutuan di mana \$17 juta disediakan dalam RML. Yang ketiga ialah "road safety improvement" di mana \$8 juta telah diluluskan dalam RML. Projek yang ketiga melibatkan pembaikan bahagian jalan yang bahaya di semua jalan persekutuan.

- (d) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan syarikat-syarikat insuransnya bersetuju mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat

sama ada yang mengalami kecederaan ringan atau kecederaan yang serius serta waris-waris mangsa yang terkorban untuk menyelesaikan tuntutan di luar mahkamah secepat mungkin. Tindakan ini dibuat dengan tanpa prasangka.

### **KUOTA IMPORT KENDERAAN BERMOTOR**

**20. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apa untung dan ruginya sistem kuota AP (Kebenaran mengimpot kenderaan terpakai) diperuntukan kepada peniaga Bumiputera dalam konteks membantu peniaga Bumiputera;
- (b) sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan ramai manakah peniaga Bumiputera yang menikmati kuota itu dan adakah mereka telah menjalankannya mengikut kehendak DEB dalam membantu peniaga Bumiputera;
- (c) ramai manakah antara-antara mereka yang berjaya dan ramai mana pula yang gagal dan apakah sebab-sebab kegagalan itu; dan
- (d) adakah rancangan Kerajaan untuk membantu mereka yang gagal itu supaya memulihkan perniagaan mereka dan adakah sistem kuota itu boleh dilanjutkan atau telah tiba masanya sistem kuota itu dihentikan.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini jumlah syarikat Bumiputera yang mendapat kuota import kenderaan bermotor jenis kereta terpakai adalah seramai 23 syarikat di Semenanjung Malaysia, 7 syarikat di Sabah dan 24 syarikat di Sarawak. Kementerian sedar bahawa dari masa ke semasa ada di antara pihak-pihak tertentu yang mengambil peluang mendapatkan keuntungan dengan menjual permit-permit palsu kepada orang-orang awam dan pengedar-pengedar kereta. Daripada maklumat yang

diterima, Kementerian telah membuat kenyataan akhbar untuk menerangkan kedudukan yang sebenar. Di samping itu juga, Kementerian telah menasihati orang ramai supaya jangan mendapatkan apa-apa lesen daripada sumber-sumber lain. Sebagai langkah memastikan lesen import yang dikeluarkan tidak disalahgunakan, Kementerian telah menjalankan ulangkaji ke atas syarikat-syarikat pemegang kuota dari masa ke semasa di mana sekiranya terbukti ada di antara mereka yang menyalahgunakan AP yang telah dikeluarkan ataupun yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan, maka Kementerian akan bertindak untuk menarik balik kuota dari syarikat-syarikat berkenaan.

Mengikut dasar sekarang, lesen import adalah dikeluarkan mengikut kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang ketat, antaranya, urusan perniagaan (pengimportan/penjualan) dilakukan oleh syarikat sendiri, penjualan kereta motor dibuat secara runcit, syarikat mempunyai sistem perakaunan yang teratur dan lain-lain lagi. Jika syarikat didapati melanggar syarat-syarat yang tersebut, kuotanya akan ditarik balik oleh Kementerian.

Suka juga dimaklumkan bahawa pihak Kementerian telah membekukan pengeluaran kuota import kepada syarikat-syarikat baru dan dengan ini tidak ada permit-permit baru akan dikeluarkan. Pembekuan ini akan berkuatkuasa untuk beberapa waktu lagi selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan jumlah permit yang dikeluarkan dari tahun ke tahun sebagai peratusan pengeluaran kereta yang dipasang dalam negeri.

### **MELAHIRKAN KAKITANGAN AWAM YANG CEKAP**

**21. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha dan langkah-langkah Kerajaan bagi mencapai matlamatnya untuk melahirkan kakitangan awam yang lebih cekap dalam pengurusan selain dari aspek pentadbiran bagi menjamin kemampuan negara bersaing dengan negara-negara lain

dalam perkembangan ekonomi antara-bangsa dan segala kelemahan-kelemahan yang ada dapat diperbaiki untuk menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Soalan ini agak umum sedikit. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya sebaik mungkin.

Kerajaan memang berterusan berusaha dan mengambil langkah-langkah untuk melahirkan kakitangan awam yang cekap dalam bidang pengurusan. Berbagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk meningkatkan prestasi, produktiviti dan kecekapan kakitangannya menerusi latihan, motivasi dan pendedahan supaya tahap pengurusan mereka dapat ditingkatkan.

Bagi melahirkan kakitangan awam yang lebih cekap dalam Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah melaksanakan dua bentuk program latihan seperti berikut:

- (a) Program Latihan Dalam Perkhidmatan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; dan
- (b) Program Latihan Pra Perkhidmatan kepada pelajar-pelajar yang belum berkhidmat.

Program Latihan Dalam Perkhidmatan yang dijalankan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai sektor awam di dalam sesuatu bidang selaras dengan keperluan perkhidmatan awam itu sendiri dan negara amnya. Program-program latihan yang dijalankan juga adalah sentiasa dinilai dari semasa ke semasa supaya ianya selaras dan bersesuaian dengan dasar-dasar baru Kerajaan. Ini adalah untuk memastikan setiap kakitangan sektor awam yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sesuatu dasar dapat menjalankannya dengan lebih berkesan.

Pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam baik dari kumpulan Pengurusan, Iktisas, Separa Iktisas, Teknikal dan sebagainya dari semasa ke semasa akan dihantar menjalani latihan atau mengikuti

sesuatu kursus sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana, Kedoktoran dan Kepakaran di negara-negara yang mempunyai teknologi dan kepakaran yang tinggi di dalam sesuatu bidang. Kursus-kursus yang diikuti oleh pegawai adalah mencakupi berbagai-bagai bidang seperti Ekonomi, Sains, Kejuruteraan, Kedoktoran dan sebagainya.

Pegawai-pegawai atasan juga diberi kemudahan untuk mengikuti kursus-kursus pengurusan tinggi (Advance Management Programme) di universiti-universiti terkemuka seperti di Harvard University, Massachusetts University of Technology, INSEAD Fontainebleau Perancis, IMEDE Switzerland dan sebagainya.

Bagi Latihan Pra Perkhidmatan pula, ianya bertujuan untuk mengisi kekosongan dalam Perkhidmatan Awam dengan tenaga kerja yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam sesuatu bidang. Pelajar-pelajar yang mempunyai potensi akan ditaja oleh Kerajaan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di dalam sesuatu bidang yang diperlukan sama ada dalam bidang profesional atau bukan profesional.

Untuk maksud ini, Kerajaan sentiasa mengkaji kesesuaian sesuatu kursus dan keperluan kursus-kursus baru supaya kelayakan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar-pelajar dapat digunakan secara optimum dalam sektor awam dan pembangunan negara amnya. Kerajaan juga dari semasa ke semasa membuat unjuran mengenai saiz sektor awam dan keperluan tenaga manusia supaya sektor awam sentiasa dapat ditampung oleh tenaga mahir dan terlatih.

Kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan satu kajian pelan induk tenaga manusia sektor awam yang bertujuan untuk membentuk satu rangka tindakan dan penggunaan yang efektif sumber tenaga manusia sektor awam selaras dengan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar sektor awam.

Kerajaan juga sedar bahawa untuk melahirkan kakitangan yang lebih cekap, motivasi pekerja haruslah dipertingkatkan agar membolehkan mereka menjadi lebih "committed" dalam menjalankan tugas. Untuk itu, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi motivasi pekerja-pekerja telah dan akan terus dilapattgandakan seperti mengadakan peralatan-peralatan pejabat yang sesuai, memberi pengiktirafan, bimbingan serta mengambil berat mengenai kebajikan kakitangan.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah memberi penekanan terhadap usaha menyemai dan membangunkan sikap yang positif serta menerapkan nilai-nilai yang murni di kalangan kakitangan Kerajaan. Usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam perkhidmatan awam juga terus dipupuk. Kesemua usaha ini adalah untuk mencapai matlamat supaya kakitangan awam dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

## PASARAN LADA HITAM

**22. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah negara di dunia ini yang membeli lada hitam; dan
- (b) usaha-usaha Kerajaan untuk mendapatkan lebih banyak lagi pasaran-pasaran baru.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):**

- (a) Di dalam tahun 1988, sebanyak 28 buah negara membeli lada dari Malaysia dengan jumlah kuantiti eksport sebanyak 18,562 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 88% adalah dieksport keempat negara utama iaitu Singapura, Jepun, Jerman Barat dan Amerika Syarikat.

Kuantiti eksport mengikut destinasi utama ialah seperti berikut—

	<i>(tan metrik)</i>
(a) Singapura	8,864
(b) Jepun	3,859
(c) Jerman Barat	1,921
(d) Amerika Syarikat	1,625

- (b) Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan lebih banyak lagi pasaran-pasaran baru di samping mengukuhkan lagi pasaran-pasaran tradisi seperti di Jepun, Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH), Kerajaan antara lain telah mengambil langkah-langkah seperti berikut—

- (i) Mengadakan lawatan galakan dan lawatan perdagangan ke Timur Tengah dan Asia Barat (1986, 1987 dan 1988), Korea (1987), Mesir, Tunisia, Greece, Turki dan Italy (1989).
- (ii) Menyertai pameran-pameran antarabangsa seperti—

"Middle East Food and Equipment Exhibition 1986", dengan izin, di Bahrain.

"International Food Fair" di Jerman Barat (1987).

"Malaysia Week Exhibition" di Dubai, Kuwait dan Jeddah (1988).

"Gulf International Fair" di Sharjah, United Arab Emirates (1989).

- (iii) Membekalkan maklumat-maklumat untuk diterbitkan atau diiklankan dalam penerbitan yang sesuai seperti "The UK Public Ledger's Commodity Week, Alimentos Processados Annual Buyers Guide, Middle East and World Food Directory dan Directory of Trade Promotion/Development Organisations".

- (iv) Memberi penerangan kepada pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan Malaysia di luar negeri mengenai industri lada Malaysia serta membahagikan contoh-contoh sijil gred, label-label dan risalah-  
risalah.

Dengan usaha-usaha yang dinyatakan tadi, pasaran-pasaran baru telah dapat diterokai. Semenjak kebelakangan ini permintaan-permintaan baru yang diterima ialah dari negara-negara Algeria, Republic of Korea, Sepanyol, Amerika Syarikat serta negara-negara Asia Barat seperti Oman, Arab Saudi, Turki dan United Arab Emirates di samping mengekalkan pasaran yang ada seperti Jerman Barat dan Jepun.

Di samping itu, melalui International Pepper Community (IPC) di mana Malaysia adalah salah satu dari empat negara anggotanya juga merancang menjalankan program-program galakan pasaran bersama sambil menjalankan kajian-kajian untuk meningkatkan dan mempelbagaikan pengusahaan lada dunia.

#### **PENGANGGURAN SISWAZAH/ BUKAN SISWAZAH**

**23. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pengangguran di negara kita, ikut kategori, siswazah dan bukan siswazah. Nyatakan juga nisbah pengangguran dengan jumlah penduduk negara ini; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil ke arah mengurangkan kadar pengangguran.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Jumlah penganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat pada bulan Ogos 1989 adalah seramai 85,470. Daripada jumlah ini bilangan penganggur siswazah (ijazah dan diploma) adalah seramai 9,523. Bakinya seramai 75,947 adalah penganggur bukan siswazah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan penganggur

aktif ini adalah merupakan data awal. Nisbah penganggur ini dengan anggaran jumlah penduduk pada tahun 1989 ialah seorang penganggur bagi dua ratus tiga (203) orang penduduk.

Berhubung dengan soalan mengenai langkah yang telah diambil ke arah mengurangkan kadar pengangguran, iaitu sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang, jawapannya telah diberi pada 8 November, di Dewan ini.

#### **PERKHIDMATAN SKIM GURU-GURU—TANDATANYA KAKITANGAN AWAM**

**24. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Perdana Menteri menyatakan Kerajaan telah pun melaksanakan Perkhidmatan 2 skim bagi guru-guru:

- (a) apakah pihak Kementerian sedar bahawa dengan perlaksanaan skim ini telah menimbulkan tanda tanya kepada kakitangan awam yang lain; dan
- (b) bilakah pihak JPA akan mengkaji pula Penyelarasan Gaji Kabinet bagi kakitangan awam yang lain supaya menyelaraskan dengan perkhidmatan 2 skim guru-guru tadi.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:**

- (a) Kerajaan sedar bahawa dengan perlaksanaan satu-satu skim yang baru, tentu akan menimbulkan tanda tanya kepada kakitangan awam yang lain, tetapi sehingga tarikh ini, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak ada menerima apa-apa pertanyaan ataupun maklumbalas daripada kakitangan awam yang lain mengenai perlaksanaan 2 skim ini.
- (b) Perlaksanaan 2 skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bukanlah merupakan satu pelarasan gaji Kabinet, tetapi ia adalah pindaan kepada skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang lama. Oleh kerana perubahan skim ini adalah melibatkan Pegawai Perkhidmatan

Pendidikan sahaja, maka soal penyelesaian bagi kakitangan awam yang lain adalah tidak berbangkit.

### PENGIKTIRAFAN GMC— PENARIKAN BALIK

25. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan mengamal sikap sambil lewa terhadap tindakan GMC menarik balik pendaftaran sepenuhnya (full registration) doktor-doktor yang dilatih di Universiti Malaya. Apakah rancangan alternatif yang Kerajaan punyai bagi mengesyorkan Malaya berpeluang menerima latihan lanjutan di Britain pada masa akan datang. Jika tidak, maka adakah Kerajaan bercadang membiarkan sahaja doktor yang berkelulusan daripada Universiti Malaya; dan
- (b) sudahkah Kerajaan menjalankan kajian ke atas kesan-kesan yang mungkin wujud akibat daripada penarikan balik pengiktirafan GMC terhadap sijil kedoktoran Universiti Malaya, sama ada di dalam negeri, iaitu di segi kemasukan baru pelajar, mahupun di luar negeri, iaitu tanggapan institusi antarabangsa terhadap "standard" kelulusan kedoktoran universiti berkenaan. Jika sudah, apakah hasil kajian Kerajaan, terutamanya dalam aspek-aspek ini. Jika belum, mengapa.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu GMC. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan adalah seperti berikut:

Bil.	Ahli Yang Berhormat	Tarikh
1.	Y.B. Tuan Karpal Singh	19-10-89
2.	Y.B. Tuan Lim Guan Eng	20-10-89
3.	Y.B. Samson Chin Chee Tsu	1-11-89
4.	Y.B. Dr Chen Man Hin	1-11-89
5.	Y.B. Tuan Tan Seng Giaw	15-11-89
6.	Y.B. Tuan Tan Seng Giaw	16-11-89
7.	Y.B. Dr Eng Seng Chai	17-11-89

Oleh itu, saya mohon untuk menjawab kesemua soalan-soalan tersebut sekaligus.

- (a) Kementerian Pendidikan tidak bersikap sambil lewa malah cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah yang telah ditimbulkan oleh General Medical Council, UK, iaitu kekurangan pengajar dan kurikulum kursus perubatan. Antara tindakan yang sedang dan telah diambil ialah:
- (i) Mempercepatkan proses pengambilan pensyarah.
  - (ii) Mempercepatkan kenaikan pangkat bagi pensyarah-pensyarah di Fakulti Perubatan.
  - (iii) Mengkaji kemungkinan menambahkan bilangan jawatan pensyarah yang ada dari dalam dan luar negeri.
  - (iv) Peruntukan sebanyak \$64 juta telah disediakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Universiti dan membenarkan penggunaan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Kelang sebagai Hospital Pengajar.
  - (v) Meneliti semula kurikulum program perubatan.

Satu surat rayuan untuk mendapatkan pengiktirafan semula telah dikemukakan kepada GMC dan pihak mereka sedang memberi pertimbangan atas rayuan itu.

Fakulti Perubatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan sedang dalam perbincangan untuk memperkemas lagi skim perkhidmatan kakitangan Fakulti Perubatan.

- (b) Sejak menerima laporan GMC pada 1984 Fakulti Perubatan telah menunaikan semua desakan termasuk menggubal sistem pengajaran dan kurikulum. Pada ketika ini, Fakulti sedang melaksanakan peringkat tiga kurikulum barunya. Setakat ini, hasil pencapaian para

pelajar dan rumusan yang diberi oleh pemeriksa luar amat mem-banggakan.

Walau bagaimanapun, kekurangan kakitangan akademik masih menjadi masalah, terutama sekali di jabatan-jabatan klinikal khususnya Jabatan Surgeri, Obsterik dan Ginekologi, Surgeri Othopedik dan Anaesthesiologi kerana memasuki perkhidmatan sektor swasta.

Sebenarnya kekurangan tenaga pengajar adalah perkara biasa di mana-mana Fakulti Perubatan. Ini tidak akan menjejaskan mutu pengajaran selagi bilangan pensyarah yang ada seimbang dengan keperluan Fakulti.

Masalah penarikan balik pengiktirafan penuh ijazah perubatan Universiti Malaya oleh GMC tidak akan membawa kesan kepada kemasukan pelajar-pelajar baru. Pelajar-pelajar kita dilatih untuk memenuhi keperluan negara. Tindakan GMC ini juga tidak menjejaskan tanggapan institusi antarabangsa terhadap mutu kelayakan ijazah MBBS, UK oleh kerana pengiktirafan GMC itu hanyalah terpakai di UK dan untuk memenuhi syarat-syarat di negara itu sahaja.

#### JEMAAH HAJI LUAR NEGERI MELALUI TABUNG HAJI

26. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan berapa orangkah jemaah haji dari luar negeri yang menunaikan fardhu haji melalui LUTH pada tahun lalu; adakah LUTH bercadang meningkatkan harga tiket dan kos sara hidup mereka, melebihi apa yang dikenakan kepada rakyat Malaysia, memandangkan kehendak-kehendak mereka yang berlainan dari kehendak ramai.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Musim Haji 1409H, bilangan jemaah haji luar negeri yang menunaikan fardhu haji melalui Tabung Haji ialah seramai 323 orang.

Tabung Haji tidak bercadang menaikkan bayaran kepada mereka ini kerana perkhidmatan yang diberikan kepada mereka tidak melebihi apa yang diberikan kepada jemaah haji Malaysia. Selain dari itu, pengendalian mereka itu merupakan sumbangan Malaysia dari segi dakwah Islamiah.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

#### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11 dan B.12 (Jadual)—*

*Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pem-bangunan 1990)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jemput Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyambung. Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Okay, teruskan.

3.37 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan

Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya dalam menimbang Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 33, Butiran 050000 Bahagian Hal Ehwal Islam yang diperuntukkan \$41,874,000. Sepatutnya kita memberi sokongan penuh kepada peruntukan ini tetapi memandangkan Bahagian ini diletakkan di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada, saya tidak mempunyai keyakinan bahawa peruntukan yang diberikan itu dapat menemui sasarannya. Jika kita merujuk kepada Buku Program dan Prestasi Belanjawan, muka surat 416, kita dapati segala saranan yang baik-baik tentang rancangan hendak memajukan Islam sebagai addiin, tetapi kerana UMNO sendiri tidak jelas sikapnya tentang pelaksanaan Islam, maka kita dapati dalam salah satu ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak kukuh pendiriannya itu bercakap tidak bersedianya Kerajaan untuk mengharamkan semula lesen judi kerana judi itu adalah kebudayaan orang-orang Cina.

Antara kegiatan aktiviti Urusetia di muka surat 416 itu mengenai Penerangan Aktiviti ialah wujudnya Jawatankuasa Fatwa. Adakah pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu menyatakan sesuatu berhubung dengan judi itu berdasarkan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu dan adakah Jawatankuasa Fatwa ada mengikut ucapan Menteri itu. Kenyataan Menteri itu tentang apa juga yang menyentuh Islam adalah pandangan rasmi, tidak ada di mana-mana juga boleh dibenarkan, hanya yang membolehkan kenyataan Menteri itu tidak salah ialah kalau-kalau ada sesuatu yang difatwakan tentunya Jawatankuasa Fatwa itu tidak akan bersetuju dengan Menteri itu. Apakah langkah yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa bila Menteri mengeluarkan kenyataan yang sangat mengelirukan dan boleh menyebabkan orang bukan Islam menyangka bahawa Islam membenarkan judi apabila ia menjadi adat dan kebudayaan sesuatu kaum.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah matlamat diwujudkan Jawatankuasa Fatwa

dan apakah fungsinya, sebab mengikut apa yang saya faham peranan fatwa ini diletak kepada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan tidak ada hak bagi siapa pun mengambil peluang untuk memberi fatwa. Kalaupun Jawatankuasa ini berperanan atau mempunyai kuasa dalam menentukan sesuatu fatwa, maka saya percaya banyak lagi masalah-masalah yang perlu difatwakan oleh pihak Jawatankuasa ini. Kalau tidak mempunyai kuasa dan peranan, lebih baik Jawatankuasa seperti ini dihapuskan.

Juga yang mendukacitakan kita, Tuan Pengerusi, ialah acapkali Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini memberi kenyataan-kenyataan yang salah, yang mengelirukan. Misalnya, kalau saya contohkan, dalam kempen pilihanraya Ampang Jaya dahulu, dengan berani Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini membawa ayat menjadikan dalil bagi memenangi calon Barisan Nasional dengan membaca ayat dan mentafsirkan ayat itu bahawa "auliak" itu bukan pimpinan, tetapi ialah wali nikah. Itu satu kekeliruan besar di mana pihak Kerajaan yang bertanggungjawab memimpin rakyat, membetulkan pandangan-pandangan rakyat, sehingga hari ini pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan beberapa kali sidang Majlis Sufi, tidak sepatutnya perkara-perkara yang boleh mengelirukan itu. Saya mengesyorkan, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Jawatankuasa Fatwa ini mempunyai peranan patutlah ia lebih awal mengambil sikap untuk memberi fatwa. Misal mengenai ASN yang ditukar hari ini kepada ASB, itu pun rakyat tidak tahu lagi apakah dari segi hukum, boleh atau tidak boleh. Cuma atas keberanian Kerajaan dan atas menggunakan kuasa untuk kepentingan yang tertentu maka perkara itu berjalan dengan begitu sahaja.

Hari ini, Tuan Pengerusi, saya tidak fahamlah matlamat yang dibawa oleh Kerajaan dalam memimpin rakyat supaya rakyat mengenal sesuatu hak . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat, nanti sekejap.

Ahli Yang Berhormat dari Arau hendak apa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Boleh beri?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Apakah tidak jelas lagi saya bercakap? (*Ketawa*) Dia hendak mengganggu, saya tidak beri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, tidak. Saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia beri pula.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata, Kerajaan jahil tadi. Tetapi dalam jahil Kerajaan telah berusaha untuk membantu rakyat bumiputera dan yang mana juga termasuk orang Islam untuk menyelesaikan masalah hidup mereka dan juga masalah ekonomi mereka. Tetapi apakah yang telah dibuat oleh PAS dan juga Yang Berhormat untuk membantu? Kita kena tahu, kita hendak buat amalan apa-apa pun, kalau sekiranya kita tidak—orang kata, perut kita kosong, bagaimana kita hendak berbuat demikian? Tiap-tiap kali apa yang Kerajaan buat, Yang Berhormat mengkritik Kerajaan, “Yang ini tidak betul.” Tetapi apa Yang Berhormat buat? Katalah saya penyokong Yang Berhormat, orang PAS, saya ingin tahu apa Yang Berhormat boleh buat dengan menggunakan fatwa Yang Berhormat dan program Yang Berhormat yang boleh membantu kami dari segi ekonomi? Yang Berhormat juga tidak membuat cadangan, cuma Yang Berhormat mengkritik. Itu soalan saya kepada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau saya kata Kerajaan jahil pun munasabah. Tetapi saya tidak kata Kerajaan jahil, tetapi Kerajaan jahat. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang kedua . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa beza jahat dengan jahil?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jahat dengan jahil itu lain. Sebab jahat ini, kalau alim pun ada jahat. Jahat itu sikap, perbuatan dia.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya dukacitalah Wakil dari Arau menanya dan meminta apa yang dibuat oleh PAS. Sudah 30 tahun saya kempen minta sokongan, tetapi tidak pernah dapat. Kalau hendak tahu apa PAS boleh buat beri kuasa dahulu, biar memerintah dahulu.

Yang ketiga, saya sudah tunjuk kepada Kerajaan seperti judi tolonglah haramkan. Tetapi dia tidak haramkan. Hendak tunjuk macam mana lagi? Hendak cucuk jarum dalam mata? (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia bangun lagi, boleh? Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit Yang Berhormat, penghabisan sekali.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, jawapan saya belum habis lagi. Beliau meminta supaya pihak Pembangkang ini buat teguran, jangan semata-mata menuduh. Yang baik kita sokong, yang baik tidak payah kita tegur. Yang kita tegur ialah benda yang buruk. Ini berlaku bukan daripada pihak Pembangkang, sebab Kerajaan sendiri pun tidak pernah tunjuk pun benda buruk. Yang ditunjuk pun benda baik sahaja. Mengapa tidak tunjuk benda buruk?

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar hendak apa?

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Boleh.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa pihak Pembangkang khususnya PAS sedia menyokong perkara-perkara baik yang dibuat oleh Kerajaan. Saya hendak tahu apakah program-program Kerajaan yang telah disokong oleh PAS dan akan disokong olehnya?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat mahu program daripada PAS. Adakah Kerajaan masih belum ada program? Saya tidak perlu tunjuk. Nanti saya memerintah bolehlah saya buat. Kalau hendak tiru program Pembangkang tidak perlu. Bahkan 30 tahun tidak tahu lagi buat program.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, saya dari Batu Berendam ini minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri, Tuan Pengerusi, kerana ini mengganggu.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri. Teruskan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak sambung tadi. Minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Ahli Yang Berhormat dari Arau, boleh. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Arau, dia beri. (*Ketawa*)

**Seorang Ahli:** Kawan baik. Dia pakat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sudah 30 tahun Yang Berhormat berkempen, tetapi tidak mendapat sokongan. Yang Berhormat sebut hendak memerintah, saya hendak

bertanya Yang Berhormat, selama PAS memerintah di Kelantan dahulu 18 tahun, apakah Yang Berhormat buat? Saya pernah pergi ke Kelantan, kedai ekor ada di Kelantan, kedai judi, night club pun ada. Itu di Kelantan masa PAS memerintah. Jadi, apakah Yang Berhormat buat pada masa tersebut dalam melaksanakan undang-undang Islam dan juga program Islam yang Yang Berhormat sebutkan tadi? Akhir sekali kayu balak yang 300,000 ekar yang telah diberi kepada syarikat bukan Islam daripada Singapura apa Yang Berhormat buat untuk membantu dalam program Islam di Kelantan?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, kalau tadi saya kata Kerajaan tidak jahil tetapi jahat, sekarang nyatalah bukan jahat sahaja, jahil pun ada juga. (*Ketawa*) Sebab apa, dia tidak tahu kuasa negeri, setakat mana, siapa yang berkuasa mengeluarkan lesen-lesen itu, tidakkah Kerajaan Pusat? Tidak perlu tanya. Kalau hendak tahu apa yang dibuat, pergilah di Kelantan—apa bidang. Hari ini ada masalah tanah di 27 kawasan, dalam masa kita memerintah bukanlah 18 tahun, 18 tahun itu bersama dengan Barisan Nasional. Kuasa kita tidak sampai 18 tahun. Kerajaan Barisan Nasional mengambilalih kuasa memerintah sampai hari ini apa rancangan tanahpun tidak dibuat. Duduk dukung anak orang sahaja.

Yang kedua, saya hendak beritahu, kita adakan sekolah tinggi di Nilam Puri untuk memberi peluang kepada rakyat khususnya orang Islam supaya dapat meneruskan pelajaran agama bagi membolehkan mereka memahami secara baik Islam. Tetapi sekarang ia telah diambilalih dan sekolah itu tidak tahu matlamat ke mana, diserahkan ke Universiti Malaya. Dan projek kita hendak buat universiti pun hari ini dibawa lari ke mana, tidak tahu projek itu. Patut 30 tahun kalau dia tidak ada matlamat untuk menyerap nilai-nilai Islam dan kalau itulah cita-cita bersih dan cekap, hari ini bukan satu buah Universiti Islam sahaja wujud dalam Malaysia ini, berpuluh-puluh buah. Tetapi jangan hendak buat berpuluh-puluh buah, rancangan hak orang-orang lain

rancang pun dibunuh habis sama sekali. Apa lagi kita tidak buat? Bagi kuasa, insya Allah, di pilihanraya ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Point of order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan ucapan saya.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Point of order, dia kena duduk.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamad Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, point of order. Sila duduk.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih. Ini saya hendak tahu atas tajuk kepala mana, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamad Amin bin Haji Daud):** Point of order nombor berapa?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** 36 (1). Dia kena ikut tajuk yang hendak diperbincangkan, kita bincangkan sekarang ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi, dia ikut tajuk mana, saya hendak tahu. Sudah jauh lari ucapannya ini. Tak ada kena-mengena semua ini masalah PAS dan apa semua tak timbul.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamad Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan ucapan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Itu lagi jahil. Saya menjawab soalan, bukan saya sengaja buat begitu. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamad Amin bin Haji Daud):** Baiklah, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya jawab soalan, bukan saya berucap (*Ketawa*). Itu lagi jahil. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya mahu teruskan ucapan saya. Saya cadangkan Majlis Fatwa ini sesudah kita tahu iaya tidak mempunyai

kuasa kerana kuasa diberikan kepada pihak Negeri, lebih baik ia dihapuskan. Kalau sekiranya hendak diwujudkan juga, berilah kuasa kepadanya dan biarlah dia memainkan peranan supaya dia dapat mengeluarkan fatwa yang tidak boleh mengelirukan mana-mana pihak, terutama sekali orang Islam.

Tuan Pengerusi, atas bentuk yang tidak bertanggungjawab ini, maka sukar bagi kita untuk membenarkan peruntukan bagi Bahagian Hal Ehwal Islam ini diluluskan kerana Menterinya tidak mampu dan tidak berwibawa untuk mengendalikannya dan mengepalai Jabatan yang terpenting ini dan pandangannya boleh menyesatkan. Justeru itu, saya tidak menyokong peruntukan ini kerana saya tidak yakin kepada Menteri berkenaan.

Tuan Pengerusi, muka surat 418, Aktiviti Dakwah, masih di bawah Aktiviti Urusetia. Antara sasaran dakwah sepatutnya ialah golongan termiskin kerana orang termiskin ini adalah orang papa dan orang papa adalah orang yang hampir-hampir kepada kufur. Justeru itu, orang termiskin adalah perlu dibantu. Saya setuju dengan Kerajaan memperuntukkan \$68 juta untuk golongan termiskin. Sepatutnya peruntukan ini disalurkan di bawah Aktiviti Dakwah ini supaya bantuan Kerajaan itu, pada ketika yang sama boleh menyampaikan maksud dakwah. Oleh kerana Islam tidak membezakan si miskin Islam dan si miskin bukan Islam, saya cadangkan peruntukan \$68 juta itu diserahkan kepada Bahagian ini. Dengan demikian, bantuan itu tidak akan dijadikan sebagai bantuan politik tokoh-tokoh UMNO. Kalau ia disalurkan melalui Bahagian Dakwah ini, orang bukan Islam akan dapat melihat keadilan Islam. Dan dengan demikian, seruan Islam akan dapat perhatian.

Tuan Pengerusi, muka surat 34 butiran 140000 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diperuntukkan \$10 juta lebih.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tak beri jalan. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan diperuntukkan \$10,158,700, di muka surat 433, Buku Program dan Prestasi Belanjawan, mengenai Program Agama Islam Wilayah Persekutuan, dan muka surat 434, Qariah dan Kebajikan. Dalam perkara Qariah dan Kebajikan ini, hal yang diberikan perhatian ialah terhadap tiga perkara iaitu (i) Pengu- rusan jenazah tak berwaris; (ii) Pendaftaran saudara baru; dan (iii) Surau untuk di- tadbirkan.

Saya rasa urusan dan pentadbiran masjid oleh anggota qariah juga patut menjadi bidang yang diperhatikan. Penyertaan orang ramai mengendalikan masjid, bukan sahaja memakmurkan masjid tetapi ia boleh meli- batkan orang ramai dengan kerja-kerja masjid dan dapat menjadikan masjid se- bagai satu daripada bidang khidmat sukarela seseorang. Tetapi, saya ketahui Tuan Pengerusi, JAWI beberapa bulan lalu telah tidak menghiraukan pentingnya penglibatan masyarakat setempat berkaitan urusan masjid dan JAWI telah menafikan peranan orang ramai dalam menentukan apakah yang sesuai dilakukan bagi sesebuah masjid. Justeru itu, JAWI dengan rakus telah membatalkan keputusan secara mesyuarat yang sah yang memilih Jawatankuasa Masjid-masjid di Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa Masjid dipilih oleh ahli qariah tiap-tiap dua tahun sekali. Mereka memilih orang-orang yang mereka terima dan boleh memakmurkan masjid, tetapi oleh kerana kebetulan orang bukan UMNO diterima oleh anggota karyah untuk mentadbirkan masjid, maka terdapat bantahan dari UMNO, malangnya JAWI terikut-ikut dengan UMNO lalu membuat keputusan memansuhkan fungsi dan peranan Jawatankuasa Masjid yang ada dan yang sah lalu digantikan dengan orang yang di- lantiknya sendiri dan di antaranya ialah orang UMNO yang tidak berminat dengan kerja-kerja masjid.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sungai Petani, hendak apa?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja sebab yang tadi itu, maklumat itu tak berapa tepat. Sebab pemilihan Jawatankuasa Masjid itu ialah dipilih oleh ahli jawatankuasa qariah dan berlaku di salah sebuah masjid di mana bukan ahli karyah itu yang datang mengundi. Jadi itu sebabnya berlaku pemansuhan itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, izinkan saya teruskan ucapan saya. Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.12 muka surat 45, butiran 030000, perun- tukan sebanyak \$17,214,800 iaitu me- ngenai Jabatan Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, memanglah perpaduan itu penting. Dan tidak ada siapapun yang dapat menafikan tentang kepentingan perpaduan itu. Sebab itu semua orang bercakap masalah perpaduan sama ada pihak Kerajaan, rakyat, pemimpin, pengikut dan siapa sahaja bercakap mengenai perpaduan dan berhasrat untuk melihat perpaduan. Tetapi apa yang menjadi masalahnya, Tuan Pengerusi, walaupun pihak Kerajaan menubuhkan Jabatan Perpaduan dan satu ketika dahulu dipanggil Majlis Perpaduan Negara tetapi yakinlah dalam perhatian kita bahawa Jabatan ini telah gagal dalam mewujudkan cita-cita perpaduan dan kita percaya dengan kepentingan Jabatan Per- paduan ini, maka lahirlah Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan sebagainya. Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang menjadi masalah dan kita ingin ber- tanya, apakah fungsi yang sebenar Jabatan Perpaduan Negara ini? Apakah matla- matnya yang sebenar? Pada pengamatan saya, kesan penubuhan Jabatan ini tak dapat dilihat, tak dapat disaksikan dan sebenarnya tidak ada satu panduan yang akan dibawa oleh Jabatan ini selain daripada cetak ka- lendar, cetak buku kerana Kerajaan sendiri tidak jelas dan Kerajaan sendiri pun boleh dikatakan sebagai "double standards".

Tuan Pengerusi, banyak kedengaran hari ini, punca-punca yang menimbulkan masalah yang Kerajaan sendiri pun merasakan, terutama sekali perpecahan orang Melayu yang begitu ketara pada hari ini dan juga perpecahan dalam parti-parti politik. UMNO pecah, MCA pecah, MIC pecah, habis pecah.

**Seorang Ahli:** PAS pecah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tak apalah kalau kata PAS pecah pun tak apa. *(Ketawa)* Dan punca perpecahan ini memanglah kerana kegagalan matlamat Kerajaan.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Ahli dari Jerai hendak apa?

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Hendak minta penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa Jabatan Perpaduan Negara ini tak ada langsung panduan dan sebagainya dan perpecahan berlaku di kalangan umat Melayu dan ini nampak menonjolkan UMNO pecah. Tetapi yang saya nampak yang menimbulkan perpecahan di kalangan orang Melayu ini ialah perbuatan daripada PAS. Apakah PAS sanggup terima hakikat ini sebagai usaha yang PASlah yang memecah-belahkan perpaduan orang Melayu?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu mengatakan PAS menjadi punca perpecahan. Kalau PAS menjadi punca perpecahan tentulah PAS hancur. PAS tidak padu tetapi hari ini PAS padu. Mengapa UMNO bukan setakat pecah, hancur! Mengapa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat,

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Pasir Mas boleh? 46, boleh? *(Ketawa)*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sila.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, sebab banyak sangat duduk tolong bantu, jadi saya pun nak tolong bantu samalah. Apakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bersetuju kalau saya mengatakan walaupun ada perpecahan yang dimaksudkan tetapi percantuman di antara PAS, Semangat 46, HAMIM dan Berjasa merupakan satu kejayaan perpaduan orang-orang Melayu, umat Islam kerana yang ada di luar sekarang ini hanya UMNO Baru. Jadi adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya mereka ini mengikut jejak langkah Angkatan Perpaduan Ummah.

**Seorang Ahli:** *(Mengganggu)*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Duduk diamlah!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, memang itulah betul. *(Ketawa)* Dan itulah yang sedang kita minta supaya semua pihak sokong Angkatan Perpaduan Ummah.

Tuan Pengerusi, satu lagi daripada contoh gagal dan kegagalan ini banyak berlaku dalam Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan sebagainya.

Pemuda MCA yang menjadi rakan karib 30 tahun dengan UMNO . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, kita bercakap fasal Jabatan Perpaduan Negara . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yalah saya hendak buat misal, perpaduan negara. Kalaulah matlamat itu baik, tentulah pemuda MCA tidak menuntut supaya dihapuskan kuota DEB ini.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

Tetapi hari ini secara terang-terang pemuda MCA mendesak Kerajaan supaya

kuota ini dihapuskan. Seolah-olah rakan dalam Kerajaan sendiri tidak terima dasar Kerajaan. Ini jelas . . . .

**Tuan Ong Tee Keat:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Ampang Jaya Bangun.

**Tuan Ong Tee Kat:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sila.

**Tuan Ong Tee Keat:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa apakah pendirian parti PAS terhadap ura-ura pengkalan sistem kuota dalam segala bidang, sokongkah atau bantah. Nanti sekejap, ada sesuatu yang tertinggal.

Sebab tadi, apabila saya dengar sahaja ucapan Yang Berhormat ada juga menyentuh nama kawasan saya Ampang Jaya, ada berkaitan dengan pilihanraya kecil Ampang Jaya. Saya hendak tahu apakah pandangan Yang Berhormat tentang cogan kata-cogan kata parti PAS dan juga Semangat 46 yang berbunyi "Islam undi Islam, Melayu undi Melayu" yang pernah dilaung-laungkan dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya itu. Adakah itu sejajar dengan ajaran Islam, sejajar dengan hasrat negara ataupun hasrat parti PAS sendiri sahaja.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak faham apa yang dibangkitkan oleh wakil Ampang Jaya itu. Sebab itu tidak ada kaitan dengan PAS dan kalau Yang Berhormat itu faham apa yang diperjuangkan oleh PAS sudah cukup tidak payah tanya lagi. Begitu juga masalah DEB, PAS tidak pernah kondem, PAS tidak pernah komen. PAS mendiam diri sahaja, cuma PAS tunggu tengok dalam masa 30 tahun Dasar DEB gagal. Jangan 30%, 20% pun tidak dapat. Sebab itulah hari ini kami terpaksa menegur Kerajaan bahawa Jabatan Perpaduan Negara ini tidak perlu diwujudkan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya ingin bertanya

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, apakah pandangan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengenai dengan tindakan Pemuda MCA membuat laporan Polis terhadap Yang Berhormat dari Batu Berendam apabila Yang Berhormat dari Batu Berendam membuat cadangan supaya diadakan satu sekolah sahaja di mana bahasa Cina, bahasa Tamil itu diberi keutamaan tetapi satu sekolah bagi tujuan integrasi perpaduan kaum dalam negara ini. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap sikap MCA seperti ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, sikap yang ditunjuk MCA itu nyatalah perkaumannya terlampau tebal dan tidak menerima hasrat perpaduan. Tuan Pengerusi, boleh saya sambung?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Boleh!

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Baru dia hendak sambung Yang Berhormat, berilah peluang dia sedikit.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sambunglah!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, kalau saya hendak contoh tentang punca-punca kegagalan yang ada dalam Kerajaan ataupun dalam usaha Kerajaan memang banyak. Cumanya saya jelaskan bahawa inilah satu-satunya dasar kebangsaan yang diperjuang oleh Kerajaan 30 tahun adalah merupakan dasar yang memecah belah, dasar yang memporak peranda dan hari ini telah menjadi begitu ketara kerana perpecahan itu bukan berlaku daripada masyarakat berbilang kaum ataupun masyarakat majmuk. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya ingin bertanya sedikit Yang Berhormat. Kepala berapa sekarang?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kepala B.12.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** B.12. Butiran?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Butiran 03.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 03?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tengok 01 pun ada. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka berapa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Muka 45. Pilihlah yang mana satu. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang Yang Berhormat pilih. Sila.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya sudah pilih, itulah saya bercakap. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya sebut tadi 03.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 03?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Ya, Perhubungan Masyarakat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila Yang Berhormat sambung di bawah tajuk itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita melihat khususnya sebagai orang Islam yang meyakini kepada Islam, Islam agama tauhid, sudah lama mengajar perpaduan. Tauhid itu sendiri matlamat perpaduan dalam Islam tetapi oleh kerana Kerajaan sendiri tidak meyakini walau ia mengia-iakan Islam itu dan cuba berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam tetapi hakikat . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu semua dasar Yang Berhormat. Sekarang di bawah Perhubungan

Masyarakat, emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Semua itu ada.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak, saya terpaksa beri sedikit penjelasan untuk menggambarkan kegagalan cita-cita Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh Yang Berhormat. Yang boleh hanya untuk perkara yang di bawah Perhubungan Masyarakat seperti apa yang disenaraikan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yalah, memanglah ini untuk hendak menghubungkan masyarakat saya beri gambaran. Misalnya Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat sudah sedar apa saya kata, janganlah lari-lari begitu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti dia dalam kesusahan sekarang. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kalau dia tengok saya, dia senang . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh menolong lain cara.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, kalaulah Kerajaan benar-benar untuk melihat perpaduan ini wujud dan itulah matlamat Jabatan Perpaduan Negara ini ditubuh maka saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan projek rancangan pembangunan ummah yang berteraskan nilai-nilai murni dan usaha ke arah membersihkan kalbu insan. Dan ini perlu kepada matlamat pendidikan luhur pada peringkat permulaan lagi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Dia tengok saya, senang dia. Saya tertarik dengan komen

Yang Berhormat mengenai UMNO berpecah, kemudian MCA berpecah, MIC pun berpecah. Dan yang berpadu sebagaimana juga dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan juga dari Pasir Mas ialah PAS, Semangat 46, HAMIM dan juga Berjasa. Jadi, dengan kepaduan itu di kalangan PAS, HAMIM, Semangat 46 dan sebagainya bagaimana keyakinan pihak Yang Berhormat terhadap PAS dan Semangat 46 dan sebagainya untuk memenangi pilihanraya akan datang. Adakah cerah agaknya. Macam mana?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu tidak ada kena mengena dengan tajuk yang dibincang. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu keyakinan masing-masing.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah jawab itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kalau sekiranya Kerajaan mempunyai hasrat dan ikhlas dalam usaha untuk mewujudkan perpaduan ummah maka saya kata Kerajaan perlu mengadakan projek rancangan pembangunan ummah yang berteraskan nilai-nilai murni dan usaha ke arah membersihkan kalbu insan. Dan ini perlu kepada matlamat pendidikan luhur daripada peringkat permulaan lagi. Bagaimana perpaduan wujud sedangkan Kerajaan sendiri tidak mempunyai dasar Kerajaan yang pragmatis, Kerajaan hanyutiza, Kerajaan berteduh hanya melalui beli hati rakyat dan mengikut keperluan semasa.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jelas sangat Yang Berhormat menyentuh dasar sekarang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dasar?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dasar tidak boleh sentuh sekarang, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau tidak boleh sentuh, tidak apalah, saya tidak sentuh dan saya pun hendak tamatkanlah ucapan saya ini.

Akhir sekali, saya minta Jabatan Perpaduan Negara ini dihapuskan, tidak ada erti 30 tahun gagal segala-galanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau.

4.11 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 7—Jabatan Perdana Menteri . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebutkan mukasurat dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sekarang kita bincang mengenai Jabatan Perdana Menteri, mukasurat 31 sampai 45.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sebutkan mukasurat dan selepas itu Butiran.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bekalan 7—Jabatan Perdana Menteri, mukasurat 31, Butiran 010200—Kabinet.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, silakan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi supaya kita tidak sentuh dasar. Tetapi semasa perbincangan, pada pendapat saya beberapa contoh yang berkaitan dengan dasar harus dibuat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tetapi tidak boleh bahas.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh sentuh, tetapi contoh boleh. Saya tidak akan sentuh. Saya cuma hendak meminta kepada Kabinet, sebab Kabinet ini kita beri emolumen dan sebagainya untuk memikirkan semula dan selepas itu bawa ke Dewan yang mulia ini iaitu berhubung

dengan kedudukan Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini. Ini bukan dasar, tetapi ini berhubung dengan kerja-kerja Kabinet.

Dalam sistem Kerajaan kita, saya hairan mengapa Parlimen di Malaysia ini harus mengadakan jawatan Ketua Pembangkang. Sampai sekarang saya tidak berfikir bagaimana kita harus mengadakan jawatan Ketua Pembangkang. Semangat 46. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lebih baik Yang Berhormat bahas di bawah tajuk "Parlimen".

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ialah Parlimen, Parlimenlah. Tetapi ini Kabinet, hendak minta Kabinet. Parlimen pun saya hendak bahaskan juga, sebab saya akan bawa terus. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jawatan Ketua Pembangkang tiada dalam Kabinet.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kabinet boleh putus apa sahaja, cuma langit sahaja batasannya. Sekarang saya hendak minta supaya Kabinet memikirkan soal kedudukan Ketua Pembangkang. Adakah dalam kedudukan Malaysia yang mempunyai parti yang berbagai-bagai ini kita memerlukan Ketua Pembangkang? Kita tidak perlu. Sistem dua parti sahaja yang boleh kita wujudkan Pembangkang iaitu seorang Perdana Menteri dan seorang Ketua Pembangkang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya ingat Yang Berhormat dari Arau ini semalam sudah banyak bercakap atas perkara ini. Hari ini berilah peluang kepada orang lain bercakap. Saya tidak berniat hendak mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Arau ini. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu bukan minta penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tidak, itu cadangan sahaja, kalau Yang Berhormat dari Arau dan Tuan Pengerusi bersetuju.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya akan jawablah. Yang Berhormat dari Simunjan jangan keluar dahulu, tunggu sekejap, saya hendak jawab.

Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Pendidikan, saya tengok tiap-tiap kali soalan tambahan bertanyakan fasal Kementerian Pendidikan. Jadi semasa dia menjadi Timbalan Menteri Pendidikan, dia jahil, tidak tahu soal pendidikan. Tetapi sekarang bertanya macam-macam fasal pendidikan. Saya tidak pernah nampak mana-mana bekas Timbalan Menteri, umpamanya Yang Berhormat dari Bagan Serai, dia pun bekas Timbalan Menteri, tetapi dia tidak pernah bertanya mengenai Kementerianya balik. Maknanya dia ini ada kelas sedikit. Oleh sebab kita sudah kena buang, datang ke sini, maka fikirkanlah yang diri kita terbuang, jangan fikir yang kita masih lagi menjadi Timbalan Menteri. Itulah Bujang Senang, maaf Bujang Ulis, Yang Berhormat dari Simunjan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan sebut nama.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tak sebut nama, tetapi itu adalah nama seekor buaya di Sarawak bernama "Bujang Senang". Saya minta maaf, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*) Saya sebut fasal jawatan Ketua Pembangkang, Tuan Pengerusi, saya serius ini tetapi mereka ketawa. Jawatan Ketua Pembangkang ini dalam sistem multi-party seperti Malaysia, kita tidak perlu. Ini bukan soal peribadi tetapi secara prinsipnya, dahulu pada masa yang lepas diadakan jawatan Ketua Pembangkang ini, saya tidak pasti mengapa? Tetapi dalam keadaan sekarang ini, kita tidak perlu. Semua orang sudah boleh membangkang. Adakah saya yang sekarang ini menegur Kerajaan dan sebagainya

mendapat elaun Ketua Pembangkang? Takkan Ketua Pembangkang seorang sahaja mendapat elaun Ketua Pembangkang, dapat pejabat, dapat Setiausaha. Ini yang menimbulkan persoalan dan saya minta Kabinet menyasiat dan menimbulkan semula. Pada mulanya saya bercadang untuk membawa usul. . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Boleh?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat dari Arau itu mendesak Kerajaan supaya dihapuskan jawatan Ketua Pembangkang kerana tidak mahu kepada Ketua Pembangkang ataupun kerana marah Ketua Pembangkang ada gaji? Bagaimana kalau Ketua Pembangkang ada tetapi gaji tiada? Adakah marah juga? (*Ketawa*)

Yang kedua, kalau Yang Berhormat itu anggota Kerajaan, tidak perlu bercakap, dia ada kuasa, lebih lagi dia boleh buat. Apa dia hendak bising dengan perkara yang telah dibuat oleh Kerajaan sendiri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, dalam kedudukan sekarang, siapa yang melantik Ketua Pembangkang? Adakah Semangat 46 dan DAP duduk sekali buat undi, buat cadangan? "Ini dia Ketua Pembangkang", tidak ada. Dilantik macam itu sahaja. Sepatutnya Yang Berhormat dari Seremban memegang jawatan Ketua Pembangkang, sebab dia Pengerusi DAP, dialah yang patut memegang jawatan Ketua Pembangkang. Tetapi Setiausaha Agungnya yang menjadi Ketua Pembangkang. Jadi saya nampak kelam-kabut. Pada pandangan kami bekas Menteri Kanan Kerajaan

yang patut menjadi Ketua Pembangkang, kalau hendak diwujudkan jawatan Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat dari Gua Musang. Itu pun saya tidak nampak bahawa jawatan itu kita perlukan.

Sebenarnya kalau kita hendak bawa usul apapun dalam Dewan ini, kita boleh menang. Jadi bagi kita tidak payah, walaupun dia bawa usul untuk mengurangkan gaji Ketua Pengarah BPR \$10 semalam, kita senyum sahaja. Tetapi kalau kita hendak bawa usul hendak lucutkan jawatan Ketua Pembangkang atau hendak mengurangkan gajinya pun boleh. Kita akan menang dalam kedudukan Dewan sekarang. Tetapi kita tidak mahu berbuat demikian, sebab kita memikirkan bahawa perkara ini elok dibincangkan bersama dan tidak payah menggunakan Dewan ini cuma untuk mendapatkan publisiti. Katalah kita bawa apa usul pun, Yang Berhormat-Yang Berhormat semua daripada Pembangkang, minta ampun, tidak payah, kita akan menang dan usul itu akan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi tidak payah bermain dengan usul lagi, kerana usul itu bukan sahaja memalukan bahkan merugikan masa untuk kita berbincang mengenai perkara yang lebih penting lagi. Marilah kita beri perhatian kepada perkara-perkara lain, tidak payah lagi bawa usul hendak mengurangkan \$10. Dahulu pun sudah ada juga hendak mengurangkan \$10 gaji Ketua Pengarah Imigeresen dan bermacam-macam lagi. Jangan bagi kami naik berang dan membawa usul sehingga kami dapat membuat sesuatu kepada pihak Pembangkang. Itu saya minta kepada Kabinet supaya memikirkan balik.

Yang kedua, yang saya hendak minta kepada Kabinet mengenai Penyamun Tarbus. Saya sudah bercakap dahulu dalam persidangan yang lepas, ada kontroversi sedikit, tetapi saya mendiamkan diri. Selepas itu saya selesaikan masalah yang berkenaan. Hari ini saya hendak bangkitkan mengenai Penyamun Tarbus dalam tajuk yang baru. Penyamun Tarbus ini, dia pakai tarbus. Maknanya pakaian dia elok.

Tuan Pengerusi tahu apa dia tarbus? Songkok Tuan Pengerusi itu panjang

sedikit—itu yang dikatakan tarbus, kemudian ada bulu. Penyamun Tarbus ini ialah penyamun terhormat. Saya hendak minta, sebab terdapat golongan ini yang berkeliaran dan ada juga pihak Pembangkang tumpang masuk hendak menjadi Penyamun Tarbus bersama-sama. Ketua Polis Negara ada menyebutkan baru-baru ini mengenai jenayah kolar putih. Lebih kurang macam itulah yang saya maksudkan, supaya pihak Menteri-menteri dan mana-mana pihak berawas dengan mereka yang sentiasa menggunakan nama Menteri dan juga menggunakan nama pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk mendapatkan sesuatu dan mereka ini berkeliaran di mana-mana sekarang ini. Kita bukan cemburu mereka mendapat projekkah atau sahamkah atau mendapat lesen teksilah. Tetapi kita tidak mahu mereka ini menjadi Penyamun Tarbus merebut hak yang sebenarnya. Misal kata, kalau patut diundi, kita undi. Ini saya beri secara tidak langsung tetapi saya harap maksud saya difahami, bahawa kumpulan inilah yang sekarang ini berkeliaran di mana-mana dan mereka inilah yang boleh menjatuhkan nama baik mana-mana pihak dalam Kabinet. Jadi Kabinet harus berawas. Penyamun Tarbus ini mungkin ada di pihak Pembangkang ataupun Pembangkang menggunakan Penyamun Tarbus ini untuk mendapatkan maksud sesuatu dan mereka ini berbagai-bagai termasuklah daripada orang politik, orang dalam Kerajaan dan juga di mana-mana pihak.

Saya mintalah Kabinet berawas sedikit dan kadang-kadang penggunaan nama baik mana-mana Menteri boleh merosakkan Menteri yang berkenaan dan mereka ini bersuka-ria kerana mendapat peluang yang lebih berdamping dengan Menteri-menteri dan juga mana-mana pihak dalam Kerajaan. Jadi, berawaslah dengan Penyamun Tarbus dan Penyamun Tarbus ini, Ketua Pembangkang dia menyebut kalau Penyamun Tarbus ini terlibat, dia terlibat dengan rasuah. Saya tidak pasti, rasuah ini terpulang kepada BPR, tetapi saya melihat tindak-tanduk mereka kadang-kadang mereka itu lebih daripada Menteri dan kadang-kadang ada setengahnya berlagak seolah-olah dia seorang yang kenal dekat

dengan Perdana Menteri dan sebagainya. Inilah yang kita hendak dilihat oleh Kabinet supaya mereka ini orang kata, terhapus daripada menjadi penghalang daripada pihak Kerajaan dan juga pihak rakyat dan juga pihak-pihak yang ingin mendapat keadilan.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, Fasal Biro Pengaduan Awam. Saya percaya dalam kedudukan sekarang . . . .

Tuan Pengerusi, air-condition tidak jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sejuk sekarang ini, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya panas.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah naik darah sedikit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya panas, saya bercakap panas sedikit.

Yang kedua, fasal Biro Pengaduan Awam, Program 010500.

Biro Pengaduan Awam ini, saya percaya sudah banyak mendapat aduan daripada orang ramai, daripada berbagai-bagai pihak dan selepas itu datang pula kepada BPR dan sebagainya. Saya hendak minta kepada pihak Biro ini supaya menapis segala aduan itu dan biar tindakan yang diambil itu bertepatan. Ini pakai orang buat aduan diterima, kerana menganggap bahawa orang yang mengadu itu memang menghadapi masalah. Kita kena ingat dalam keadaan orang yang tidak berpuas hati kepada dirinya, dia menganggap dirinya betul. Masalahnya sekarang orang yang membuat aduan itu menganggap dirinya betul dan orang yang kena adu juga menganggap dirinya betul. Jadi, walaupun berbagai-bagai aduan yang diterima, tapis elok-elok. Ini, tiap-tiap aduan saya tengok contohnya aduan mengenai alam sekitar. Dia meminta pandangan kita pula sebelum dia membuat siasatan. Seolah-olah judgement, dengan izin, telah pun dikeluarkan, keputusan telah pun dikeluarkan sebelum mereka ini mengambil tindakan. Saya percaya ini

adalah kerana "constraint" Biro itu sendiri kerana mereka tidak cukup kakitangan dan Kerajaan mengadakan Biro ini seolah-olahnya hanya menerima aduan.

Jadi, saya cadangkan supaya Biro ini, dalam Belanjawan yang akan datang, cubalah buat sesuatu untuk membesarkan Biro ini. Saya tengok emolumen diminta cuma \$557,000. Orang Perlis kata, "lekat celah gigi sahaja", ini. Untuk apa dengan aduan yang berbagai-bagai yang datang daripada pihak rakyat dengan emolumen \$557,000? Kita tahu berapa orang pegawai yang telah disediakan ataupun kita hendak adakan saluran supaya Biro ini menggunakan agensi lain di peringkat negeri untuk menerima aduan yang berkenaan, tetapi kadang-kadang di peringkat negeri ini, katalah, Biro menggunakan agensi tertentu di peringkat negeri, agensi yang berkenaan di peringkat negeri juga kadang-kadang membuat aduan. Jadi, eloklah Biro ini mengadakan cawangan mereka sendiri di peringkat negeri. Kalau sekiranya kita betul-betul serius untuk melaksanakan tugas maka kita harus adakan kakitangan yang cukup untuk membolehkan Biro ini berfungsi dengan lebih tegas lagi.

Yang berikutnya, Program 010800, Biro Tatanegara.

Saya ucapkan tahniah kepada Biro ini yang saya percaya telah berjaya memberi latihan, memberi bimbingan kepada rakyat Malaysia ke arah untuk mencintai negara ini. Cuma yang saya minta kepada pihak Biro supaya buat "follow-up" kepada mereka yang diberi latihan. Mereka adakan Anak Warisan tetapi tidak berfungsi dengan sepenuhnya. Saya takut kalau sekiranya orang-orang yang kita beri latihan untuk cintakan negara ini, dia jadi terbalik.

Mungkin kadang-kadang digunakan pula oleh pihak Pembangkang untuk mendapat orang yang sebenarnya cintakan negara ini untuk membenci pula kepada Kerajaan dan juga negara ini. Oleh itu, janganlah kita menganggap bahawa dengan memberi latihan sahaja mencukupi. Kita mesti membuat "follow-up" dan saya tahu bahawa "follow-up" ini dibuat amat longgar kepada

orang-orang yang diberi latihan. Apakah Biro ini tidak juga cukup kakitangan untuk membuat "follow-up". Kalau sekiranya mereka menghadapi masalah berhubung dengan kakitangan maka adakan kakitangan. Kita tidak mahu apa yang kita buat itu menjadi setengah jalan. Alang-alang kita berbuat, kita buat sampai berjaya, jangan buat setengah jalan. Kakitangan Kerajaan kalau mengikut ini ada yang berlebihan dan sebagainya. Pastikan yang mereka bersama-sama membuat "follow-up". Jangan kita orang kata rigidkan orang-orang yang menerima latihan dalam Biro ini, mereka ini tidak boleh, seolah-olah mereka ini sudah terkeluar daripada dunia luar. Tidak, dalam keadaan sebenarnya mereka sepatutnya membimbing masyarakat mencintai negara. Jadi, ke arah tersebut saya minta Biro yang telah berjaya membuat latihan dan sebagainya ini supaya memberi perhatian untuk mengadakan "follow-up" kepada orang-orang yang telah diberi latihan.

Yang berikutnya, Program 010900, Hal Ehwal Wanita.

Tuan Pengerusi, dahulu kita telah meluluskan satu Akta berhubung dengan kes rogol dan juga pengguguran. Saya hendak minta supaya bahagian Hal Ehwal Wanita ini menyemak semula Akta ini. Kita telah membahaskan dengan panjang lebar bahawa di antara satu seksyen dalam Akta tersebut membenarkan doktor mengadakan pengguguran kalau sekiranya didapati bahawa pengguguran itu perlu untuk menyelamatkan wanita yang berkenaan. Kita lihat, Tuan Pengerusi, kes ini masih lagi berjalan dalam suratkhbar di mana seorang wanita yang hilang yang telah melibatkan dirinya, saya percaya dengan pengguguran yang mana kita tidak mahu kalau sekiranya Akta ini berjalan bermakna doktor-doktor dengan secara berleluasa boleh bertindak, boleh melakukan pengguguran dengan beberapa alasan kalau tidak dia tidak dapat menyelamatkan wanita yang berkenaan. Tuan Pengerusi, walaupun Tuan Pengerusi bukan orang Islam, sebab peraturan itu menyalahi peraturan Islam. Jadi, kita mintalah Hal

Ehwal Wanita yang telah menyokongkan Akta yang berkenaan supaya berfikir kembali.

Ini hendak tunjukkan kepada PAS bahawa kalau sekiranya berlawanan dengan Islam, tidak payah tunggu PAS, Barisan daripada backbenchers (Penyokong Kerajaan) juga akan menegur Kerajaan kalau sekiranya perkara itu dianggap salah.

Yang berikutnya ialah Program 030000, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Saya hendak sentuh satu perkara mengenai unit ini, Tuan Pengerusi. Unit ini mempunyai di antaranya ialah pejabat-pejabatnya di peringkat negeri yang dipanggil Pegawai Kemajuan Negeri ataupun SDO dan unit ini tugasnya untuk mengesan dan menyelaras. Pada masa yang lepas Tuan Pengerusi, institusi SDO ini adalah cukup penting dari segi menjalankan pengesanan dan juga penyelarasan projek-projek dan mereka diberi kuasa untuk terus membuat laporan kepada Menteri-menteri Besar dan juga Perdana Menteri. Maka kita lihat pada masa berkenaan, mereka sebenarnya betul-betul dapat menyelaras dan menentukan jabatan-jabatan Kerajaan mengikut apa yang telah diputuskan tanpa orang kata lewat dalam menjalankan apa-apa projek. Tetapi sekarang institusi SDO ini hanya tinggal sebagai pengesan sahaja, bukan penyelaras lagi. Mereka sudah tidak ada kuasa untuk menegur jabatan-jabatan Kerajaan dan yang lebih keciwa lagi oleh kerana jawatan mereka itu lebih rendah daripada mana-mana jabatan negeri yang mereka hendak tegur dan yang mereka hendak selaras.

Saya fikir kalau sekiranya perkara ini berterusan, soal pengesanan yang tinggal sahaja. Kini hendak kesan, boleh kita kesanlah, tetapi kita hendak selaras tidak boleh. Kalau begitu eloklah kita tutup institusi ini, kita kesan daripada ibu pejabat dan dengan itu kita dapat, sebab komputer pun besar dan sebagainya, hanya dapat laporan melalui komputer. Tetapi yang penting kalau sekiranya kita betul-betul hendak pastikan institusi SDO ini berfungsi maka kita harus beri kuasa balik kepada SDO ini

dan juga menaikkan taraf jawatan mereka supaya betul-betul dapat menyelaraskan projek-projek pembangunan di peringkat negeri.

Saya amat keciwa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut bahawa cuma 40 peratus sahaja projek yang telah dijalankan pada tahun ini, yang lain-lainnya masih lagi tidak dapat dilaksanakan. Saya percaya kalau institusi SDO ini diperkuatkan, diberi kuasa-kuasa tertentu, saya percaya jikalau sekiranya projek-projek terbelengkalai pun, tak sampai ke peringkat yang telah diberikan angkanya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya minta jawapan yang tegas. Mengemang tidak ada kuasa, saya percaya di antara pihak SDO ini mempunyai kuasa-kuasa tertentu ialah tahun-tahun sebelum 1982, lebih kurang macam itu. Selepas itu, saya tengok SDO ini cuma mengesan dan ia sendiri hanya hadir sebagai wakil daripada Jabatan Perdana Menteri dan ia sendiri tidak mempengerusikan dan menyelaras projek-projek pembangunan di peringkat negeri, lebih-lebih lagi setengah negeri, jawatannya adalah lebih rendah daripada jawatan Ketua-ketua Jabatan, terutamanya Jabatan Kerjaraya.

Yang berikutnya, di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, kita juga hendak mencadangkan supaya lawatan sambil belajar kepada jawatankuasa-jawatankuasa kampung itu diadakan semula sebab kita tahu bahawa timbulnya tidak puas hati dan penglibatan mereka dengan parti-parti Pembangkang adalah kerana mereka tidak faham. Kita bawa mereka ini melawat ke Parlimen, melawat Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun negeri-negeri tertentu untuk membolehkan mereka melihat dengan sendiri apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan kerana kita tidak mahu mereka ini mendapat gambaran yang silap daripada parti Pembangkang, terutamanya kumpulan daripada Angkatan Perpaduan Ummah yang sentiasa memberi gambaran yang silap kepada JKKK, kepada penduduk-penduduk kampung tentang Kerajaan kerana mereka ini

kebanyakannya berasal dalam Kerajaan, mereka menceritakan kepada orang yang tidak nampak. Jadi sekarang ini kita beri mereka nampak, beri mata tambah lagi iaitu dengan menambahkan peruntukan lawatan sambil belajar kepada JKKK yang seharusnya tidak harus diserahkan kepada peruntukan negeri, tetapi diadakan daripada peruntukan Pusat untuk membolehkan ianya disama-ratakan dan diselaraskan di semua peringkat negeri.

Di samping itu, di bawah UPP ini juga adalah untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan, walaupun saya akan sebut di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam sebentar lagi, berkhidmat untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan sebelum mereka berhenti dan selepas itu menjalankan perniagaan sendiri. Saya mendapat makluman bahawa program ini telah diberhentikan oleh kerana terdapat mereka yang telah mendapat latihan termasuk di luar negeri. Bila mereka pulang, mereka tidak menjalankan apa-apa perniagaan dan setengahnya pula hanya menggantung sijil dan membawa ke sana-sini untuk mendapat pinjaman. Ramai yang tidak menjalankan perniagaan. Jadi baru-baru ini Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan B, C, dan D boleh memohon pencen pilihan pada peringkat umur yang awal.

Jadi, sampailah masanya program ini dihidupkan semula. Kadang-kadang Kerajaan ini tidak mahu menyelaraskan, adakan perkara ini, perkara ini ditutup. Jadi sekarang ini kalau hendak adakan pencen awal ini, program ini harus dibuka semula. Janganlah program ini ditutup tetapi diberi pencen pilihan lebih awal. Mereka hendak berniaga apa? Kita sebagai pegawai Kerajaan ini bolehlah menegur orang berniaga. Macam-macam kita kata, tidak pandai berniaga, tidak pandai menjaga kewangan. Cuba kita berhenti kerja dan berniaga, saya ingat tidak sampai seminggu kita boleh bankrup. Berniaga ini bukan perkara yang mudah.

Saya sebagai bekas pegawai Kerajaan Negeri, saya pernah menegur orang macam-macam. Tidak pandai berniaga, Melayu

apa ini, tidak pandai berniaga, macam-macam saya kata. Apabila saya memasuki ke dalam bidang ini, sekarang saya tahu betapa teruknya sehingga saya terhuyung-hayang juga di peringkat awal. Jadi janganlah kita mudah menegur, tetapi biarlah kita beri latihan.

Yang berikutnya, Program 030200—Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor.

Dahulunya Pusakabumi, Tuan Pengerusi, sekarang Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor. Semasa diadakan Pusakabumi ini dahulu saya masih ingat lagi, mereka sebenarnya betul-betul memberi khidmat kepada kontraktor dengan memberi tunjuk ajar, bimbingan bagaimana kontraktor itu untuk mendapatkan kontrak dan sebagainya, tetapi, Tuan Pengerusi, masa berlalu, saya lihat Unit ini bila telah bertukar nama menjadi pendaftar untuk mendapatkan kelas ataupun lesen bagi pihak kontraktor.

Kalau ini fungsinya tidak payahlah ditubuhkan Unit ini, kita hantar balik kepada JKR ataupun kita perkecilkan Unit ini. Tetapi kalau sebenarnya hendak diberikan Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor ini berfungsi, berilah kuasa balik. Beri kuasa sebagaimana yang kita akan beri kepada SDO untuk membolehkan mereka sebenarnya memberi khidmat kepada kontraktor dan dalam masa yang sama boleh membantu bumiputera. Kalau hendak menyusun semula masyarakat ini bukan perkara yang mudah.

Setakat yang saya tahu kalau sekiranya untuk mendaftar sahaja, saya rasa pegawai-pegawai dalam Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor ini akan keciwa. Saya tengok ada pegawai-pegawai yang berpengalaman daripada Kementerian lain dihantar ke sini. Mereka akan keciwa cuma hendak daftar, tetapi mereka ini sebenarnya tidak dapat memberi bimbingan, tidak dapat memberi khidmat-nasihat, kerana apa yang ada kuasa kepada mereka, siapa hendak hairan, setakat hendak beri nasihat, semua orang boleh beri nasihat, tetapi jikalau nasihat dengan ada sedikit authority—kuasa, itu boleh. Kalau tidak, tidak payah cakap, nasihat ini siapa pun boleh, setakat hendak nasihat itu

tetapi orang tidak ikut. Sekarang ini kalau betul-betul nasihat, bimbingan dan sedikit authority itu boleh berjaya.

Saya rasa pegawai-pegawai di sini memang bersemangat untuk bekerja. Ketua Pengarahnya pun bersemangat untuk berkerja, beri kuasa kepadanya. Tambahan pula Ketua Pengarahnya bekas Pegawai Kewangan Negeri. Saya percaya beliau boleh membantu kontraktor-kontraktor kita supaya orang kita dapat menjalankan kerja dengan baik, masuk projek mengikut harga yang berpatutan dan bukan dengan keadaan sekarang, ramai kontraktor kita lihat berebut-rebut hendak mendapatkan kontrak, selepas mereka mendapat wang pendahuluan, selepas itu, selepas dua tiga bulan, kontraktor yang berkenaan pun digantung dan panggil semula. Ini sepatutnya menjadi fungsi dan peranan Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor ini untuk memberi bimbingan, memberi nasihat dan sedikit kuasa, bukan sedikit, kuasa yang membolehkan mereka untuk bertindak. Itu cadangan saya, Tuan Pengerusi.

Butiran 040000, Keselamatan Negara.

Apa yang saya hendak sentuh Pasukan Petugas Anti-Dadah. Pasukan Petugas Anti-Dadah ini telah menjalankan tugas mereka dengan baik, cuma saya kurang pasti, di mana caruman yang diberikan kepada badan-badan yang terlibat sama untuk mencegah dadah. Contohnya, PEMADAM. PEMADAM badan sukarela di antara yang terpenting dalam usaha untuk mencegah dadah. Kalau diberi peruntukan \$100,000, jumlah penagih dadah, kalau ikut angka tidak rasmi 400,000 jadi bagaimana, seorang dapat 40 sen kah? Kalau hendak beri dalam bentuk satu ringgit pun saya ingat tidak mencukupi. Satu ringgit satu kepala penagih dadah, kalau 400,000 katakan tidakkan seringgit boleh selesaikan masalah penagih dadah, sebab perkara ini penting. Badan sukarela ini harus Kerajaan menambah peruntukan untuk membolehkan mereka bekerja dengan lebih keras lagi, bekerja dengan lebih bersemangat membantu Kerajaan untuk mencegah dadah. Saya cadangkan wang caruman kepada PEMADAM itu dinaikkan kadarnya.

Yang berikutnya, Tuan Pengerusi, PERNAS-Edar Sendirian Berhad.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada banyak lagikah? Yang Berhormat telah berucap 30 minit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kita tidak diberi masa, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada banyak lagikah Yang Berhormat?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Panjang lagi, ini ada lagi sedikit.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ringkaskan Yang Berhormat kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tahu. Masa perbahasan dasar Budget dahulu, saya hendak minta bercakap awal tetapi tidak dapat, saya diberi masa 20 minit, pada hal saya hendak bercakap selama dua jam.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun cuba Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya cuba.

Tuan Pengerusi, mengenai PERNAS-Edar, peruntukannya \$1.6 juta dan di antaranya hendak menyediakan depo.

Saya cadangkan pada Kerajaan kalau \$1.8 juta ini hendak buat depo, saya ingat tutuplah PERNAS-Edar ini, malu, dahulu kita ada rangkaian kedai-kedai PERNAS-Edar dan sebagainya. Sekarang ini hendak buat apa \$1.8 juta?

Di sini saya hendak tegur sedikit pegawai-pegawai ini, apa hendak dibuat dengan peruntukan ini? Cuba beritahu saya hendak buat apa benda ini? Mencukupikah ataupun tidak, kalau hendak minta, minta betul-betul \$30 juta untuk membina depo dan sebagainya, kalau EPU tolak, kita cari EPU pula di bawah Budget ini, tidak boleh berkerja macam ini. Kalau betul-betul kita hendak tolong—kita tolong. Ini yang jadi

kelam-kabut tolong separuh jalan, kalau hendak buat, buat biar habis, biar berjaya. Saya berkali-kali hendak tegur perkara ini supaya kalau betul-betul kita hendak tolong, kita tolong, PERNAS-Edar ini sepatutnya menolong peniaga-peniaga runcit.

Kita dapati kedudukan peniaga runcit tidak seimbang di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Bumiputera saya percaya tidak sampai 20% peniaga runcit. Ini PERNAS-Edar patut memainkan peranan ataupun kalau PERNAS-Edar tidak boleh buat, sebab ini badan perniagaan, masuk bersama dengan SHAMELIN ataupun mana-mana badan yang boleh sama-sama PERNAS-Edar terlibat sebab perniagaan ini bukan perkara yang senang, kalau pegawai Kerajaan duduk dua-dua belah kaki, sebelah kaki ikut G.O., sebelah kaki lagi hendak berniaga—mati kita. Tetapi peruntukan sebanyak ini ialah lagi sekali lekat celah gigi, tidak patut masuk ke Parlimen ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tolong tengok perkara ini, tidak patut masuk ke sinilah, kalau hendak minta, minta betul-betul, kalau tidak, jangan minta, potong yang lain masuk ke sini, baru betul-betul kita hendak tolong peniaga-peniaga kecil.

Saya hendak menyentuh mengenai pembangunan, Jabatan Perdana Menteri yang terakhir atas permintaan mengenai peniaga-peniaga kecil, Butiran 170000 iaitu berhubung dengan PERNAS-Edar balik. Peniaga-peniaga kecil ini, Tuan Pengerusi, ia diberi gerai, peniaga kecil sekarang ini bukan mereka hendak gerai, mereka hendak duit, pergi ke bank, minta C.G.C. dengan bermacam-macam dan terpaksa mencari penjamin dan sebagainya-susah. Ini lagi sekali cerita menyusahkan orang, kadang-kadang peraturan untuk hendak mendapatkan benda itu bila ia dapat, katanya dapatpun susah, kita hendak berniaga betul-betul, berniaga pun susah, akhirnya mereka salahgunakan wang.

Sekarang ini pihak Kerajaan hendaklah beri perhatian, kalau kita hendak beri peniaga kecil, beri peniaga kecil, beri gerai dan juga apa bentuk bantuan kewangan yang boleh dimulakan berniaga. Bukan

semua orang berniaga ada modal, kita kena ingat, Tuan Pengerusi, malah orang yang kaya sekarang inipun dia mulakan daripada rendah juga, tetapi dalam keadaan sekarang, dalam keadaan pasaran yang mencabar, dalam keadaan orang yang telah pergi ke depan kita baru hendak beri gerai, hendak buat depo, di mana ada depo di Perlis, cakuplah PERNAS-Edar, di mana? Tidak ada. Di Kedah di mana? Kalau tidak silap saya ada dua buah, ini semua cerita mengarut, hendak tolong-tolong, saya sokong, kalau tidak, jangan masuk ke sini, hendak beri gerai—beri semua, bantuan modal ini baru boleh mereka bersemangat untuk berniaga.

Saya sedih, sebab peniaga kecil ini kita nampak kadang-kadang rasa cemburu melihat mereka, dia jual air tebu, dia kata boleh dapat sebulan \$5,000-\$6,000, income tax tidak kena. Ini cerita benda yang seronok, benda yang dia tidak seronok, masa hujan turun, ini masalah perniagaan, tolong betul-betul, Yang Berhormat dari Kepong pun akan bersetuju dengan saya, kita hendak susun semula masyarakat ini, tolong betul-betul peniaga-peniaga Melayu, peniaga runcit, biar sama dengan peniaga-peniaga yang bukan bumiputera dengan itu mereka boleh hidup sebagai masyarakat Malaysia yang betul-betul ada semangat ke Malaysiaan. Kalau macam ini susah, DAP pun akan setuju dengan saya, ini cerita tidak betul, hendak beri—beri betul-betul, kita akan sokong habis-habisan, potong yang lain, beri ke sini untuk peniaga kecil PERNAS-Edar dan sebagainya.

Yang kelima, terakhir 050000—Bahagian Hal Ehwal Islam.

Saya hendak menyentuh mengenai al-Arqam, saya bercakap fasal al-Arqam, sebab saya seorang sahaja yang tinggal di sini. Sebut al-Arqam orang kita semua hendak kahwin empat, ini saya pening kepala betul, saya mintalah, sebab ia satu badan pendakwah yang mempunyai keahlian lebih daripada 10,000 orang. Kita harus siasat di mana yang boleh kita bantu—kita bantu, tetapi kalau ia cuba hendak menyeleweng, kita ambil tindakan. Ini kita biarkan dia ada, saya bersimpati, sebab apa dia masih

ada di situ, kita kena beri perhatian, kalau dia salah, kita beri tunjuk-ajar, dia pun manusia, cuma mereka pakai serban hijau, mereka manusia macam kita juga. Sekarang ini Kerajaan mesti tampil ke hadapan berbingang di mana yang mereka silap, kita perbetulkan, di mana mereka memerlukan bantuan kita beri bantuan, di mana mereka membuat ajaran salah kita perbetulkan.

Saya juga ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri.

Baru-baru ini saya pergi ke Zoo Negara sebelah Siam, tengok binatang bukan main menjerit di sana semasa sedang diberi makan, tetapi pada malam Jumaat saya pergi ke Zoo Negara dekat surau, saya sangka binatang-binatang ini masih lagi berkeliaran minta makan, rupa-rupanya orang sedang meratip, sedang berzikir. Berzikir dengan pukul gendang, menari selepas itu ada orang perempuan yang hilang akal bertepuk-tepuk di meja. Saya kata ini amalan apa? Dia kata ini adalah satu daripada amalan daripada tok guru yang mereka bawa, jadi saya terkejut perkara ini dibiarkan sudah setahun berlalu, tidak ada tindakan diambil—itu ajaran salah, perempuan pula dia bukan pakai telekong, dia pakai jeans, menari-nari tepuk pukul-pukul badan dia, saya seronoklah tengok sebab bercampur lelaki dan perempuan, memukul gendang berzikir sebut nama Allah dan sebagainya, itu patut disiasat. Pada sebelah siang kita dengar binatang di Zoo, pada sebelah malam Jumaat, selepas sembahyang Isya' di situlah bermula, kita pergi tengok, Yang Berhormat boleh pergi tengok, boleh ikut saya.

Saya cukup tertarik, sebab saya hendak tengok apa yang ia belajar, tetapi mereka tidak beri masuk dekat, katanya kalau Encik hendak masuk, Encik kena masuk sekali, saya kata hendak masuk sekali tidak bolehlah, sebab fahaman saya berlainan, saya hendak tengok apa yang mereka buat. Perkara itu patut disiasat yang al-Arqam ini kita panggil berbincang, mereka juga manusia seperti kita. Kita takut nanti PAS dengan Semangat 46 ini bukan kita tidak tahu, takut mereka salahgunakan kumpulan ini nanti, susah Kerajaan. Jadi saya

mintalah supaya kita memberi perhatian dan Kerajaan juga memberi perhatian kepada pendakwah-pendakwah yang dilantik oleh Kerajaan.

Saya lihat pendakwah-pendakwah ini ada yang mereka pergi bantai Kerajaan balik, ini telah ditimbulkan dahulu, tetapi tindakan tidak diambil dan ramai ustaz-ustaz kita yang pergi menegur Kerajaan. Saya pernah sekali dengar dia tegur Kerajaan, malah dia tegur saya pula, dia kata "apa ini Yang Berhormat tidak pakai songkok", kata saya, "saya baru balik daripada Airport, saya ke mari orang panggil, saya ingat ada majlis apa?" Sepatutnya menjalankan dakwah dalam keadaan yang sebenarnya, berdakwahlah, ini dia bantai Kerajaan balik dan kita biarkan perkara ini berlalu begitu sahaja, saya kata tindakan tegas harus diambil kepada kumpulan ini.

Yang ketiga terakhir, Tuan Pengerusi, Butiran 01.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, berapa kali sudah kata akhir.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tadi yang kelima terakhir, sekarang yang ketiga terakhir. Ini di bawah unit . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat, banyak masa ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya bercakap betul, Tuan Pengerusi, betul itu, saya bercakap ini perkara serius.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** . . . .ke-selamatan negara, Tuan Pengerusi tidak mahu dengar terpulang, selepas itu Unit Tenaga Nuklear, saya baca satu berita . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, 5 minit lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia kata perang dunia ketiga, Tuan Pengerusi, akan berlaku pada tahun 2003.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lima minit lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay. Tahun 2003 perang dunia ketiga, dia kata selepas ini minyak habis, orang akan gunakan uranium, selepas uranium habis, ia akan gunakan thorium daripada Perak katanya, selepas itu kuasa-kuasa besar akan datang ke Perak untuk berperang.

Ini ada seorang doktor yang baru balik dari luar negeri, dia kata dia menengok kertas-kerja itu. Saya tidak mahu perkara ini terjadi, disalah tanggap selepas itu macam-macam, orang membaca ini macam-macam, berbincang benda-benda yang tak semestinya. Saya minta supaya Unit Tenaga Nuklear ini tolong beri berita yang sebenarnya, apakah betul di Perak itu terdapat satu bahan yang sebenarnya cukup penting untuk kuasa-kuasa besar datang dan seterusnya berperang, jadi kita akan mati dulu, Tuan Pengerusi dahulu kalau silap-silap. Jadi, saya ingat kita patut ambil tindakan. (*Ketawa*)

Kemudian, Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya mintalah Jabatan Perkhidmatan Awam supaya apabila kita hendak menempatkan pegawai, tempatkan pegawai sesuai dengan pengalaman dan juga kelulusannya. Jangan kita letak pegawai itu ikut sedap kita letak sahaja. Sekarang ini ramai pegawai-pegawai yang diletakkan di tempat yang tidak sesuai untuk dia bekerja. Orang yang boleh bekerja kita letak di tempat perancangan, orang yang tak erti merancang, tak erti buat kerja kita letakkan di tempat pelaksanaan. Jadi, ini harus difikirkan.

Dulu ada disebutkan orang politik tidak boleh bercampur dengan pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi politiking di kalangan pegawai Kerajaan lebih tinggi daripada orang politik. Siapa yang baik dengan kawan ini—ini cerita betul, saya berpengalaman, saya sendiri pun tahu, saya ditahan naik pangkat sebab kurang baik dengan ketua saya, ini sebagai contoh. Jadi politicking mereka lagi tinggi, Kerajaan harus campurtangan. Ahli politik nampaknya

terpaksa campurtangan untuk meredakan politiking di kalangan mereka ini. Dengan itu saya minta supaya JPA tentukan pegawai yang betul-betul boleh buat kerja itu dihantar, bukan hendak buat letak dalam peti sejuk. Saya pernah diletakkan dalam peti sejuk dahulu—tak boleh buat macam itu, tak baik, beri peluang kepada dia untuk menjalankan pekerjaan.

Mengenai BPR, Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kerana BPR telah menjalankan kerjanya dengan baik dan Ketua Pembangkang kelmarin semasa Maksud B.11 telah secara tersilap membuat cadangan yang berkenaan dan kita minta dia tarik balik, tetapi kita akan buat cadangan balas supaya gajinya itu ditarik balik.

Kepada JPA juga, di bawah pencen, Tuan Pengerusi, ada dua Jabatan yang terdapat di Wilayah Persekutuan dan Johor yang jawatannya tidak diluluskan oleh JPA tetapi sekarang mendapat pencen—di bandaraya dan satu lagi di Johor. Saya minta Jabatan Pencen tolong siasat bagaimana ini boleh terjadi, bagaimana boleh terjadi orang yang jawatannya tidak diluluskan, diambil bekerja, sekarang dapat pencen.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, fasal perpaduan. Ini memang semua orang akan bercakap fasal perpaduan. Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya sebut fasal perpaduan. Yang Berhormat dari Batu Berendam telah menyebut perkara berhubung dengan sekolah perpaduan, selepas itu dia pun mendapat tekanan, Police Report dan sebagainya. Saya hendak sebut perpaduan, yang dikatakan perpaduan ini bukan diletak, bila saya sudah besar saya kenal Wakil dari Ampang Jaya selepas itu boleh berpadu—tidak. Perpaduan bermula daripada kecil, Tuan Pengerusi. Saya ada anak, Tuan Pengerusi belum ada anak, Tuan Pengerusi belum tahu, kita mula daripada kecil perpaduan itu. asasnya bermula daripada kecil, anak-anak ini bergaul, itulah mula perpaduan. Apabila sudah besar, hari ini kita berkawan, esok kita bergaduh, silap-silap kita bertumbuk, kita sudah ada pemikiran yang bebas, tetapi kalau dididik

daripada kecil yang dikatakan perpaduan ini, bila dia besar dia tahu yang kita ini rakyat Malaysia, ini dia rupa bangsanya.

Saya tidak mahu kata tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam, tetapi saya hendak sebut adalah penting didikan mengenai perpaduan dimulakan daripada peringkat sekolah rendah, jangan nafikan. Kita ini sudah tua, kita sudah masuk ke alam senja, akan mati, anak-anak kita apa akan terjadi kalau kita sendiri berperang hendak pertahankan hak masing-masing tetapi soal didikan kepada anak-anak kita tidak pentingkan, cuma kita pentingkan emosi, pentingkan maruah tetapi kita tidak pentingkan kepentingan negara. Didikan awal adalah amat penting, Tuan Pengerusi.

Saya tahu Tuan Pengerusi tidak suka saya bercakap panjang lagi tetapi saya ucapkan terima kasih kerana beri peluang tadi. Wassalamualaikum warahmatullah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.55 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap dan memberi pandangan di atas peruntukan yang dibentangkan di hadapan kita petang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pandangan saya di atas tajuk 150000 . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mukasurat dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Mukasurat 34, Butiran 150000—Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Sebelum saya kemukakan pandangan saya mengenai Belanjawan ini, saya mengajak Yang Berhormat sekalian melihat buku Program dan Prestasi, mukasurat 439—Program Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Apa yang tertulis di dalam buku Program dan Prestasi ini adalah menjadi asas kepada perbincangan saya.

Di dalam perenggan 15—Program Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang membaca tempat-tempat yang tidak sesuai dan tidak kena dengan apa yang saya hendak sebut di sini, cuma saya hendak sebutkan tujuan yang ke-(iii) itu, iaitu:

“(iii) Untuk memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang-orang Islam menunaikan Fardu Haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.”

Perkhidmatan yang dimaksudkan di sini ialah Aktiviti Haji. Tujuan Aktiviti Haji ini ialah memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang-orang Islam Malaysia yang menunaikan Fardu Haji sama ada di Malaysia atau Tanah Suci (bukan Fardu Haji itu dibuat di Malaysia, maksudnya bantuan kewangan itu semasa dia membuat persediaan di Malaysia) atau di Tanah Suci supaya mereka dapat menunaikan Fardu Haji.

“*Penerangan Aktiviti*—Aktiviti ini dibiayai sebahagian oleh Kerajaan. Tanggungjawab aktiviti ini ialah untuk memberi perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada Jemaah Haji dalam urusan menunaikan Fardu Haji bermula dari Tanah Air ke Tanah Suci dan seterusnya kembali ke pangkuan keluarga masing-masing”.

Apa yang saya ingin sebutkan di sini, sepertimana yang saya sebut di dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan tahun 1990, mukasurat 34, iaitu Butiran 150000 Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Kod 40000—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak \$8,000,000 bagi tahun 1989 dan pada tahun 1990 ialah sebanyak \$7,000,000.

Di atas tajuk yang sama juga telah saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini dan ditempat berdiri yang sama, pada masa itu anggaran itu ialah bagi tahun 1988 ialah sebanyak \$9 juta dan diturunkan pada tahun

1989 kepada \$8 juta dan pada tahun ini, 1989 \$8 juta dan pada tahun 1990 diturunkan kepada \$7 juta.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa bilangan jemaah-jemaah haji tiap-tiap tahun meningkat, umpamanya, dalam tahun 1988 jemaah haji ialah sebanyak lebih daripada 28,000 orang dan pada tahun 1989 yang baru lalu ini jemaah haji berjumlah lebih daripada 32,000 orang. Jadi, peningkatan sebanyak 4,000 orang, tetapi peruntukan yang diberikan kepada Tabung Haji berkurangan sebanyak \$1 juta tiap-tiap tahun. Pada mulanya Tabung Haji mendapat peruntukan sebanyak \$12 juta, kemudian diturunkan sejuta, sejuta, sejuta dan sehingga akhirnya tidak ada peruntukan langsung untuk Tabung Haji.

Saya rasa ini adalah satu pendirian yang tidak patut sekali kerana di dalam buku program ini telah menyatakan peruntukan yang diberi itu ialah untuk memberi pertolongan kebajikan kepada orang-orang yang menunaikan haji. Sebenarnya pertolongan peruntukan kebajikan ini bukan semata-mata untuk orang mengerjakan haji, kepada orang yang tidak mengerjakan haji, malah kepada orang yang bukan Islam juga diberi peruntukan untuk tujuan kebajikan. Kalaulah ditakdirkan orang itu sakit, kalau ditakdirkan sesiapa sahaja menerima nasib yang tidak baik, sama ada orang Islam atau orang yang bukan Islam, maka negara memberi bantuan yang sepatutnya kepadanya dan kita memberi peruntukan yang sepatutnya kepadanya, malah kita ada hospital untuk memberi rawatan kepada orang-orang yang sakit. Kepada orang-orang yang pergi mengerjakan haji juga terdedah kepada sakit, mereka bukan malaikat dan kita tahu berapa ramai orang yang telah mendapat sakit menanggung sakit semasa mengerjakan haji, malah lebih ramai orang yang sakit semasa mengerjakan haji daripada orang yang duduk di Malaysia kerana ramai di kalangan orang yang mengerjakan haji itu terdiri daripada mereka yang berumur di antara 40-60 tahun. Itulah umur yang paling ramai sekali orang-orang yang mengerjakan haji.

Orang-orang ini kebanyakannya mempunyai penyakit-penyakit. Orang tua, memanglah ada sahaja sakit dan orang-orang

yang seumpama ini perlu diberi rawatan sama ada dia pergi ke Mekah atau sama ada dia duduk di Malaysia dan di mana-mana sekalipun, asalkan dia rakyat Malaysia mestilah kita memberi rawatan kepadanya. Dalam tahun 1988 yang lalu, saya difahamkan bahawa Jabatan Haji telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$10.5 juta.

Sepertimana yang tertulis di dalam buku program ini telah disebut bahawa Tabung Haji itu ada dua Jabatan, satu Jabatan Haji dan satu lagi Jabatan Pelaburan. Jabatan Haji menanggung perbelanjaan bagi orang-orang yang mengerjakan haji sebanyak \$10.5 juta bagi tahun 1988. Tentulah bagi tahun 1990 ini Tabung Haji akan menanggung lebih daripada itu, sedangkan peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan hanyalah sebanyak \$7 juta sahaja. Ertinya Tabung Haji terpaksa menanggung sebanyak \$3 juta. Dari mana Tabung Haji akan menampung \$3 juta ini. Daripada wang mana hendak diambil sejumlah \$3 juta itu. Barangkali terfikir oleh pihak-pihak tertentu yang menyusun, yang mentadbir hal-hal ini memikirkan bahawa Tabung Haji ada membuat keuntungan di dalam pelaburannya.

Saya tidak nafikan bahawa Tabung Haji telah membuat keuntungan. Itulah satu-satunya institusi kewangan bumiputera yang telah berjaya. Satu-satunya institusi bumiputera yang menghantar laporan ke Dewan ini tepat pada masanya. Tetapi mengapa Kerajaan mahu mengambil wang daripada pelaburan Tabung Haji untuk belanja mengurus haji. Dalam buku inipun telah dipisahkan di antara Jabatan Haji dengan Jabatan Kewangan. Pada masa Tabung Haji itu ditubuhkan Kerajaan telah menentukan fungsinya ialah untuk memberi perkhidmatan kepada orang-orang Haji. Di samping itu Tabung Haji boleh juga mengambil bahagian dalam bidang perniagaan, oleh itu Tabung Haji telah meneroka di dalam bidang perniagaan dan telah berjaya.

Kita harus ingat juga bahawa bukanlah semua orang yang menyimpan wang di dalam Tabung Haji itu untuk tujuan mengerjakan haji. Saya pernah mendapat maklumat

bahawa di Tabung Haji ada orang-orang Islam yang merasakan dia hendak berniaga, hendak melabur secara Islam yang betul, Tabung Haji itulah tempatnya. Maka dia ada wang yang berlebihan \$100,000 atau \$200,000, maka dilaburkan di dalam Tabung Haji, disimpannya di dalam Tabung Haji dan ia mendapat keuntungan yang banyak. Sekiranya wang keuntungan ini kita hendak ambil dan gunakan untuk perbelanjaan Jabatan Haji yang memberi perkhidmatan orang-orang yang pergi mengerjakan haji maka tiada siapa lagi orang Islam akan menyimpan di Tabung Haji kerana keuntungannya sendiri di bawa ke tempat lain. Bukan itu sahaja, kita harus bertanya tentang hukumnya, bagaimana wang orang-orang yang menyimpan di Tabung Haji untuk tujuan mendapat keuntungan "alih-alih" wang itu dipindah dan digunakan di tempat yang lain.

Jadi, dengan ringkasnya saya menca-dangkan supaya pihak Jabatan Perdana Menteri meneliti hal ini dengan baik-baik. Sebelum saya tamatkan tajuk ini, suka saya tambahkan satu perkara lagi. Tabung Haji satunya badan perniagaan bumiputera yang mengeluarkan zakat. Zakatnya itu tidak pula dibenarkan oleh pihak Kementerian Kewangan untuk dipotong daripada cukai pendapatan. Ini satu lagi, apakah bagi orang Islam yang ingin berniaga di dalam bentuk yang halal seumpama ini menerima halangan-halangan yang terlalu banyak. Saya berharap mudah-mudahan Allah s.w.t. memberi pertunjuk dan hidayatNya kepada siapa sahaja yang menyediakan peruntukan ini bahawa fikirlah dan berhati-hatilah kerana yang dipotong itu tidaklah terlalu banyak, kalau hendak diambil untung daripada \$3 juta, \$4 juta, apalah \$3 juta, apalah \$4 juta, apalah \$5 juta, sedangkan kita telah menghabiskan wang Kerajaan di dalam perkara-perkara yang lain terlalu banyak. Haruslah kita ingat, saya percaya kita di dalam Dewan inipun akan merasa sedih, kita merasa sedih kalau memikirkan keadaan-keadaan yang seumpama ini. Kita hendakkan sesuatu yang baik maka haruslah

kita sama-sama berusaha ke arah jalan yang baik.

Tuan Pengerusi, saya fikir tidak perlu saya panjangkan dalam perkara itu, saya ingin berubah kepada tajuk yang lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada mukasurat 32 Buku Belanjawan, Butiran 040200 mengenai dadah.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa masalah dadah ini bukanlah menjadi masalah negara kita sahaja tetapi dadah telah menjadi masalah antarabangsa. Semasa saya menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UN), perkara masalah dadah ini telah dibincangkan dengan begitu hangat sekali dan perwakilan Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi sumbangan yang bermakna tetapi kita masih berkurangan. Melalui Dewan yang mulia ini, sukalah saya merakamkan permintaan daripada Tuan Yang Terutama Wakil Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu, Dato' Razali Ismail supaya seorang pakar dalam hal ehwal dadah, yang benar-benar pakar, bukan cakap pakar sahaja, tetapi memang mempunyai keahlian betul-betul dalam masalah dadah ini dihantar ke pejabat kita, ke perwakilan kita di Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu pegawai-pegawai kita menyediakan kertas-kertas mengenai dadah kerana kita sebagai sebuah negara yang memainkan peranan yang sangat penting di dalam bahagian dadah ini perlulah memberi sumbangan yang bermakna. Dan saya fikir, kita boleh memberi sumbangan yang bermakna itu kerana kita mempunyai ahli-ahli di dalam bidang dadah ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pada masa saya di Bangsa-bangsa Bersatu, di New York, saya lihat filem mengenai dadah di Malaysia ditayangkan di televisyen New York yang menggambarkan bagaimana usaha Kerajaan Malaysia untuk mencegah dadah. TV itu telah melaporkan bahawa Malaysia bukan sahaja menjatuhkan hukum bunuh itu

sahaja, tetapi juga menjalankan usaha-usaha pemulihan yang dilakukan di pusat-pusat serenti. TV US itu telah menayang gambar itu selama hampir 15 minit. Saya merasa sangat gembira. Jadi, dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya peruntukan bagi dadah ini ditambah lagi. Saya merayu kepada Dewan ini, saya merayu kepada pihak-pihak berkenaan dapat menghantar segera seorang pakar dadah ke perwakilan kita di Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu mereka menjayakan tugas mereka dengan lebih bermakna.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai muka surat 33—Butiran 050000, Bahagian Hal Ehwal Islam. Saya cuma ingin hendak memberi penjelasan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi, berkenaan dengan pemilihan Jawatankuasa Masjid di Wilayah Persekutuan yang dibatalkan. Apa yang telah saya faham, bahawa ada masjid-masjid di dalam Wilayah Persekutuan yang telah memilih ahli jawatankuasa qariahnya tidak mengikut peraturan pemilihan yang betul kerana dalam masa pemilihan ada setengah-setengah qariah itu berlaku adanya orang-orang atau ahli-ahli jemaah luar daripada qariah berkenaan dibawa masuk untuk kepentingan tertentu di dalam pemilihan berkenaan. Maka menanglah bagi mereka yang telah berusaha dan mencari jalan untuk mendapat kemenangan itu. Saya di sini hanyalah meminta pihak Jabatan Perdana Menteri mengesahkan dan menyelidik dengan betulnya di atas perkara ini supaya tohmah, supaya fitnah-fitnah yang seumpama ini tidak berlaku kerana kadangkadangkang perkara itu memang berlaku tetapi telah dipergunakan maklumat-maklumat itu untuk tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang. Lagi sekali saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.20 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Kepala B.4, Suruhanjaya Pilihanraya.

Berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya, saya ingin merujuk Butiran 010300 berkaitan Komputer untuk menyenggara komputer dan peralatan yang lain bagi mengemaskinikan daftar-daftar pemilih. Dalam hubungan ini, saya terpaksa melahirkan perhatian berat saya mengenai pengumuman baru-baru ini oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya di Kota Kinabalu bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah membelanjakan lebih dari \$3 juta bagi memperbetulkan separuh dari 400,000 masalah nama pemilih yang terdapat dalam daftar pemilih sejak tahun 1986. Apa yang telah disarankan oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya hanya mengesahkan kekerapan aduan bahawa daftar pemilih yang digunakan dalam pilihanraya yang lalu adalah tidak bersih dan teratur dan apakah yang diberikan dalam daftar pemilih tidak memberi gambaran yang tepat mengenai keadaan yang betul.

Di setiap pilihanraya umum atau pilihanraya kecil kita sering mendengar aduan-aduan bahawa nama-nama pengundi hilang dari daftar pemilih. Ada masalah tentang pendaftaran dua kali, tiga kali dan banyak kali dalam daftar pemilih berdasarkan ke atas satu nombor kad pengenalan. Kes percanggahan (discrepancy) nama 400,000 orang seperti yang dijelaskan oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, di samping kewujudan nama-nama orang yang sudah meninggal dunia yang masih ada dalam daftar pemilih. Percanggahan dan masalah telah membangkitkan persoalan tentang kecekapan di pihak Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyediakan dan mengeluarkan dengan satu daftar pemilih yang tepat dan sempurna untuk digunakan dalam pilihanraya. Adakah Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai satu sistem komputer yang cekap untuk menyediakan satu

senarai daftar pengundi yang tepat dan bersih atau adakah kerana Perbendaharaan tidak memberikan peruntukan yang cukup kepada Suruhanjaya Pilihanraya bagi mempertingkatkan sistem komputer bagi menyedia dan mengemaskinikan daftar pengundi itu.

Saya berpendapat bahawa peruntukan \$867,000 bagi Unit Komputer di Suruhanjaya Pilihanraya adalah jelas tidak mencukupi bagi memenuhi maksud yang berkaitan. Saya faham bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah meminta kelulusan \$3 juta dari Perbendaharaan untuk mempertingkatkan sistem komputer untuk memperbetulkan percanggahan dalam daftar-daftar pemilih. Perbendaharaan tidak sahaja memberikan kelulusan kepada permintaan Suruhanjaya, akan tetapi sanggup bersedia membuat peruntukan lebih besar untuk meningkatkan sistem komputer dalam Suruhanjaya untuk membersihkan daftar pengundi bagi maksud memudahkan proses pengundian dalam pilihanraya akan datang. Suruhanjaya Pilihanraya di dalam setiap negeri hendaklah juga dilengkapi dengan komputer mikro bagi tujuan yang sama.

Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan baru-baru ini bahawa deraf daftar pemilih tahun 1989 akan dibukakan untuk pemeriksaan orang ramai di 4,454 pusat mulai 17hb hingga 30hb November. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru Suruhanjaya Pilihanraya memastikan bahawa deraf daftar pemilih akan dipamerkan di pusat-pusat yang mudah dilawati orang ramai untuk membuat pemeriksaan dan memastikan sama ada nama mereka terdapat dalam daftar dan sama ada tertimbul apa-apa kesilapan yang perlu diperbetulkan.

Saya mengambil peluang ini untuk menyeru semua mereka yang mendaftar baru-baru ini supaya memeriksa daftar-daftar apabila dipamerkan dengan tujuan untuk memastikan kelayakan mereka untuk membuang undi. Saya juga menggesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa sebelum pilihanraya umum akan datang,

Suruhanjaya Pilihanraya patut diberikan peruntukan yang diperlukan untuk memperbetulkan semua percanggahan (discrepancies) dalam daftar pemilih tahun 1989 supaya rakyat boleh dijamin dengan satu pilihanraya yang bersih, yang hanya mungkin jika terdapat daftar pemilih yang bersih, yang memberi maklumat yang tepat dan kemaskini yang semua ada terkandung dalam daftar pemilih.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pendaftaran juga, saya berdukacita bahawa Kerajaan telah mengambil masa yang begitu panjang untuk menimbang cadangan memperkenalkan satu sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun. Saya ingin menegaskan di sini bahawa sistem pendaftaran pemilih 42 hari yang ada sekarang amat tidak memuaskan kerana ia tidak membantu memaksimumkan pendaftaran pemilih yang layak. Sistem yang digunakan sekarang patut diganti dengan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun dan Suruhanjaya Pilihanraya patut diberikan lebih banyak peruntukan bagi maksud ini.

Berhubung dengan Operasi Pilihanraya, saya ingin menyentuh pilihanraya umum akan datang. Pengerusi Suruhanjaya dilaporkan menyatakan dalam bulan September tahun ini bahawa Suruhanjaya dijangka membelanjakan antara \$13 juta dan \$14 juta dalam pilihanraya umum akan datang. Saya harap pihak Kerajaan akan meluluskan permintaan Suruhanjaya dan tidak mengurangkan peruntukan bagi pilihanraya umum. Jika Kerajaan bersedia membelanjakan satu jumlah wang yang besar untuk menjayakan CHOGM, maka Kerajaan patut bersedia membelanjakan sejumlah yang munasabah untuk melicinkan urusan pilihanraya bagi memenuhi proses demokrasi berparlimen.

Saya suka juga mencadangkan bahawa hari membuang undi bagi pilihanraya umum akan datang ini dan untuk pilihanraya-pilihanraya yang akan datang kemudian patutlah diisytiharkan sebagai cuti awam bagi memudahkan semua pengundi yang layak untuk membuang undi mereka dan memastikan masa depan negara. Jika Kerajaan boleh mengumumkan cuti awam

bagi acara-acara yang kurang penting daripada pilihanraya umum, seperti berhubung dengan Sukan SEA baru-baru ini, itulah sebab mengapa hari mengundi patut diisytiharkan sebagai cuti umum bagi memudahkan semua rakyat Malaysia, terutama pekerja-pekerja, pergi membuang undi. Suruhanjaya Pilihanraya patut sering menjalankan tugas dalam cara yang mana seseorang tidak boleh mempertikaikan kebebasan dan integritinya oleh kerana dikehendaki menjadi satu badan yang bebas untuk mengambil tugas dalam proses pilihanraya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada mukasurat 32. Saya ingin merujuk Butiran 040000, Keselamatan Negara. Di sini saya ingin membangkitkan satu masalah yang baru-baru ini didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, yang saya rasa boleh menimbulkan ancaman yang serius kepada keselamatan negara kita iaitu percubaan mengintip Malaysia menerusi satelit. Yang Berhormat berkenaan berkata baru-baru ini bahawa negara-negara jiran menggunakan satelit untuk mengintip Malaysia menerusi penggunaan kemudahan penderiaan jauh berteknologi tinggi yang berupaya merakamkan setiap pergerakan dan perkembangan di Malaysia. Saya terperanjat kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bahawa penggunaan satelit oleh negara-negara jiran ialah satu perkara yang biasa dan tidak ada yang perlu ditakuti. Saya menjangkakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri akan melahirkan kebimbangan ke atas perkara ini bukan seperti yang diulaskan oleh beliau.

Kerajaan patut mengambil satu pandangan yang serius mengenai kegiatan mengintip yang boleh menjejaskan ataupun memberi kesan ke atas keselamatan negara kita. Saya menggesa Kerajaan supaya mengambil pendirian yang jelas ke atas perkara ini dan juga menunjukkan apakah tindakan yang ia bercadang untuk

mengambilnya dan sama ada Malaysia juga hendak memiliki satelit sendiri tidak lama lagi.

Saya sekarang ingin beralih kepada Butiran 040200, Pasukan Petugas Anti Dadah. Memandangkan kepada tugas yang dimainkan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah ini, saya suka mengesyorkan bahawa Pasukan Petugas Anti Dadah harus mengambil tindakan yang wajar untuk memastikan penubuhan lebih banyak pusat-pusat jagaan lanjutan. Pusat-pusat ini untuk bekas penagih dadah amatlah mustahak oleh kerana menurut satu kajian, sebanyak 80% dari jumlah penagih dadah yang pernah menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan berbalik semula menghisap dadah. Hari ini terdapat hanya 34 buah pusat jagaan lanjutan yang beroperasi. Jumlah ini adalah tidak mencukupi. Saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak pusat patut ditubuhkan pada masa akan datang dan Pasukan Petugas Anti Dadah ini harus mengambil tindakan melibatkan setiap buah negeri untuk tujuan atau objektif ini.

Cadangan yang kedua ialah saya suka menggesa Kerajaan supaya memberi lebih banyak peruntukan bagi membiayai program anti dadah bagi tahun-tahun akan datang. Pada tahun 1989, Kerajaan hanya memperuntukan sebanyak \$47.3 juta bagi membiayai program pengawalan, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Saya harap supaya lebih banyak wang akan diperuntukkan pada tahun akan datang dan dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat memberikan ataupun menambah pemberian grant kepada PEMADAM Kebangsaan untuk membolehkannya menjalankan pelbagai aktiviti. Pada masa kini PEMADAM hanya memperoleh pemberian \$100,000 sahaja sebagai sumbangan tahunan Kerajaan dan amaun ini jauh dari mencukupi untuk menampung perbelanjaan tahunan yang berjumlah lebih kurang sejuta ringgit bagi PEMADAM Kebangsaan.

Cadangan yang ketiga, saya ingin menyampaikan di sini ialah bahawa Pasukan Petugas Anti Dadah harus membuat kajian

menyeluruh betapa seriusnya masalah penagihan dadah dalam sektor awam dan untuk mengenalpasti sejauh mana masalah penagihan dadah dan telah menjejaskan prestasi Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan termasuk pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Saya suka juga mencadangkan supaya Pasukan Petugas Anti Dadah membuat kajian kemungkinan negara kita menandatangani memorandum persefahaman dengan lebih banyak negara di dunia untuk membolehkan tindakan bersama untuk menyasiat dan mendakwa pengedar-pengedar dadah, menyita dan merampas harta benda dan keuntungan yang dimiliki oleh pengedar-pengedar.

Baru-baru ini negara Malaysia telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan negara Britain, Thailand dan Singapura. Kerajaan patut juga mengkaji keperluan menandatangani perjanjian dengan negara-negara ASEAN yang lain serta Australia, Kanada, Amerika Syarikat, Hongkong dan lain-lain.

Sekarang saya suka beralih kepada Butiran 060000 mengenai Aktiviti Pengurusan Bangunan Kerajaan.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menimbulkan masalah pekerja-pekerja bawahan Telekom atau STM yang sedang menduduki bangunan-bangunan Kerajaan. Bahagian Pengurusan Bangunan Kerajaan di bawah JPM telah mengeluarkan notis kepada pekerja-pekerja STM untuk mengosongkan bangunan-bangunan pada akhir tahun 1988. Mereka telah membuat rayuan, akan tetapi saya diberitahu rayuan itu telah pun ditolak. Saya ingin merayu kepada JPM untuk bersimpati dengan pekerja-pekerja bawahan ini, di mana semuanya adalah golongan berpendapatan rendah dan membenarkan mereka melanjutkan tempoh penginapan sehingga masalah perumahan pekerja-pekerja STM ini dapat diselesaikan antara pekerja dengan STM yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin berucap mengenai Butiran 03500 di muka surat 36, Perumahan Awam Wilayah

Persekutuan yang mana terdapat peruntukan pinjaman \$5 juta untuk perumahan awam kos rendah. Saya berpendapat bahawa satu pinjaman sebanyak \$5 juta yang diberikan kepada DBKL tidaklah memberi erti jika objektif Kerajaan untuk melihat lebih banyak rumah ataupun rumah pangsa awam kos rendah dibina bagi memenuhi keperluan perumahan yang mendesak bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Saya telah menyuarakan bertahun-tahun supaya dibina lebih banyak rumah atau rumah pangsa awam kos rendah untuk Kuala Lumpur. Saya akan terus menyuarakan harapan dan aspirasi golongan pendapatan rendah ini selagi menyentuh soal perumahan.

Perumahan ialah satu kemudahan asas yang menjadi semakin bermasalah tahun demi tahun. Kekurangan perumahan yang sempurna bagi golongan miskin dicerminkan dalam kewujudan kawasan setinggan dan mundur dalam semua bandar besar, dan Kuala Lumpur adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang satu perempat dari penduduk Kuala Lumpur tinggal di dalam kawasan setinggan.

Dengan mengambil kira keperluan perumahan yang sangat mendesak bagi golongan berpendapatan kecil dan sederhana dalam Wilayah Persekutuan, maka keperluan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dalam Wilayah Persekutuan adalah sangat perlu disegerakan.

Adalah dianggarkan bahawa Kuala Lumpur sendiri memerlukan sekurang-kurangnya 5,000 unit rumah atau rumah pangsa awam kos rendah setahun dan jika belanjawan Dewan Bandaraya tidak dapat menampung atau mencapai objektif ini, maka Perbendaharaan patut menyediakan lebih banyak pinjaman kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi membina lebih banyak rumah atau rumah pangsa awam kos rendah yang berharga \$25,000 ke bawah.

Di dalam Wilayah Persekutuan ini, kami tidak boleh bergantung kepada perumahan yang diswastakan bagi membantu golongan miskin kerana mereka tidak mampu membeli rumah-rumah yang dibina oleh pemaju swasta.

Jawapannya adalah terletak kepada Dewan Bandaraya dengan sokongan Perbendaharaan untuk memperolehi suatu pinjaman yang lebih besar, bukan \$5 juta untuk tahun 1990, untuk membina rumah pangsa awam kos rendah untuk disewakan kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah.

Sebenarnya apa yang Kuala Lumpur perlukan hari ini ialah sebuah Perbadanan Pembangunan Perumahan yang dilengkapi dengan kuasa-kuasa yang diperlukan dan memberikan peruntukan untuk merancang dan membina perumahan awam kos rendah secara besar-besaran bagi membantu menyediakan tempat perlindungan kepada golongan miskin dan yang memerlukan, sama ada secara menjual atau menyewa berdasarkan keperluan pemohon-pemohon.

Di bawah Butiran 036000, Tuan Pengerusi, mengenai Pengawalan Penempatan Setinggan, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$2 juta untuk maksud ini. Saya suka bertanya, apakah peruntukan \$2 juta boleh dilakukan untuk membantu kawasan-kawasan setinggan dari segi menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas untuk mereka dan mewujudkan satu persekitaran ataupun kawasan yang menarik dan bersih? Peruntukan ini tidak mempunyai apa-apa makna dalam memperbaiki kehidupan masyarakat setinggan pada keseluruhannya. Jika Kerajaan benar-benar hendak membantu golongan setinggan, maka Kerajaan patut memberikan peruntukan sekurang-kurangnya \$10 juta. Golongan setinggan patut dianggap sebagai golongan rakyat termiskin yang mana keperluan dan masalah mereka mestilah selalu diberikan perhatian yang berat.

Suatu hal yang perlu saya sebutkan di sini ialah masalah penempatan semula

setinggan. Apabila sesebuah keluarga setinggan dikehendaki berpindah bagi tujuan pembangunan sesuatu tempat, mereka diberikan peruntukan rumah pangsa ataupun rumah panjang. Bagaimana pula setinggan-setinggan yang menjadi mangsa kebakaran? Sehingga kini mangsa-mangsa kebakaran setinggan menghadapi masalah yang besar untuk mencari tempat kediaman apabila setiap kali berlaku kebakaran dan yang sebenarnya dalam Kuala Lumpur ini pun tidak ada cukup rumah panjang untuk digunakan bagi penempatan semula mangsa-mangsa kebakaran ataupun mangsa-mangsa bencana yang lain.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyenutuh di sini di atas tajuk yang sama ialah masalah kelewatan dalam memberikan kelulusan untuk membaiki semula rumah setinggan yang sudah usang dan buruk dan sebagainya oleh pihak DBKL. Kelewatan ini berpunca dari pelbagai syarat dan kehendak yang perlu dipenuhi oleh seseorang setinggan apabila hendak memohon kebenaran membaiki rumah mereka. Saya di sini minta Kerajaan supaya dapat memudahkan lagi syarat-syarat dan keperluan permohonan membaiki rumah setinggan dan si pemohon tidak perlu menunggu begitu lama sebelum dapat membeli rumah yang berkaitan. Bantuan kewangan juga patutlah diberikan kepada setinggan-setinggan yang dhaif dan kurang kemampuan dan tidaklah perlu menetapkan syarat-syarat yang ketat dan menyusahkan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 05600 di bawah Perparitan dan Saluran Najis, Kerajaan telah memperuntukkan anggaran \$3 juta untuk projek tersebut.

Saya rasa peruntukan ini amat kecil jika dibandingkan keperluan yang begitu besar untuk memperbaiki sistem perparitan dalam Kuala Lumpur ini. Di Kuala Lumpur ini kita berdepan dengan banjir kilat. Masalah banjir kilat di sini tidak dapat diatasi meskipun ada pelbagai pengumuman oleh berbagai pihak yang berkenaan. Apa yang serius ialah apabila hujan turun dengan lebat, banyak jalan utama dalam Bandaraya akan dibanjiri oleh air yang menyebabkan tidak sahaja kesulitan dan

ketidakselesaan kepada pengguna-pengguna kenderaan dan orang ramai, kerana terkandas, tetapi juga para tuan punya kedai kerana air melimpah dan membanjiri kedai mereka. Masalah ini timbul kerana sistem perparitan dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini yang sangat tidak memuaskan dan memerlukan suatu kerja baikpulihan yang menyeluruh. Kerajaan telah membelanjakan begitu banyak wang untuk projek mengindahkan Kuala Lumpur untuk berbagai acara yang baru lalu seperti Sukan SEA, CHOGM dan persediaan Tahun Melawat Malaysia, tetapi tidak memberikan perhatian yang lebih untuk menggantikan semua culvert yang lama dengan yang baru serta memperbaiki sistem parit dan longkang yang tersumbat dan sebagainya. Oleh itu masanya telah tiba bagi JPM mendahulukan satu peruntukan khas kepada DBKL untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang telah saya sebutkan tadi. Tidak ada ertinya Kuala Lumpur mempunyai suatu panorama atau pemandangan yang cantik dan indah akan tetapi berubah wajah apabila hujan turun yang menyebabkan berlakunya banjir kilat dipelbagai tempat dalam Kuala Lumpur.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 01700-Peniaga-peniaga Kecil, di mana sejumlah \$11 juta diperuntukkan untuk membantu peniaga-peniaga kecil bagi tahun 1990 menerusi Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai perkara bantuan untuk peniaga kecil, saya ingin bercakap tentang skim Pinjaman Khas untuk penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil bagi membantu mereka menjalankan perniagaan mereka.

Saya juga ingin mencadangkan di sini mengenai masalah ini, saya berpendapat bahawa had maksimum pinjaman untuk peniaga kecil patut dinaikkan dari kadar sekarang iaitu \$5,000 kepada \$10,000 untuk memberikan lebih banyak bantuan kewangan bagi peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja menubuhkan perniagaan mereka.

Saya juga mencadangkan bahawa tempoh maksimum pembayaran balik dinaikkan dari tempoh sekarang dua tahun ke lima

tahun bagi meringankan kesusahan peniaga kecil yang mendapati sukar menyelesaikan pembayaran balik pinjaman bulanan pada tempoh yang pendek. Kos membeli peralatan dan lain-lain barang untuk memulakan sebuah perniagaan kecil telah banyak bertambah dan oleh itu mereka yang hendak menjadi penjaja kecil adalah memerlukan suatu pinjaman yang besar untuk memasuki bidang perniagaan.

Lebih-lebih lagi kos bahan dan perukangan untuk membuat peralatan perniagaan telah bertambah dan meningkatkan had maksimum pinjaman ke \$10,000 adalah berpatutan dan patut ditimbang oleh pihak yang berkuasa. Jika \$50 juta untuk Skim Pinjaman Khas untuk penjaja-penjaja dan peniaga kecil tidak mencukupi, maka ia patut dinaikkan.

Kelulusan untuk permohonan pinjaman yang dikemukakan oleh peniaga kecil patutlah diasaskan ke atas kelayakan dan keperluan dan Skim Pinjaman Khas patut memberi faedah kepada semua kaum.

Saya suka mencadangkan bahawa semua pihak berkuasa lesen yang bertanggungjawab untuk memproses dan kelulusan permohonan lesen untuk peniaga kecil patut menyegerakan pengeluaran sesuatu lesen atau permit kerana ini adalah satu syarat utama kelulusan pinjaman.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Jabatan Perdana Menteri menga-rahkan semua pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab untuk pengurusan penjaja bagi merangka dan melaksanakan berbagai garis panduan untuk melesen penjaja-penjaja dalam kawasan-kawasan tertentu di samping membangunkan tapak penjaja baru bagi menyediakan lebih banyak peluang untuk peniaga kecil.

Garis panduan itu patut meliputi pembukaan pasar baru atau membaiki keadaan tapak yang ada sekarang bagi memudahkan peniaga kecil menjalankan perniagaan mereka.

Dengan peruntukan yang dibentangkan ini saya juga menggesa Kerajaan untuk

menambahkan kemudahan asas di tapak-tapak penjaja seperti bekalan elektrik, bekalan air paip dan kemudahan infrastruktur.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah bekerjasama dengan Persatuan Penjaja bagi mengenal pasti tapak baru bagi menjaja di samping menimbang pandangan persatuan-persatuan penjaja tertentu untuk meningkatkan dan mengembangkan peluang-peluang penjajaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah yang saya ingin membangkit dalam perbahasan. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pagoh.

*5.51 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, pertama saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.7 Butiran 040000 iaitu Keselamatan Negara, Program 040200 Pasukan Petugas Anti Dadah, iaitu di mukasurat 32.

Saya ingin menyentuh tentang peranan Pasukan Petugas Anti Dadah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum bahawa masalah dadah bukanlah satu perkara yang asing. Masalah dadah telah menjadi masalah negara dan ancaman dadah adalah sama bahayanya dengan ancaman kegiatan bawah tanah komunis. Tidak banyak bezanya antara gerakan komunis dengan gerakan pengedar dan penghisap dadah. Anggota komunis bergerak dengan mengangkat senjata dan beroperasi secara militan. Bagi pengedar dadah juga boleh bergerak dan bertindak licin untuk melaksanakan tugas terkutuk hatta dengan menggunakan senjata jika terdesak.

Begitu juga halnya dengan penghisap dan penagih dadah, boleh bertindak liar dan bertindak ganas serta mengancam keselamatan orang semata-mata untuk mendapat wang bagi memperolehi bekalan. Yang berbeza ialah orang-orang komunis mati dengan sebab serbuan anggota keselamatan negara sementara pengedar dadah ramai

yang mati di tali gantung dan penghisap atau penagih dadah mati secara perlahan-lahan (slow death), dengan izin.

Soalnya, sekarang Kerajaan ingin membanteras kedua-duanya sekali. Kita yakin di atas usaha-usaha dan kemampuan Kerajaan untuk menghapuskan kedua-dua anasir yang mengancam keselamatan negara. Kerajaan telah berupaya membanteras anasir-anasir komunis di negara ini dan pada masa ini kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan hitam sudah berkurangan. Tetapi kawasan-kawasan hitam, kawasan-kawasan pengedaran dan kegiatan-kegiatan penghisapan dadah masih banyak bahkan terus bertambah. Di manakah peranan Pasukan Petugas Anti Dadah?

Dalam konteks ini saya nampak bahawa peranan Pasukan Petugas Anti Dadah adalah sangat penting. Melihat kepada masalah yang ada, Pasukan Petugas Anti Dadah ini sudah sampai waktunya untuk meluaskan skop tugas dan peranannya. Hari ini pada penglihatan saya tugas Pasukan Petugas Anti Dadah ini lebih bersifat menyelaras kegiatan penguatkuasaan yang mana tugas dan perlaksanaannya bergantung besar kepada pihak Polis, pihak Kastam dan juga UPP. Tegak pasukan ini hanya menyelaras dan tidak operational, dengan izin, iaitu tidak menjalankan tindakan pembanterasan secara langsung.

Saya berpendapat Pasukan Petugas Anti Dadah sudah sampai masanya terlibat secara langsung memandangkan keadaan ancaman dadah yang semakin menggugat rakyat dan negara. Dengan penglibatan secara langsung bersama-sama pihak Polis, pihak Kastam dan juga UPP saya yakin bahawa segala tindakan pembanterasan akan dapat dijalankan secara lebih selaras dan berkesan. Ini bermakna keupayaan PPAD ataupun Pasukan Petugas Anti Dadah ini mestilah ditambah, ditingkat dan diperbesarkan. Keanggotaan pasukan ini mestilah ditambah dan peruntukan mestilah juga ditambah lagi. Keadaan ini penting kerana kebiasaan di negara ini segala tindakan perlu dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan sementara rakyat menerima dan menjadi pengikut

semata-mata. Oleh itu segala tindakan yang berkesan tidak dapat terhasil jika kita bergantung kepada rakyat semata-mata.

Dalam hal ini maka Pasukan Petugas Anti Dadah bukan sahaja perlu bertindak tetapi juga perlu memperbanyakkan program-program, program-program pendidikan, program-program penerangan yang perlu ditujukan kepada dua golongan iaitu kumpulan-kumpulan belia dan seterusnya kumpulan-kumpulan ibu bapa.

Bantuan secara terus patut diberikan kepada jabatan-jabatan, persatuan-persatuan khasnya persatuan-persatuan belia yang jumlahnya pada hari ini kira-kira 5,000 buah persatuan belia. Dan perlu juga diperbanyakkan bengkel-bengkel, seminar-seminar, kursus-kursus mengenai bahaya dan pencegahan dadah yang boleh didedahkan seluas-luasnya kepada golongan-golongan itu. Dan selaras dengan itu perlulah digalakkan pengujudan Pasukan Petugas Anti Dadah secara sukarela di peringkat-peringkat persatuan selain daripada yang dilakukan oleh pihak PEMADAM. Kursus juga perlu diberikan kepada ibu bapa supaya menyedari tentang bahaya dadah dan seterusnya mengambil langkah pengawasan yang sewajarnya.

Saya berpendapat Kerajaan patut memberi peruntukan yang lebih kepada pasukan ini kerana tumpuan hari ini bukan sahaja di bandar tetapi juga tumpuan harus diberikan dan dipesatkan di kawasan luar bandar terutama di kawasan-kawasan rancangan yang begitu ramai mempunyai golongan belia-belia yang menganggur dan terdedah dengan wabak dadah.

Mengikut perhatian saya, ancaman dadah di kawasan luar bandar sudah begitu teruk dan tidak mudah diatasi, bahkan di setengah-setengah kawasan lebih teruk lagi daripada kawasan-kawasan di bandar. Dengan adanya seorang atau dua orang pegawai Polis yang ditempatkan di pondok-pondok Polis di kawasan luar bandar saya berpendapat tidak berkesan dari segi menjalankan tugas-tugas untuk pencegahan dan juga dari segi kawalan. Oleh itu saya berpendapat biarlah Kerajaan memberi peruntukan yang

lebih lagi bagi langkah kawalan dan pencegahan daripada kita membuat langkah-langkah pemulihan yang mana langkah ini adalah sudah terlewat. Matlamat kita sepatutnya bukanlah untuk mewujudkan lebih banyak pusat-pusat pemulihan tetapi sebaliknya kita patut membanyakkan ahli-ahli Pasukan Petugas Anti Dadah yang bertugas untuk mengawal dan menyekat wabak dadah ini.

Tuan Pengerusi, saya seterusnya ingin menyentuh maksud Pembangunan iaitu P.7 Butiran Projek 02900 muka surat 35 iaitu tajuk Tabung Pembangunan Projek Perusahaan Kecil Bagi Usahawan Baru.

Tuan Pengerusi, mengikut anggaran, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1 juta bagi pembangunan projek perusahaan kecil bagi usahawan baru. Dilihat dari segi pembentukan tabung ini memanglah baik khasnya bagi membantu mewujudkan golongan usahawan iaitu dari usahawan-usahawan baru dalam projek perusahaan kecil. Berdasarkan kepada ramainya pengusaha-pengusaha baru yang ingin terlibat dalam projek perusahaan kecil di negara ini maka peruntukan ini jika benar-benar dapat digunakan dan diagihkan secara sama rata dan adil maka akan ramailah wujudnya golongan usahawan baru dalam perusahaan kecil.

Saya menyeru kepada pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Tabung ini supaya benar-benar melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya. Kalau wang ini hendak disalurkan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan kemudiannya kepada Pejabat-pejabat Daerah, saya harap biarlah pegawai-pegawai dari Tabung ini sendiri melibatkan diri hingga ke peringkat bawahan supaya tidak ada penyalahgunaan atau langsung tidak ada pelaksanaan disebabkan tugas-tugas lain yang lebih dianggap penting untuk dilaksanakan. Kita tidak mahu melihat yang peruntukan ini tinggal di paras yang tinggi di penghujung tahun, bukan dengan sebab tidak ada permohonan atau pun tidak ada permintaan tetapi disebabkan oleh lemahnya pengurusan.

Di samping itu di dalam pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Baru, perlulah dititikberatkan juga kepada mereka yang telah mengikuti program keusahawanan sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Patut juga diberi keutamaan kepada golongan-golongan khasnya golongan-golongan belia yang menganggur pada hari ini, kerana pada hari ini ramai golongan-golongan belia yang sedang mencari-cari untuk mendapatkan jalan dan cara serta bantuan untuk penglibatan diri dalam perusahaan-perusahaan kecil. Jadi inilah peluang yang mungkin kita boleh berikan kepada mereka.

Saya juga menyeru supaya proses pemilihan dan pemberian peruntukan janganlah berdasarkan kepada syarat-syarat yang ketat termasuk dengan menghendaki jaminan-jaminan yang menyukarkan dan menyulitkan. Bantuan ini patutlah disifatkan sebagai incentive, dengan izin, yang berdasarkan lebih banyak kepada cadangan projek yang berdaya maju dan bukan kepada kuat mana jaminan yang boleh atau yang dapat diadakan oleh pemohon. Pihak pengurusan Tabung ini khasnya pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab sepatutnya tidak bersifat menunggu tetapi bertindak lebih agresif dengan memberi penerangan, bimbingan, galakan dan seterusnya confidence, dengan izin, kepada mereka yang patut diberi bantuan dan juga sokongan.

Tuan Pengerusi, saya berharap juga peruntukan ini akan terus ditambah supaya agihannya akan lebih luas dan menyeluruh di negara ini.

Ketiga, saya ingin menyentuh Maksud B.7, mukasurat 33, Butiran 060000—Pengurusan Bangunan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, di negara kita terdapat banyak bangunan-bangunan Kerajaan sama ada ianya bangunan Pejabat Pos, bangunan Pejabat Polis, bangunan-bangunan Kerajaan yang lain-lain ataupun tempat-tempat tinggal. Kerajaan sentiasa memperbanyakkan bangunan-bangunan Kerajaan dengan membina bangunan-bangunan yang baru di samping bangunan-bangunan yang

sedia ada. Bangunan Kerajaan yang telah begitu lama lazimnya penyelenggaraannya begitu lemah dan menjadi begitu tidak selamat sama ada untuk digunakan sebagai tempat bekerja ataupun sebagai tempat tinggal. Banyak daripada bangunan-bangunan ini yang begitu tidak selamat sehingga pegawai-pegawai yang berhak duduk terpaksa menggunakan dayausahanya sendiri untuk memperbaiki atau membaikpulih dan menambahkan kelengkapan. Tidak kurang pula yang memohon daripada Wakil Rakyat untuk membantu mengatasi kesulitan-kesulitan mereka.

Di setengah tempat kediaman yang disediakan oleh Kerajaan sudah terlalu uzur dan terpaksa pula pegawai-pegawai menyewa di tempat lain. Saya percaya Kerajaan ingin melihat pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan tugas dengan baik, menunjukkan prestasi dan produktiviti yang tinggi. Wajarlah Kerajaan mengadakan rancangan-rancangan gerakan penyiasatan secara menyeluruh dan rapi untuk menentukan bahawa bangunan-bangunan Kerajaan ini selamat dan baik serta selesa, sesuai untuk dijadikan tempat tinggal ataupun untuk kegunaan bangunan-bangunan Kerajaan.

Selain daripada itu, bangunan-bangunan yang lama yang masih baik tetapi telah dikosongkan patutlah dibenarkan untuk digunakan oleh mana-mana pihak walaupun untuk badan-badan sukarela bagi tujuan yang baik tanpa melalui proses yang menyulitkan sehingga bangunan itu lupus begitu sahaja disebabkan semakin lama semakin buruk tanpa jagaan dan penggunaan. Keadaan ini sudah tentu merugikan dan membazirkan di pihak Kerajaan. Yang lebih membimbangkan kita ialah dengan kedudukan bangunan-bangunan yang seperti ini, dalam proses bangunan-bangunan itu menjadi buruk dan usang, ia akan menjadi tumpuan perbuatan-perbuatan yang menjadi anasir-anasir buruk kepada negara, seperti kegiatan-kegiatan untuk penagihan dadah dan lain-lain jenayah yang kerap boleh berlaku di tempat-tempat ini.

Oleh itu wajarlah Kerajaan mengambil kira tentang kepentingan bangunan-bangunan Kerajaan ini sama ada yang sedang digunakan atau sudah tidak digunakan supaya Kerajaan tidak rugi semata-mata kerana lemahnya pengurusan dan pengabaian di pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tasek Gelugor.

6.07 ptg.

**Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff (Tasek Gelugor):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan. Saya ingin menyentuh Bekalan Maksud 7, Butiran 050000—Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang telah diperuntukan sebanyak \$41,874,000.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri yang telah melaksanakan tugas dengan baik dan membanggakan umat Islam di seluruh negara dalam meninggikan syiar Islam dan menjunjung tinggi ajaran Islam di negara kita Malaysia yang sewajar bagi agama Islam sebagai agama rasmi.

Tuan Pengerusi, apa yang diharapkan ialah supaya usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan itu diharapkan supaya dapat dipertingkatkan lagi terutama dari segi memperbanyakkan kursus-kursus dakwah dan seminar-seminar atau simposium-simpodium yang dapat mempertingkatkan ilmu dan keimanan umat Islam yang berpeluang mengikuti program tersebut.

Tuan Pengerusi, Yayasan Dakwah Islamiah yang ada sekarang di bawah bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri didapati kurang memuaskan masyarakat Islam dari segi fungsinya yang sebenar di mana masyarakat Islam meletakkan harapan yang lebih tinggi agar program-program dan aktiviti-aktiviti YADIM itu selain daripada mengeluarkan

majalah dakwah, akan lebih aktif dan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk faedah umat Islam di seluruh negara.

Baru-baru ini pihak YADIM telah mengadakan Ijtimak Ulama Se Malaysia kali yang ke 6 pada 23hb Oktober, 1989. Saya berharap rumusan-rumusan yang dicapai hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Sebenarnya rumusan-rumusan daripada perbincangan-perbincangan Ijtimak Ulama yang berkali-kali dibuat sejak yang pertama dahulu telah melahirkan bermacam-macam rumusan.

Saya ingin tahu juga sejauh manakah rumusan-rumusan itu telah dapat dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan sehingga hari ini dan saya ingin tahu adakah rumusan yang dibuat di dalam Ijtimak Ulama Se Malaysia seperti cadangan mengadakan satu penal ulama atau disebut Haiahkibarul Ulama di mana ulama rasa dukacita yang amat mendalam tentang berlakunya perpecahan umat Islam kerana sebab-sebab yang kecil dan yang tidak munasabah. Terdapat juga golongan yang bukan ulama telah mengeluarkan fatwa yang mengelirukan masyarakat dan fatwa-fatwa seumpama itu juga telah menimbulkan penyelewengan di dalam memahami ciri-ciri keislaman. Dalam masa yang sama masyarakat Islam menghadapi kesulitan ketika berhadapan dengan masalah-masalah agama, khususnya yang berkaitan dengan hukum. Oleh kerana banyak fatwa terbit dari berbagai-bagai pihak maka wajarlah ada sesuatu wadah tempat masyarakat boleh merujuk pandangan alim ulama secara ittifaq. Oleh itu, perlunya ada suatu sistem di mana pemikiran dan pendapat ulama secara sebulat dapat disalurkan untuk menjadi hujah kepada masyarakat. Oleh itu, perlulah ditubuhkan satu Penal Ulama atau Haiahkibarul Ulama sebagai forum muzakarah ilmiah dan berfungsi sebagai badan bebas.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi keputusan yang dibuat supaya had umur bersara bagi pegawai-pegawai yang tertentu dalam bidang-bidang agama seperti imam-imam dan mufti-mufti hendaklah dilanjutkan

daripada umur bersara yang dipakai sekarang. Jadi, adakah keputusan itu dipersetujui oleh pihak Kerajaan?

Di dalam rumusan ijtimak yang kedua telah dirumuskan supaya mewujudkan suasana keislaman dalam semua bidang dan mengharapkan suasana keislaman ini dapat atau hendaklah dilaksanakan di semua peringkat, bermula daripada rumah, di sekolah, di pusat-pusat pengajian tinggi, di jabatan Kerajaan dan swasta sehingga dapat mewujudkan realiti kehidupan Islam yang boleh dijadikan teladan kepada masyarakat umum.

Mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek pentadbiran negara, diharapkan agar proses penerapan ini hendaklah merupakan satu usaha yang berterusan di dalam setiap perancangan dan program berhubung dengan pembangunan dan peningkatan umat Islam, pandangan ulama hendaklah diambil kira daripada peringkat permulaan lagi.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa taraf hidup umat Islam di negara ini perlu dipertingkatkan maka sumber-sumber ekonomi Islam seperti zakat, baitulmal, wakaf dan lain-lain hendaklah ditadbirkan dan dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, pihak Hal Ehwal Islam hendaklah mengadakan program-program yang dapat menyedarkan dan meningkatkan kefahaman-kefahaman masyarakat Islam bagi melaksanakan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi perlu diingatkan ialah mengenai mempertinggikan kedudukan Mahkamah Syariah di seluruh negara. Kita merasa bangga dan menyokong penuh langkah Kerajaan untuk meninggikan taraf Mahkamah Syariah dan menubuhkan Mahkamah-mahkamah Tinggi Syariah di seluruh negara dan diharap akan dapat memberi kedudukan yang wajar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan agama dan perkara ini hendaklah dilaksanakan dengan sepenuh-penuhnya di seluruh negara bagi memenuhi keperluan dan

memperkuatkan kedudukan undang-undang Islam dan juga meninggikan syiar Islam.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan di sini menyeru pihak Jabatan Perdana Menteri supaya ditubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat latihan dakwah di seluruh negara bagi mengeluarkan pendakwah-pendakwah yang mampu menjalankan tugas dalam berbagai suasana dan persekitaran. Ini perlu diambil perhatian berat kerana sesungguhnya kita semua menyedari bahawa sekarang ini wujudnya gerakan-gerakan yang menentang Islam sama ada secara bersembunyi atau berterang-terangan dijalankan oleh berbagai pihak bagi menggugat kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara yang akhirnya menyebabkan perpaduan ummah telah tergugat. Perpecahan semakin meningkat dan keamanan juga tergugat. Maka, oleh itu perlulah diajak masyarakat kepada penghayatan Islam dengan sebenar-benarnya, untuk itu para pendakwah perlu diperbanyakkan di negara melalui pusat-pusat latihan dakwah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1978, Kerajaan telah mengadakan satu Bulan Dakwah dan saya rasa sangat memberi kesan yang mendalam. Oleh itu, saya cadangkan supaya diadakan semula Bulan Dakwah tersebut di seluruh negara sebagai satu gerakan Dakwah Kebangsaan untuk meningkatkan penghayatan Islam di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran 150000, mukasurat 34, Program Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Saya menyokong cadangan sabahat saya, Yang Berhormat dari Sungai Petani yang mencadangkan satu akta perlu di bawa ke dalam Parlimen oleh pihak yang berkenaan supaya peniaga-peniaga Islam yang telah membayar zakat perniagaan seperti mana yang dicontohi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang setiap tahun membayar zakat perniagaannya bagi pihak orang-orang Islam tetapi tidak ditolak rebet pada zakat yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan beliau supaya

pihak berkenaan dapat merangka dan membawa akta tersebut ke dalam Parlimen dan ini akan menggalakkan umat-umat Islam yang berniaga yang menjadi usahawan-usahawan menunaikan satu fardu yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. ke atas umat Islam seiring dengan kefarduan menunaikan sembahyang seperti ayat yang bermakna: "Dirikan olehmu sembahyang, tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama-sama orang-orang yang rukuk".

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh Butiran 02400, Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif, mukasurat 35 yang diperuntukkan wang \$11,900,000. Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan ini kerana sudah sampai masanya dilaksanakan sistem maklumat terutama sistem maklumat Islam yang sehingga kini baru di peringkat permulaan hendak dilaksanakan di seluruh negara. Oleh itu, saya merasakan perkara ini sangatlah mustahak dan perlu dan diharapkan peruntukan ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi faedah seluruh umat Islam di seluruh negara. Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.24 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 7, mukasurat 33, Butiran 130000, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan (termasuk Labuan).

Tuan Pengerusi, soal tanah di Wilayah Persekutuan ini kita tahu hanya terhad kepada lebih kurang 94 batu persegi sahaja sedangkan pembangunan begitu pesat dan pembahagian tanah kadangkala kepada syarikat-syarikat tidak dikenalpasti dan diambil kira. Apakah akibatnya jikalau tanah-tanah ini diberi dengan sewenang-wenangnya, akhirnya projek-projek Kerajaan yang kita hendak buat besok tidak ada lagi. Umpamanya, tanah-tanah yang ada sekarang ini telah pun ada nama-nama syarikat-syarikat dan seterusnya untuk

projek-projek perumahan tetapi di Kuala Lumpur ini kemungkinan pihak yang berkenaan sama ada Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Pendidikan sendiri berhubung dengan tanah-tanah sekolah-sekolah di Kuala Lumpur ini. Kita lihat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur ini di celah-celah bangunan-bangunan tinggi yang ada sekarang dan dengan keadaan ini sekolah-sekolah itu pun sudah tua dan usang dan berumur di antara 50 tahun sehingga 70 tahun. Pendawaian-pendawaian pun kalau tidak dijaga boleh menyebabkan kebakaran berlaku. Oleh itu, saya mengharapkan kepada Pejabat Tanah ini kalau boleh tapak-tapak tanah untuk sekolah ini harus disediakan buat masa sekarang ini.

Baru-baru ini satu kebakaran berlaku, iaitu di sebuah sekolah Tamil di Segambut, iaitu di kawasan Lembah Pantai yang mana sekolah itu kedudukannya menumpang di kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan selama hampir-hampir 18 tahun, tetapi sehingga ke hari ini mereka telah bertanya bagaimana keadaan permohonan mereka. Apabila kita bertanya Pejabat Tanah, kemungkinan Pejabat Tanah mengatakan tidak ada tanah lagi di Wilayah Persekutuan ini, tetapi saya rasa kalau pihak Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan mencari kawasan-kawasan ini, kemungkinan kita mendapatkan tanah ini.

Dalam soal sekolah di dalam Wilayah Persekutuan ini juga, sebab tidak ada tanah, terpaksa diadakan kelas-kelas di "flat-flat". Ini membimbangkan anak-anak kita. Kerana tidak ada tanah, persekolahan ini dibuat di flat-flat dan menumpang pula buat sementara waktu. Saya rasa kalau untuk anak-anak yang belajar kita amalkan ini, kemungkinan anak-anak kita ini tidak boleh belajar dengan tekun. Kita tidak mahu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini diadakan sekolah pagi, petang dan malam, nanti kita tidak ada tanah untuk kelas-kelas atau sekolah-sekolah lagi yang patut kita dirikan.

Satu lagi, berhubung dengan sekolah ini juga, di mana sebuah di sekolah Jalan Bangsar, Pantai Baru iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tidak juga mempunyai

tanah. Saya rasa pihak Pejabat Tanah haruslah mencari tanah dan menolong menyelesaikan masalah-masalah yang begitu lama ditimbulkan oleh Pengerusi PIBG dan seterusnya penduduk-penduduk yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Seterusnya . . . .

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Boleh, elok jua dapat tahu.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Pengerusi, saya ada dua soalan yang berkehendakkan penjelasan. Berkaitan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Jalan Bangsar, apakah nama Sekolah itu dan soalan kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada masalah kekurangan tanah di Wilayah Persekutuan, lagi satu masalah ialah Kementerian Pendidikan perlu membayar premium yang sangat tinggi kepada Pejabat Tanah jua?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Itulah yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi, supaya pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pendidikan mencari jalan. Sekolah yang disebutkan tadi ialah Sekolah Luck Hung di Jalan Bangsar di mana sekolah tersebut telah menumpang begitu lama dan mereka berkehendakkan tempatnya.

Satu lagi, B.7 juga muka surat 34, berhubung dengan program Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh dalam soal ini juga, iaitu Butiran 150000. Kita berasa bangga pada suatu masa sebelum musim Haji tahun ini ada ura-ura bahawa pihak Tabung Haji untuk memendekkan masa duduk di Mekah dari 45 hari kepada 20 hari. Alhamdulillah, baru-baru ini, di dalam Dewan ini juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjawab bahawa ini tidak akan dilakukan kerana amalan biasa ini rasa saya dapat diteruskan kerana

masa selama 20 hari itu sebagaimana yang kita tahu adalah masa yang begitu suntuk bagi jemaah-jemaah haji kita untuk meneruskan urusan-urusan yang patut dijalankan semasa di Mekah dan juga Madinah.

Apa yang saya maksudkan di sini berhubung dengan perkara ini ialah pada suatu masa sebelum tahun ini ada juga ura-ura pihak Kerajaan dan Kementerian Penerangan, sungguhpun yang saya sebutkan ini berhubung dengan Tabung Haji, telah mengatakan bahawa kita akan menghantar jurugambar-jurugambar kita yang akan mengambil gambar untuk siaran terus-menerus dari Mekah ke Malaysia, tetapi akhirnya jurugambar-jurugambar ini tidak dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi yang mana mereka hanya membenarkan jurugambar-jurugambar mereka sendiri.

Di sini kita mengucapkan terima kasih kerana kita dapat melihat keadaan Jemaah-jemaah Haji. Tetapi kalau jurugambar daripada Arab Saudi sahaja dibenarkan, mereka ini tidak menghiraukan orang-orang kita sendiri iaitu jemaah-jemaah haji dari Malaysia ini. Mereka mengambil gambar apa yang mereka suka sahaja. Oleh itu, kadangkala kita tidak dapat melihat gambar-gambar jemaah-jemaah haji kita kerana jemaah-jemaah haji kita pun tidak ramai, cuma 35,000 ataupun 36,000 orang sahaja berbanding dengan berjuta-juta orang yang ada di situ. Kalau sekiranya jurugambar kita sendiri yang ada di sana, kemungkinan besar jurugambar kita kenal muka dan bentuk orang-orang Malaysia sendiri dan anak-anak keluarga ataupun saudara-mara kita akan dapat melihatkan keadaan. Di samping itu juga mereka ini akan dapat mememuramah dan sebagainya dan rakyat di Malaysia ini secara terus-menerus akan dapat mendengar suara-suara dan melihat keadaan saudara-mara kita yang ada di sana serta kedudukan tempat tinggal mereka, makanan dan sebagainya.

Berhubung dengan perkara ini juga saya mengharapkan supaya di dalam tahun ini juga di mana kita mendengar beribu jemaah-jemaah haji kita yang pergi ke Mekah tanpa

melalui Tabung Haji dan pergi bersendirian dan apabila mereka ini telah mendapat kesusahan, pihak Lembaga Tabung Haji serta Kerajaan Malaysia mendapat beban. Oleh itu saya mencadangkan dan menesyorkan supaya tiap-tiap jemaah haji yang hendak pergi menunaikan fardu haji ini mestilah melalui Tabung Haji. Mereka tidak dibenarkan lagi pergi bersendirian kerana ini merosakkan nama dan imej negara kita sendiri disebabkan oleh usaha-usaha mereka yang pergi bersendirian ini, apabila mereka terkandas, Kerajaan Malaysia kita sendiri yang mendapat nama buruk, sedangkan merekalah yang membuatkan kerja mereka sendiri.

Saya masuk kepada Maksud P.7, Butiran 03500, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan dan saya juga meminta izin supaya dimasukkan sekali Butiran 03600, Pengawalan Penempatan Setinggal di Wilayah Persekutuan yang mana perumahan diperuntukkan \$5 juta dan pengawalan setinggal ini diperuntukkan \$2 juta di Wilayah Persekutuan ini, sungguhpun ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebelum saya tadi ada yang menyuarakan masalah ini. Masalah perumahan di Kuala Lumpur ini adalah sangat rumit kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi, tanah-tanah begitu kekurangan. Penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini hendak duduk dan tinggal bagi menempatkan keluarga mereka. Mereka bukan sebagaimana penduduk di negeri-negeri lain yang boleh meminta tanah untuk bercucuk tanam, untuk memelihara ikan, untuk itu dan ini yang berhubungan dengan tanah, tetapi di Kuala Lumpur ini tidak ada dan mereka ini duduk di kawasan-kawasan setinggal. Kita sedia maklum bahawa kawasan setinggal ini, lebih-lebih lagi mereka yang duduk di Lembah Kelang yang sentiasa dilanda banjir. Saya rasa hujan tadi pun telah menyebabkan banjir di situ.

Setiap kali musim tengkujuh, kawasan tersebut dinaiki air setinggi tiga atau empat kaki. Bagaimanakah keadaan mereka itu? Oleh itu, saya rasa dalam keadaan ini

peruntukan bagi perumahan yang \$5 juta itu tidak mencukupi. Kita mengharapkan Jabatan Perdana Menteri supaya melebihi lagi sumbangan ini supaya pihak Dewan Bandaraya dapat mendirikan rumah seberapa segera yang boleh. Saya rasa kalau perkara ini dibiarkan juga, perbelanjaan akan bertambah apabila berlaku banjir kilat dan seterusnya Dewan Bandaraya akan mengeluarkan wang juga bagi menampung perbelanjaan makanan, perpindahan dan sebagainya. Apakah salahnya perbelanjaan yang besar dikeluarkan bagi menyediakan rumah ini dan Kerajaan akan dapat mengutip semula wang daripada sewa ataupun jualan kepada mereka yang membeli rumah tersebut.

Salah satu perkara lagi, saya mengharapkan supaya harga-harga rumah ini yang mana telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan iaitu dengan harga \$25,000. Kepada orang-orang yang berada, orang yang mampu, memanglah tidak menjadi masalah, tetapi kepada orang yang tidak mampu, saya pun kadangkala bersimpati kepada mereka, mereka tidak dapat membayar untuk harga rumah itu dengan gaji sebanyak \$180 atau \$200 dengan lima atau enam orang anak. Bagaimana mereka hendak membayar sewa sebanyak \$97 sebulan? Dalam keadaan ini kita mengharapkan agar pihak Kerajaan dapat mengkaji semula tentang bayaran bulanan dan juga harga rumah-rumah ini supaya mereka ini dapat duduk dengan selesa sedikit dan memudahkan anak-anak mereka.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila sambung esok.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*